

[Dokumen ini belum disemak]  
[Kandungan dilampirkan]

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Selasa, 28 Disember 1999**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**Kebenaran Bercuti Kepada Ahli**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin dan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany dari 27 hingga 28 Disember 1999. Ahli-ahli Dewan Negara ini saya percaya bersetuju dengan saya dan sama-sama kita berdoa semoga beliau akan cepat sembuh selepas pembedahan baru-baru ini.

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**10.03 pagi.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan selepas itu Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

**Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya :

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan selepas itu Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dipertimbangkan semua urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan selepas itu Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1999) (No.2) 1999**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” [27 Disember 1999]

**Tuan Yang di-Pertua:** Masih ada lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap? Saya jemput Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan.

**10.05 pagi.**

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun seperti rakan-rakan lain di Dewan sebagaimana kita bahaskan semalam sama-sama untuk menyokong Akta Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) 1999 yang telah dibentangkan oleh kerajaan semalam dan ianya melibatkan pertambahan ataupun peruntukan sebanyak RM600 juta yang melibatkan 10 jabatan ataupun kementerian. Perkara ini telah juga dibangkitkan di Dewan Rakyat dan telah diluluskan. Agak sukar sedikit di peringkat Dewan Rakyat kerana perkara ini telah dibentangkan ketika sidang Dewan hari pertama selepas pilihan raya banyak perkara yang tidak bertepatan dengan aturan dan peraturan telah berlaku terutama sekali dari rakan-rakan kita daripada parti pembangkang yang telah menjadi Ahli Dewan Rakyat.

Jadi, kita berharap di Dewan Negara ini akan menjadi sebuah institusi Dewan yang tertinggi yang membahaskan secara kolektif apa jua perkara yang membabit

kepentingan negara dan rakyat tidak akan berlaku di Dewan Negara sebagaimana berlaku di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang keadaan seperti biasa Perbekalan Tambahan ini adalah perkara yang telah memberi pendekatan yang begitu telus yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dari dahulu sampai sekarang dan perkara ini telah ditimbulkan agak berbeza dengan perkara-perkara yang berlaku di beberapa negeri yang di perintah oleh parti pembangkang. Saya ingin menjelaskan bahawa pada mutakhir ini khususnya di negeri saya iaitu di Terengganu rakyat telah memberi mandat kepada sebuah parti pembangkang iaitu PAS untuk memerintah dan perkara ini telah dipaparkan oleh media dan akhbar walaupun banyak perkara telah tidak mengikut aturan dan peraturan, perkara-perkara yang bercanggah dengan kedudukan dan polisi serta dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Pusat dan perkara-perkara yang berkaitan Perlembagaan.

Sebagai contohnya ialah apabila ada kenyataan-kenyataan liar dan tidak bertanggungjawab dan provokasi daripada beberapa pemimpin Kerajaan PAS Terengganu berkenaan supaya jangan campur tangan Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri. Memang pun BN secara totalnya menerima – kita selalunya gentleman dan bersikap terbuka di mana-mana keputusan pilihan raya. Kita ucapkan tahniah kepada rakan kita daripada PAS yang telah dapat menubuhkan kerajaan di Terengganu. Tetapi yang terpenting ialah apakah hubungan dua hala yang diminta oleh PAS kerjasama dan sebagainya selalu diadakan perkara-perkara yang berbentuk provokasi, sama ada kita setuju atau tidak setuju ialah BN yang ditunjangi oleh UMNO telah memerdekakan negara ini begitu lama, 40 tahun lebih, sama ada rakyat yang menyokong BN ataupun tidak ataupun rakyat yang neutral sebenarnya kita telah terlindung dengan kuasa Allah S.W.T. dengan kedamaian dan keamanan dalam perjuangan mendaulatkan bangsa kita terutama sekali membentuk satu bangsa Malaysia yang bersatu padu, dapat membentuk satu keamanan dan kedamaian sebenarnya kita tidak terlepas daripada perkataan syukur.

Jadi, perkara seperti ini kita nampak apa yang berlaku di Terengganu seolah-olah ada satu bentuk provokasi yang tidak sihat. Di satu ketika ada provokasi berkenaan dengan meminta Kerajaan Pusat membetulkan baik projek lebuhraya. Walaupun projek ini projek raksasa dan PAS dan DAP sebelum ini, saya rasa hampir setahun DAP sendiri telah menggunakan isu tol dan lebuhraya ini sehingga kita mempunyai banyak masalah untuk menerang balik kepada rakyat. Apabila PAS

memerintah negeri Terengganu ia batal, mansuhkan pembayaran tol. Memang dari segi sentimen rakyat dapat menerima, tetapi segelintir rakyat sahaja yang mendapat faedah dari perkara-perkara seperti ini. PASlah yang sebenarnya menentang projek yang dibina oleh kerajaan BN ketika itu untuk diadakan satu jalan dan lebuh raya yang agak baik di tengah perbandaran Kuala Terengganu supaya dapat menghubungkan di antara Kelantan, bandar dan juga beberapa pulau serta satu airport yang baik di Kuala Terengganu.

Jadi, perkara-perkara ini telah membangkitkan sentimen kebencian sebahagian daripada rakyat kepada parti BN. Takkanlah dalam kita memerintah begitu lama tidak ada satu pun perkara-perkara yang mempunyai kaitan yang menyeluruh bagi membangunkan negeri dan rakyat. Di Dewan Undangan Negeri baru-baru ini juga kita dapati bahawa kepimpinan PAS *highligh*'kan Kerajaan BN berhutang RM700 juta lebih.

Jadi, saya mencabar Kerajaan PAS di Terengganu khususnya walaupun ianya tidak terlibat – ini perkara negeri, tetapi ianya mempunyai keterlibatan dalam Perlembagaan kita Fasal 79 bahawa soal-soal kewangan di peringkat negeri jika apa parti sekalipun memerintah adalah menjadi tanggungjawab kerajaan khususnya Treasury dan Kementerian Kewangan.

Saya minta Kerajaan PAS mendedahkan beberapakah aset yang telah terbina dan dibina oleh BN dan UMNO di negeri Terengganu. Kadang-kadang kita dalam membangun sebuah negeri kita *highlight* perkara ini seolah-olah menidakkan seratus peratus usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan BN sebelum ini. Saya bukan mendabek dada bahawa BN terbaik dalam memimpin negeri Terengganu sebelum ini. Tetapi provokasi seperti ini sebenarnya telah memainkan sentimen rakyat seolah-olah kita tidak pandai mengurus negeri kita.

Sebagai seorang rakyat negeri Terengganu walaupun saya tidak dilantik oleh negeri Terengganu sebagai Ahli Dewan Negara dan kita ucap tahniah juga kepada rakan saya yang telah dipilih sebagai Ahli Dewan Negara, Yang Berhormat Safinah dan Tuan Hassan. Saya tidak menentang peribadi Tuan Hassan tetapi sebenarnya saya dapat kompelin banyak daripada rakan-rakan dari parti Keadilan dan PAS mengambil orang luar Terengganu untuk mewakili Terengganu di Dewan Negara ini. Saya bukan peribadi tetapi banyak rakan dari parti Keadilan dan PAS seolah-olah tidak ada pemimpin yang baik untuk mewakili Terengganu sebagai Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama pemimpin-pemimpin PAS telah membuat provokasi seolah-olah Kerajaan BN adalah satu kerajaan yang rasuah, yang tidak pragmatik, yang tidak progresif, yang tidak pandai menguruskan negeri. Sebab itulah pada hari ini saya meminta semua pihak supaya sebagaimana saranan Perdana Menteri bahawa kerjasama memang terjalin dalam bentuk Perlembagaan dan dalam bentuk pengurusan di antara negeri dan Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahulah kerana provokasi yang telah dibuat oleh beberapa.....

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Minta jalankah Dato'?

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Ya.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Biasanya kita minta dengan menteri. Hari ini hebat saya, menteri minta laluan. Sila.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan adakah dengan perkataan 'provokasi' ini wujud unsur-unsur pembohongan, itu satu. Keduanya, saya minta Yang Berhormat memberi penjelasan sedikit apakah maksud pemimpin-pemimpin PAS apabila kerajaan melantik Timbalan Perdana Menteri menjadi pengerusi jawatankuasa menangani penyakit JE dikatakan beliau kalau di Arab ada 'Badawi' membela unta dan kambing tetapi di Malaysia 'Badawi' membela babi. Tetapi apabila mereka memerintah, mereka pula mengizinkan. Kita bukan mengatakan kawan-kawan bukan Islam tidak boleh tetapi mengizinkan perkara-perkara yang telah pun dibatalkan, tidak dibenarkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini. Apakah beza pendirian ini? Apakah ini berbentuk provokasi ataupun penipuan?

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Provokasi dalam bentuk penipuan, fitnah. Sebagaimana pilihan raya baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional bertanding dengan keadaan bersih, tetapi PAS sebagai contohnya walaupun perkara ini agak peribadi, saya dengan isteri saya dengan Ziana Zain dipaparkan oleh gerakan PAS. Jadi, saya rasa saya hebat juga sebagai calon diletakkan bersama dengan Ziana Zain, ada upacara Pemuda minta derma kerja yang baik. Tetapi diprovokasi ataupun dipropagandakan. Menteri Besarnya dengan pemimpin-pemimpin BN seolah-olah semua pemimpin BN di Terengganu ini kotor dan sebagainya.

Berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Haji Azmi, masalah babi ini kita serah kepada rakyat untuk menilai. Dalam masa kita membanteras JE ini walaupun kaum Tionghua yang terlibat dengan pemeliharaan babi, perdagangan dan perniagaan babi di Negeri Sembilan dan sebagainya dapat menerima keputusan Kerajaan Barisan Nasional untuk menyelamatkan unsur-unsur sampingan, kebersihan dan sebagainya. Kita tahu budget yang kita keluar ini pun sebahagiannya pun adalah untuk menjaga penyakit supaya tidak merebak daripada kegiatan menternak babi. Jadi, Kerajaan Terengganu meluluskan mana-mana usahawan untuk menternak kerana itu hak dan sebagainya.

Saya serah kepada rakyat untuk menilai perkara ini, kerana kita beri tempoh lima tahun. Jadi, kata yang Amat Berhormat Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang, Menteri Besar saya Kerajaan Pusat dan BN jangan ganggu kerajaan negeri. Jadi, seolah-olah kita jahil dalam mentadbir negara kita. Dalam Fasal 79 jelas perkara-perkara berkaitan kewangan, pendidikan, apa lagi saya pun tidak ingat, Timbalan Menteri Kewangan kena selesailah sekarang beberapa perkara yang berkaitan – kesihatan dan sebagainya itu tanggungjawab Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri.

Jadi, kalau dalam masa yang sama kita minta kerjasama kita (*provoke*), pembohongan, fitnah dan sebagainya, saya tidak hendak kasar sangat pasal bulan puasa, tetapi hakikat bahawa seolah-olah kita telah mendapat mandat di Terengganu, seolah-olah kita sahajalah mempunyai tanggungjawab. Sebab itulah BN – saya minta BN khususnya Kerajaan Pusat kali ini tidak boleh lagi buat seperti dilaksanakan sebelum ini. Pimpinan BN sebelum ini terlampau profesional, terlampau baik, terlampau berhemah, terlampau mengurus rakyat negeri dan negara dengan begitu bijaksana tetapi kita tengoklah sendiri hari ini hampir keseluruhan penghulu yang menyokong BN akan ditukar-takirkan daripada Utara ke Selatan dan sebagainya. Ketua-ketua kampung telah pun diberi surat dan JKK pun akan dimansuhkan. Itu memang hak kerajaan negeri, kita tidak persoalkan tetapi dalam agenda mana-mana parti politik, jangan libatkan rakyat bawahan yang tidak tahu apa yang ingin bergantung kepada kerajaan sama ada kerajaan itu Kerajaan PAS ataupun Kerajaan Pusat. Jadi, yang berkaitan dengan *highlighting* dalam Dewan Undangan Negeri baru-baru ini bahawa kerajaan negeri berhutang sebanyak RM700 juta, saya mencabar kerajaan negeri juga supaya memaparkan berapakah jumlah aset, harta dan juga kedudukan kewangan sama ada di peringkat kerajaan negeri ataupun di peringkat

tabung-tabung amanah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan BN sebelum itu supaya ada ballance. Jadi, seolah-olah kita tidak memaparkan satu penyata.....

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:**

[Bangun]

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Yang Berhormat minta laluankah?

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Senator Rosli ada mengatakan bahawa apabila kerajaan PAS Terengganu mula mengambil kuasa, wujud pelbagai pertukaran baik ahli-ahli jawatankuasa keselamatan kampung, ketua kampung mahupun sehingga jawatan yang tertinggi iaitu jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu. Saya ingin tahu sama ada betul atau tidak bahawa apabila Kerajaan Barisan Nasional dituduh menukar pegawai-pegawai, Kerajaan PAS dengan sewenang-wenangnya mengatakan bahawa itu adalah tindakan zalim tetapi apabila PAS pula menukar kakitangan-kakitangan kerajaan, tindakan tersebut dikatakan oleh Menteri Besar Yang Berhormat Senator Rosli kata itu adalah takdir. Jadi, yang mana satu betul ini?

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Nampak saya hebat juga hari ini. Pihak kerajaan soal saya ini, sahabat saya dari Johor, tahniah menjadi Timbalan Menteri, hebat kawan saya ini. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mempersoalkan perkara-perkara yang agak *detail* berkenaan dengan pengurusan negeri tetapi kita ingin mempersoalkan perkara-perkara yang di *provoke* (perkara-perkara yang membohongi rakyat). Sebagai contohnya apabila kita *highlight*kan Kerajaan Barisan Nasional meninggalkan hutang RM700 juta lebih tanpa memberi satu penilaian dan penyata kewangan yang rapi bahawa katalah tinggal memang berhutang, dalam proses membina pengurusan negeri, pengurusan negara, memang kita mempunyai proses hutang dan sebagainya. Jadi, kita seolah-olah menidakkan kewibawaan dan peranan yang telah dibuatkan oleh Barisan Nasional Terengganu sebelum ini.

Tujuan saya *highlight*kan di sini adalah untuk memberi amaran kepada pemimpin PAS, jangan 'belit India' – dalam bahasa Terengganu dia kata 'belit India'. Minta maafkah kawan-kawan berbangsa India – 'belit India'. Maknanya satu masa ada satu, dua Exco minta kerajaan meluluskan *highway*, jalan dan sebagainya. Tetapi satu ketika pemimpin-pemimpin PAS yang lain juga menghentam pimpinan Perdana Menteri, pimpinan Barisan Nasional dan sebagainya.....

**Tuan N. Marimuthu:** [Bangun]

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Ha, marah? [*Ketawa*]

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat kawan saya Senator Rosli kata perkataan 'belit India', apa ini, saya pun tidak faham. Apa maksudnya?

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Saya minta maaf kalau perkara ini sensitive tetapi perkara ini telah berada di dalam peribahasa Melayu...

**Seorang Ahli:** Tarik baliklah.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Dan kalau perkara ini *sensitive* saya tarik baliklah tetapi pokoknya, boleh terima ya, Yang Berhormat? Boleh terima ya. Saya tarik baliklah perkataan itu, tidak ada perkataan yang lebih elok tetapi pokoknya sebagai contohnya apabila Kerajaan Pusat hendak menilai, apabila tol tidak dibuat, maka *highway* ke Terengganu terpaksa di nilai semula, bukan dibatal, dinilai semula, maka *provokasi* yang telah dibuat oleh beberapa pemimpin PAS dan di Dewan Rakyat sendiri pun telah memberi.....

**Tuan Haji Hassan bin Shukri:** [*Bangun*]

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tidak apa, saya bercakap dahulu. Banyak ....

**Tuan Haji Hassan bin Shukri:** [*Menyampuk*]

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Biar dahululah, saya sudah hendak habis fasal ramai lagi hendak bercakap, seorang, dua. Yang Berhormat pun sudah bercakap semalam. Saya pun dengar walaupun tidak ada dalam Dewan semalam. Terima kasih, Yang Berhormat. Jadi, saya baru satu *point* sahaja, saya ada dua, tiga *points*, jadi kesihan kawan-kawan yang lain hendak bercakap juga. Jadi, secara keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua, kita memberi amaran kepada ....

**Tuan Haji Hassan bin Shukri:** [*Menyampuk*]

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tidak apalah, banyak lagi peluang Yang Berhormat baru *first term*, saya pun sudah hendak habis. Banyak lagi peluang, ini jenis PAS memang macam inilah, kita bercakap sedikit dia ganggu, bercakap sedikit dia ganggu. Kalau support sedikit boleh tahan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya selepas menarik balik perkataan daripada awal tadi bahawa kita memberi amaran kepada Kerajaan Terengganu walaupun pimpinannya akan berkata serah kepada rakyat untuk menilai selama lima tahun tetapi kita mahu memberitahu apabila Kerajaan Terengganu meminta kerjasama, Perdana Menteri ini terlampau baik sangat, kita kena beritahu Perdana



Menteri, kerjasama atau tidak kerjasama itu memang tanggungjawab dan kita mahu beritahu bahawa Barisan Nasional memang daripada dahulu sampai sekarang berjuang untuk mengangkat martabat negara, mendaulatkan bangsa dan juga mempertahankan agama. Kalau bercakap masalah Islam maknanya PAS sekarang duduk di hadapan, sebenarnya jihad utama yang telah dibuat oleh negara kita apabila kita merdeka, meletakkan dalam Fasal berapa, 35kah atau 53 – meletakkan Islam sebagai agama rasmi negara diterima oleh semua bangsa Melayu, India, Kadazan dan sebagainya sebagai satu perjuangan jihad yang telah dilakukan secara besar-besaran oleh UMNO dan juga kerajaan dalam Perlembagaan. Itu kita kena ingat, jangan kita lupa. Kalau perkara-perkara ini tidak ada PAS pun tidak wujud, sebenarnya. PAS lahir selepas merdeka. Kita jangan banyak cakap sangatlah tetapi hakikatnya sekarang saya minta Kerajaan Pusat lebih bertegas dalam soal-soal pembangunan fizikal, pembangunan rakyat dan kita yakin dan percaya lapisan baru parti Barisan Nasional dan UMNO di Terengganu akan bangun untuk memperjuangkan apa juga perkara untuk kepentingan rakyat Terengganu.

Dalam masa yang sama menjadi tanggungjawab dan tugas pemimpin PAS di Terengganu tetapi dalam masa yang sama juga kita tidak mahu segala juga peruntukan Kerajaan Pusat yang memberi manfaat kepada rakyat diselewengkan oleh pemimpin-pemimpin PAS di Terengganu. Saya memberi amaran kepada Menteri-menteri kita, senator pun ramai, tolong beritahu Perdana Menteri satu bentuk mekanisme bentuk Kerajaan Persekutuan Terengganu mesti diwujudkan di Terengganu dan kalau boleh, kalau tidak salah saya lantiklah sesiapa yang berwibawa – Menteri seorang, Timbalan Menteri seorang, Setiausaha Parlimen seorang dan agensi-agensi kerajaan yang telah banyak berjuang di Terengganu seperti Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah dan sebagainya, semua milik Kerajaan Pusat. Semua Kerajaan Pusat yang memegang kuasa dan sebagainya. Social engineering baru rakyat Terengganu harus didedahkan bahawa segala bentuk peruntukan perlu diasingkan di antara peruntukan kerajaan negeri yang diperintah oleh PAS dan juga peruntukan Kerajaan Persekutuan. Rakyat mesti tahu, kalau bantuan buku teks, itu siapa yang beri, kita beritahu dan kita minta jugalah di atas apa juga masalah yang dihadapi, kita bukan hendak menganiayakan rakyat, kita mahu rakyat membangun.

Baru-baru ini kita anggap 10 peratus atau 20 peratus silap kerana fitnah, pembohongan dan sebagainya yang dibuat PAS, kita pula tidak *defense* diri sendiri, kita ingat kita ini jenis ‘Lillah’ sangat maka, kita pun kecundang di Terengganu.

Adalah faktor-faktor luaran yang membantu kekalahan kita di Terengganu dan juga kelemahan-kelemahan kita sendiri, kita mengaku dan dalam proses muhasabah diri melihat ke dalam apakah kelemahan-kelemahan kita dan insya-Allah, lapisan baru pimpinan Barisan Nasional Terengganu dan juga UMNO akan disusun semula selepas ini dan kita pun tahu Timbalan Perdana Menteri sendiri akan menjadi Pengerusi Perhubungan UMNO dan Barisan Nasional Terengganu dan kita yakin dan percaya satu gerakan pembaharuan untuk menyakinkan rakyat bahawa hanya Barisan Nasional yang ditunjangi oleh UMNO sahaja dapat terus membela rakyat khususnya di Terengganu. Tuan Yang di-Pertua, saya terlampau lokal, biasanya saya bercakap nasional. Saya tidak hendak sentuh lagi soal Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan yang kedua ialah kelemahan-kelemahan yang berada dalam alaf baru ini. Semua bercakap mengenai alaf baru seolah-olah alaf baru ini adalah satu masa yang sungguh berbeza dengan masa di alaf sekarang ini. Sebenarnya alaf baru atau tidak alaf baru itu serupa, yang pentingnya kita mesti berhijrah dan membuat pendekatan-pendekatan baru dalam pembangunan negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah mengadakan Kongres Ekonomi Bumiputera Yang Keempat (KEB-4) yang telah memaparkan hampir 113 resolusi yang mencakupi perkara-perkara yang perlu diperkukuhkan oleh kerajaan dan saya tidak nampak lagi satu usaha yang dibuat oleh kerajaan, satu mekanisme bagaimanakah keputusan-keputusan termasuklah perkara-perkara yang mempunyai kepentingan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera dan perkara-perkara yang berkaitan dengan industri kecil dan sederhana dan penyusunan semula agensi amanah dan beberapa syarikat gergasi yang mempunyai kepentingan untuk bumiputera dalam bentuk ekuiti dan sebagainya. Kita ada 113 resolusi, kita tidak mahulah selepas lima tahun baru perkara ini dapat dilaksanakan dan kita mahu segala keputusan Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat dapat dilaksanakan dan diterjemahkan bukan sahaja oleh kerajaan tetapi swasta dan akhirnya kepada seluruh rakyat kerana yang pentingnya KEB-4 bukan hanya memaparkan kepentingan bumiputera semata-mata tetapi memaparkan kepentingan jaringan dan rangkaian di antara semua kaum di negara kita bagi mewujudkan satu bangsa Malaysia yang maju dalam alaf baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta satu pendekatan dan pelaksanaan segera Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat sejumlah 113 daripada resolusinya

dilaksanakan segera mengikut keperluan masing-masing – kementerian, agensi amanah, jabatan dan juga dewan-dewan perniagaan, persatuan, NGO dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga terkilan sedikit apabila sahabat saya Menteri....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Menteri minta laluan.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Allah, bila Menteri minta laluan kena berilah.

**Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa rancangan itu, Kongres Ekonomi Bumiputera yang menjurus ke arah pembangunan, kesejahteraan, basmi kemiskinan, basmi huru-hara dan takut di dalam sebuah negara, itu dipanggil kerja-kerja Islam (*Islamic work*). Adakah Yang Berhormat bersetuju?

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, apabila Menteri menjaga hal ehwal agama menyoal saya, susah sedikit saya hendak jawab ini tetapi sebenarnya sebagaimana kita maklum bahawa Barisan Nasional dan UMNO telah menunjangi persoalan-persoalan pokok bagi menjalankan kerja-kerja Islam ini. Kalau kita tengok dari segi pendidikan, dari segi gerakan agama dan sebagainya, jadi seolah-olah PAS telah mengadakan satu pemurnian yang baru – hendak mengislamkan semula Islam yang telah ada di negara kita ini dan segala usaha yang dilaksanakan oleh Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat ini, untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan Negara, apabila kita menjemput PAS, PAS tidak hadir sedangkan ada parti-parti lain yang membangkang memang hadir kerana ini penting untuk negara. Macam MAPEN II, apabila kita jemput dahulu untuk membuat beberapa resolusi dan pendekatan bagaimanakah hala tuju ekonomi negara, PAS mempolitikkan perkara-perkara ini sedangkan terbinanya bangsa - termasuklah pegawai-pegawai kerajaan.

Kita hendak peringat jugalah baru-baru ini ada segelintir pegawai kerajaan termasuk guru, pensyarah di ITM, pensyarah universiti – kita berani cakap fasal Menteri kita senator, dia pun boleh tulis sedikit. Saya hendak beri senarai, saya rasa bukan jenis pemimpin Barisan Nasional memberi senarai kepada Menteri, itu bukan kerja pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, kita suka mendidik dan sebagainya. Cuma kita maklumkan bahawa ada segelintir yang agak substantial, kakitangan kerajaan, guru-guru, pensyarah dan sebagainya terlibat dengan memakai logo parti-parti pembangkang – ha, parti pembangkang dia sukalah, dia kata kita sudah beli

pegawai kerajaan dan sebagainya tetapi kita melihat perkara ini seolah-olah ianya menidakkan usaha-usaha ataupun keadilan diri kita sebagai kakitangan kerajaan.

Hendak pangkah itu pangkahlah sesiapa tetapi memaparkan diri sendiri sebagai satu kumpulan manusia yang telah diberi amanah oleh kerajaan untuk menjadi pegawai kerajaan kita mesti menterjemahkan apa juga dasar. Jadi, perkara-perkara seperti ini saya rasa menteri-menteri pun akan melihat secara agresif selepas ini bahawa selepas kita menuju ke alaf baru ini sebenarnya banyak perkara yang perlu di reshuffle ataupun diubahsuai terutama sekali pendekatan kakitangan kerajaan dengan kerajaan dan kerajaan sendiri dengan kakitangan kerajaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan Yang Berhormat Dato' Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi, hampir keseluruhan usaha Barisan Nasional yang ditunjangi oleh UMNO memang dalam bentuk Islamic, cuma ditidakkkan oleh PAS. Jadi, seolah-olah PAS ini, sebab itu apabila saya cadangkan di dalam perjumpaan ataupun dalam sidang yang lalu bahawa PAS sepatutnya kita tidak benar lagi gunakan perkataan Islam' fasal dia tidak *Islamic* mana dalam perjuangannya. Jadi, seolah-olah apabila PAS itu parti Islam, dia pergi ke kampung-kampung cerita, jadi parti lain tidak Islam. Serupa juga dengan ABIM tetapi benda itu sudah ditampal besar di Terengganu itu seolah-olah saya tidak mahu Islam. Ini fesyen, cara beberapa pemimpin PAS berfikir untuk membohongi dan mendalangi rakyat yang memang mempunyai sebahagian besarnya cetek ilmu dan sebagainya.

Jadi, kita tidak mahulah perkara ini begitu dan saya minta kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri, saya ulangi sekali lagi, kita kaji balik perkataan Islam itu tidak boleh digunakan oleh mana-mana parti politik dan juga NGO, NGO dia pun kata Yayasan Islamlah, banyak lagi dia kata tetapi maksud saya mesti ada satu garis panduan bahawa perkataan Islam tidak boleh wujud di mana-mana parti politik dan juga badan-badan ataupun persatuan-persatuan kerana kalau kita kata Angkatan Belia Islam Malaysia jadi angkatan seperti 4B, MAYC seolah-olah tidak Islamic, itu cara gerakan yang dibawa. Zaman dahulu tidak berlaku begini tetapi akhir-akhir ini memang berlaku begitu. Kita tengoklah Ahli-ahli Dewan Rakyat yang kurang ajar bercakap dengan pemimpin-pemimpin kerajaan hari itu di Dewan Rakyat kebetula n kita ada, termasuklah Ketua Pemuda PAS mengesyaki Perdana Menteri begitu banyak, marah kepada Petronas dikawal oleh pemimpin Petronas dan Perdana Menteri, dia kata dia tuduh, macam itu senang Perdana Menteri beri.

Saya hendak memberitahu kepada pemimpin-pemimpin PAS bahawa cara kita mengurus negara bukan cara Perdana Menteri mempunyai *so call power*, kita ada sistem kabinet dan kita sekarang ini pun dalam proses mentadbir secara telus supaya kita dapat memaparkan apa juga perbelanjaan. Jadi, kalau PAS tidak berapa faham, jahil dan sebagainya saya cadangkan wakil-wakil rakyat baru ini, kerajaan mengadakan satu kursus khas berkenaan dengan Perlembagaan secara mengurus kerajaan dan sebagainya. Macam di Terengganu berlaku, saya sudah tidak hendak cakap tetapi mari cerita betul ini, kita tengok kejahilan beberapa ADUN dan sebagainya PAS, keluarga saya semua tetapi caranya apabila lepas dia menang, dia pun pergi ke pejabat KEMAS hendakkan senarai mana KEMAS yang kerajaan negeri. Mana KEMAS kerajaan negeri? Jadi, penyelia KEMAS ini nasihat balik, jadi kita mintalah wakil-wakil rakyat PAS yang menang dalam pilihan raya seperti di Dewan Rakyat, di Dewan Undangan Negeri diadakan satu pendekatan kursus. Kita di Barisan Nasional ini berapa lama sudah memerintah pun banyak masalah yang dihadapi dan kita memang tidak membetulkan mana-mana rakan-rakan yang tidak betul tetapi PAS ini kalau dia buat tidak betul pun, rakan dia akan sorok. Ini kaedahnya.

Jadi, saya minta Kerajaan Pusat, berkenaan dengan Tabung Usahawan Kecil yang dikatakan akan dibatalkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan. Saya merayu pada hari ini supaya Kementerian Pembangunan Usahawan supaya menilai semula keputusan, supaya tidak membatalkan Tabung Usahawan Kecil yang kita agihkan sebanyak RM450 juta ini dan perkara ini mesti diteruskan.

Saya bersetuju kementerian membuat sedikit pendekatan dalam cara pengagihan, cara pengurusan dan sebagainya tetapi saya tidak bersetuju sama sekali Tabung Usahawan Kecil yang melibatkan ribuan usahawan-usahawan kecil terutama sekali bumiputera dibatalkan begitu sahaja. Saya bersetuju juga kalau boleh kedudukan dana-dana yang ada, yang mempunyai kepentingan kepada usahawan kecil dan sederhana ini diubahsuai tetapi pendekatannya mestilah agak pragmatik dan tidak perlulah dibatalkan. Jangan kita kadang-kadang sebelum kita hendak cadangkan Tabung Usahawan Kecil ini, saya ingat Menteri Kewangan II yang lalu termasuk Timbalan Menteri Kewangan kita sendiri, Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh sendiri pun bersungguh-sungguh ketika itu membincangkan beberapa kertas kerja, jadi kalau kita hendak batalkan sewenang-wenangnya adalah satu perkara yang tidak wajar, melainkan ianya memang mudarat ataupun tidak berkesan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundur diri pada hari ini, saya sekali lagi ingin mencadangkan beberapa perkara pokok supaya Kerajaan Pusat tidak terus membiarkan pimpinan parti BN di Terengganu seperti sekarang ini, kita tahu masih awal dan ada perkara-perkara yang perlu difikirkan secara bijaksana oleh pimpinan negara kita, pimpinan BN di peringkat Pusat tetapi kita yakin dan percaya bahawa rakyat Terengganu mesti terus didokong dan dibangunkan dan kita tahu bahawa sebelum ini pun memang BN yang membangunkan rakyat Terengganu, ada sedikit sebanyak fitnah, tipu helah dan sebagainya itu, saya anggapkan perkara itu sementara dan ada perasaan kekesalan yang telah berada di beberapa rakyat di Terengganu yang menyatakan silap langkah, tersalah, ikut perasaan dan sebagainya dan kita yakin satu bentuk penerangan secara besar-besaran ke akar umbi rakyat Terengganu mesti dilakukan di peringkat negeri Terengganu.

Kita minta Kerajaan Pusat menubuhkan apa jua bentuk, saya tak tahulah sama ada ia berkesan ataupun tidak, tetapi satu bentuk agensi ataupun lembaga ataupun jawatankuasa apa-apa pun, kita hendak namakan itu bijaksana Kerajaan Pusatlah, dengan meletakkan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan berasingan dengan perbelanjaan kerajaan-kerajaan negeri dan kita mahu memaklumkan kepada rakyat, ini Kerajaan BN belanja dan ini Kerajaan PAS belanja, ini Kerajaan BN berhutang dan ini Kerajaan PAS berhutang.

Kita akan menyokong apa jua usaha Kerajaan PAS dan Kerajaan PAS pun mestilah menunjukkan kerjasama ini dengan bijaksana kepada pemimpin Kerajaan BN. Kita tidak mahu lagi provokasi, fitnah dan dalam bentuk yang menggunakan sentimen rakyat ini semata-mata untuk kepentingan PAS semata-mata. Yang pentingnya, apa jua sentimen yang kita hendak gunakan mestilah berasas dan berpaksikan kepada kepentingan nasional dan juga kepentingan negeri dan rakyat sebagaimana yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin BN.

Jadi, saya sekali lagi turut menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan ini, moga-moga ianya akan memberi natijah yang baik untuk pengurusan negara kita. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin, pasal yang belakang bangun dahulu.

**10.42 pagi**

**Tuan Long bin Jidin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya diberi peluang sama untuk membahar Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) 1999. Sebelum saya meneruskan perbahasan saya, saya ingin memberi sedikit penjelasan kepada rakan saya daripada parti PAS semalam berkaitan dengan cerita walaupun hari ini bulan puasa, tetapi dia sudah mula, jadi saya pun mulalah.

Cerita pasal potong kepala ini, pasal potong kepala bawah, kepala atas. Jadi, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, saya mewakili masyarakat Orang Asli ingin memberitahu bahawa masyarakat saya yang terdiri daripada 18 suku kaum, sebelum turunnya kitab-kitab halal haram, syurga neraka, masyarakat saya yang sebenarnya sudah pun mengamalkan cara potong kepala bawah ini, sudah lama dah.

Jadi, kalau dalam kempen pilihan raya, kalau kita hendak kata masyarakat saya takut hendak undi PAS sebab takut potong kepala bawah ini, tak mungkinlah, sebab perkara itu sudah lama dah, 4,000 tahun dahulu masyarakat saya ada di Semenanjung ini, sebenarnya sudah melakukan kerja-kerja ini.

Jadi, bukan hendak tunggu cerita pasal hendak masuk Islam dahulukah, baru hendak potong kepala bawah – itu tidak timbul. Saya tidak tahu daripada rakan saya Yang Berhormat Dato' Charern, kalau boleh Dato' Charern beritahulah, saya beri peluang. Silakan berkenaan dengan potong kepala bawah ini, macam mana?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payahlah.

**Dato' Charern Intachat:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada komen tentang perkara ini.

**Tuan Long bin Jidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu oleh rakan saya dari masyarakat Thai sebenarnya, masyarakat Thai pun sudah ramai yang potong kepala bawah ini atas dasar kebersihan, tidak ada apa benda yang kita pelik. Jadi, saya tidak hendaklah cerita yang itu lebih panjang lebar.

Saya ingin untuk menyentuh perkara B.19 berkaitan dengan Kementerian Pertanian. Dalam keadaan sekarang ini, isu kenaikan harga merupakan sesuatu yang routine dan menjadi satu trend masa menjelang sesuatu perayaan dan terus berulang. Saya mencadangkan kepada kerajaan, satu kaedah perlulah dirangka bagi pemantauan jangka panjang bagi menstabilkan harga bagi setiap masa, bukan bila timbul perayaan baru kita memantau, timbul musim tengkujuh baru kita memantau.

Jadi, saya sekali lagi bertanya kepada kerajaan, apakah peranan FAMA, takkanlah setakat pergi ke kedai pungut senarai harga, beri kepada radio, beritahu

orang ramai, takkan itu sahaja, saya rasa banyak lagi yang seharusnya dilakukan oleh pihak FAMA. Kerajaan melalui Kementerian Pertanian perlulah memaparkan satu profil kos pengeluaran setiap keluaran pertanian sebagai perbandingan supaya pengguna dapat membezakan harga sebenar dan keuntungan bagi setiap keluaran.

Program penggredan barangan keluaran makanan perlulah diperkenalkan secara meluas bagi menetapkan kadar harga bersesuaian dengan mutu makanan tersebut. Contohnya, sekarang ini setiap hari diperkatakan tentang harga ayam. Ayam sebenarnya perlu diproses begitu rupa supaya harga dada berlainan dengan harga kepek, harga peha berlainan dengan harga mepedal ataupun hati. Kalau di negara-negara Barat sebenarnya harga hati, mepedal itu lebih murah daripada harga daging, tetapi berlainan di negara kita harga yang duduk di dalam itu lebih mahal daripada harga yang duduk di luar.

Kedua, tentang keluaran daging, harga daging-daging musir yang mahal-mahal itu berlainan harganya dengan daging-daging yang duduk di bahagian lain termasuklah harga-harga daging potongan terpilih yang seharusnya berbeza-beza. Tetapi di negara kita ini uratkah, daging keningkah, daging pehakah, campur-campur harganya sama sahaja. Ini yang menjadi masalah

Begitu juga dengan barangan makanan yang lain seperti sayur-sayuran, contohnya kacang panjang. Semalam saya dengar rakan saya Yang Berhormat Senator Zainal Rampak kata, harga kacang. Kacang di gerai yang ini dengan harga di gerai yang berlainan dalam satu pasar yang sama harganya berlainan. Sebenarnya, kacang ini semasa saya belajar dahulu ada pelbagai jenis kacang. Kacang panjang sahaja ada macam-macam jenis kacang, itu sebab harganya berbeza, ada yang kacang panjang sedap dan ada kacang panjang yang tidak sedap. Jadi, sebenarnya di negara kita ini, masyarakat kita sebenarnya tidak tahu tentang barangan makanan yang sebenar terutama segi mutu.

Jadi, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya memperkenalkan pendidikan kesihatan sebagai mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah perlu. Dahulu memang ada, semasa saya sekolah dahulu ada pelajaran pendidikan kesihatan tetapi sekarang ini sudah tidak ada. Jadi, kalau boleh perlu diadakan kembali.

Ilmu pemakanan perlu disebarikan kepada anak-anak kita dan rakyat melalui persekolahan dan media-media yang ada. Dengan cara ini rakyat akan membuat pilihan yang betul supaya harga yang mahal tidak semestinya bermutu dan begitulah sebaliknya. Rakyat atau pengguna seharusnya membeli protin bukan ayam atau



daging, banyak lagi protin, membeli kabohaidrat bukan semestinya beras atau gandum banyak lagi kabohaidrat. Membeli vitamin dan mineral dan pelbagai.

Jadi, kita perlu membuat pemilihan yang betul dan tidak perlu panik dengan kenaikan harga. Kuasa membeli adalah di tangan pengguna, bukannya di tangan penjual. Peranan pembeli sebenarnya boleh menseimbangkan harga, bukan apa yang berlaku di negara kita, penjual yang menentukan harga dan jualan sesuatu barangan.

Jadi, yang kedua, saya tidak hendak sentuh panjang sebab lepas ini kelak mungkin rakan-rakan saya ingin bercakap lagi. B.52 – Kementerian Kerja Raya. Masyarakat Orang Asli merupakan kumpulan minoriti yang perlu diberi perhatian kerana ianya merupakan kumpulan peribumi yang termiskin dan perlu pemantauan supaya mereka juga dapat menikmati kemudahan yang disediakan oleh kerajaan.

Masalah perhubungan merupakan teras utama mengakibatkan segala usaha lain kementerian untuk memberi pembangunan kepada masyarakat Orang Asli tersekat dan berjalan dengan amat perlahan. Ini termasuklah kos pembangunan turut meningkat apabila sesuatu pembangunan hendak dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Kementerian Kerja Raya supaya melaksanakan dan memberi keutamaan kepada jalan-jalan dalam rancangan yang melalui di penempatan masyarakat saya Orang Asli, terutama walaupun di Kelantan itu PAS memerintah, di Terengganu PAS memerintah, tetapi kalau ada kampung Orang Asli, Orang Asli ini solid undi Barisan Nasional sebenarnya. Jadi, kalau pepatah orang Melayu itu dikatakan, 'kera di hutan disusukan, anak dikendong kelaparan', tak seharusnya. Jadi, saya rasa masyarakat saya yang solid ini perlu diberi perhatian yang lebih kalau hendak dibandingkan dengan rakan-rakan kita, walaupun dia ini rakan kita sebenarnya di negeri Terengganu dan Kelantan itu. Jadi, saya minta pertimbangan dari kerajaan supaya memberi perhatian yang amat sungguh-sungguh.

Saya juga mencadangkan kepada Kementerian Kerja Raya supaya jalan-jalan yang bermasalah yang mengalami kerosakan terutamanya yang mengakibatkan jalan-jalan yang telah dibina oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang perlu diambil alih oleh Kementerian Kerja Raya, terutamanya jalan-jalan yang melalui ladang-ladang FELDA dan ladang-ladang RISDA ataupun FELCRA biasanya ladang ini tidak boleh tidak memang muatannya lebih, mereka muatkan buah sawit tidak kurang daripada lapan tan sedangkan jalan yang dibina oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar kurang daripada lapan tan dan lima tan.

Jadi, kalau boleh jalan-jalan seperti ini perlu diambil alih oleh JKR, sebabnya di hujung rancangan-rancangan FELDA dan RISDA ataupun FELCRA biasanya terdapatlah masyarakat saya duduk dan mereka ini jalan di dalam kampung memang ada, cantik tetapi jalan menghubungkan daripada kampung ke bandar-bandar amat daif. Puncanya bila ditanya Kementerian Pembangunan Luar Bandar, dia kata, jalan ini tidak boleh dibina sebab muatannya kalau dibina besok rosak, jadi siapa yang harus dipertanggungjawabkan. Jadi, saya minta kalau boleh JKR mengambil alih jalan-jalan yang serupa ini. Saya mohon sangat.

Tuan Yang diPertua, yang ketiganya, walaupun tidak ada di dalam akta ini, saya ingin bercakap sedikit tentang Kementerian Pendidikan sebab menteri nya Tan Sri ada di sini. Saya sedikit sahaja, saya minta Kementerian Pendidikan meneruskan kerangka dan pelaksanaan terhadap masyarakat Orang Asli terutamanya sekali berkaitan dengan kelonggaran kemasukan ke IPTA.

Yang keduanya, kelonggaran dan keistimewaan kemasukan ke institut-institut dan maktab-maktab perguruan yang sedang berjalan sekarang.

Dan ketiganya, memberi perhatian yang lebih serius kepada kelengkapan dan kemudahan di sekolah-sekolah pedalaman masyarakat Orang Asli dan memberi perhatian disiplin kepada kakitangan dan guru-guru terutamanya tentang kehadiran mereka khususnya yang jauh di pedalaman, sebab saya dengar daripada masyarakat saya, apabila hari Jumaat mereka sudah tidak ada, hendak balik jauh, hari Selasa tak sampai lagi.

Jadi, kalau di luar ini buka sekolah lima hari, masyarakat saya mungkin tiga hari sahaja dan ada terdapat sekolah-sekolah yang sudah ditutup kerana apabila guru-guru tidak ada, murid pun katanya masyarakat saya ini banyak masalah, dia datang sekolah guru tidak ada, dia tidak datang ke sekolah guru ada. Jadi, akhirnya sekolah tutup, ada terdapat begitu. Jadi, saya minta kalau boleh Kementerian Pendidikan mengambil perhatian sedikit.

Yang keduanya, tidak ada juga dalam akta ini tentang kementerian saya sendiri, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Tahniah kepada Menteri yang baru, Timbalan Menteri yang baru, Setiausaha Parlimen yang baru – tahniah kerana dapat duduk di kementerian yang berkenaan dan saya harap mampu membimbing masyarakat saya pada masa-masa mendatang.

Saya ingin menyentuh sedikit sahaja tentang program pembangunan masyarakat Orang Asli secara penswastaan terutama di negeri Selangor banyak

kampung-kampung Orang Asli ini yang telah menjadi kampung yang berharga, menjadi kampung yang menjadi rebutan kepada banyak pihak. Jadi, kalau boleh sebelum pilihan raya saya berjalan dan rakan-rakan saya bercakap, mereka minta kalau boleh tangguh dahululah program penswastaan kampung-kampung ini, kerana yang untung bukannya mereka, orang yang membangunkan itu yang untung dan mereka tidak ada sampai tahap lagi untuk hendak bangunkan bangunan berpuluh tingkat, bangunkan bandar tempat mereka bercucuk tanam tidak ada, duduk rumah sarang merpati, mereka tak sampai lagi.

Jadi, biarlah mereka sendiri yang merancang macam mana cara hendak buat kampung mereka. Sekurang-kurangnya *bottom-top planning* ini perlu ada, kalau di situ ada permintaan barulah kerajaan perlu menimbang supaya kampung mereka dibangunkan, kalau tidak biarkan dahulu. Ramai di Selangor ini yang terutama sekali, yang kedua di negeri Johor sudah ramai yang memohon kampung sama dan mohon kampung ini, ambil balak, keluar balak, kampung tak bangun. Jadi, tolong tengok semula, kaji semula.

Jadi, saya tidak hendak bercakap panjang pada hari ini sebab tempohnya amat singkat, memberi peluang kepada rakan-rakan saya yang bangun ramai tadi dan pada masa yang sama, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) 1999. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu.

**10.55 pagi**

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang saya berbahas rang undang-undang ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita dan Barisan Nasional atas kejayaan dalam pilihan raya yang ke-10.

Barisan Nasional telah mendapat mandat melalui majoriti 2/3 bagi menubuhkan dan meneruskan Kerajaan Barisan Nasional. Walaupun kita telah mendapat 2/3 majoriti, pilihan raya ini adalah berbeza daripada pilihan raya-pilihan raya dalam tempoh empat dekad yang dahulu. Pilihan raya ini memberi signal ataupun pesanan kepada Barisan Nasional dan kerajaan kita. Kita harus mengkaji dengan mendalam corak undi dalam sesuatu kawasan di seluruh negara dan mengambil tindakan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kempen pilihan raya ini pengundi-pengundi telah mendapat ataupun dibanjiri dengan maklumat-maklumat daripada semua parti politik melalui media cetak, elektronik, poster dan sebagainya. Satu alat teknologi yang telah digunakan adalah Internet. Satu masalah yang dihadapi oleh pengundi-pengundi adalah mereka tidak dapat membuktikan apa yang diposted dalam Internet, adakah maklumat itu benar ataupun tidak benar mereka tidak boleh dibuktikan.

Satu faktor yang lain ialah rakyat jelata telah menjadi lebih sedar dengan politik ataupun lebih *politically couseious* dan sedar mengenai hak mereka sebagai pengundi-pengundi. Ekspektasi rakyat terhadap Ahli Parlimen telah pun meningkat, oleh kerana itu kita sebagai Ahli Parlimen harus memainkan peranan kita sejajar dengan jangkaan rakyat kita. Kita harus peka dan sensitif kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dan berkhidmat dengan bersungguh-sungguh untuk mempertingkatkan kualiti hidup rakyat jelata dan juga meninggikan tahap pembangunan negara kita.

Saya juga ingin merujuk surat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai kehadiran di Dewan Parlimen semasa persidangan. Kita semua harus mematuhi dan memahami tanggungjawab kita sebagai Ahli Parlimen, walaupun dipilih ataupun dilantik dan memainkan peranan kita dengan berkesan.

Baru-baru ini, media cetak mengadakan satu serangan ataupun *onslaught* atas ahli Parlimen Dewan Rakyat yang tidak hadir dalam sesi yang lalu. Saya setuju dengan nasihat yang diberi oleh tokoh-tokoh wartawan dan beberapa pembaca mengenai tanggungjawab Ahli Parlimen. Analisis dan debat mengenai peranan Ahli Parlimen adalah baik dan sihat. Tetapi saya rasa kesal atas perkataan-perkataan yang digunakan dalam beberapa rencana itu, perkataan sebagai *fools* ataupun bodoh digunakan dan pada pendapat saya perkataan ini tidaklah wajar dan ini adalah *counter productive* dan akan merosotkan lagi imej Ahli Parlimen.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas perlantikan satu Kabinet berwawasan. Apa yang istimewa dalam Kabinet ini ialah perlantikan Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Musa bin Mohamed sebagai Menteri Pendidikan. Beliau ialah seorang individu yang bukan ahli politik tetapi seorang profesional terkemuka yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang khusus dalam bidang pendidikan. Ini adalah satu alaf baru dan perlantikan seperti ini akan mempertingkatkan kemajuan negara kita. Saya harap Yang Berhormat Menteri Pendidikan akan memberi perhatian yang khusus kepada

golongan-golongan yang tersekat dan juga kepada sekolah-sekolah di luar bandar termasuk sekolah-sekolah di estet di mana prestasi akademik terlalu rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Jadual B.22 iaitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Peruntukan RM150 million adalah untuk mempromosikan pelancongan khususnya di negara China, India, Vietnam, Combodia dan sebagainya. Saya setuju dengan rakan-rakan saya di Dewan ini yang telah memberi beberapa strategi ataupun cara untuk meningkatkan bilangan pelancong ke negara kita. Satu strategi yang boleh digunakan ialah untuk mengkaji cara-cara yang digunakan oleh negara-negara jiran di mana beribu-ribu pelancong berhijrah ke tempat itu. Satu contoh ialah negeri Bali di mana beribu-ribu pelancong asing khususnya pelancong daripada Australia berkunjung ke tempat itu. Pendekatan yang diambil oleh kementerian akan menarik balik 700 pelancong tempatan yang keluar negeri dan perbelanjaan mereka ialah lebih kurang RM1.2 bilion.

Satu strategi yang boleh digunakan ialah untuk mempromosikan *ecotourism* di negara kita. Saya sedar dan tahu bahawa Kementerian Pertanian telah menentukan beberapa tempat seperti Taman Pertanian, Bukit Cerakah, beberapa kampung sawah dan kampung nelayan sebagai tempat *ecotourism*. Semalam Yang Berhormat Senator bagi Sabah telah berucap mengenai potensi di Sabah dan Sarawak untuk *ecotourism*. Di Bali juga mereka mempromosikan *culture tourism*. Di Malaysia kita harus dan boleh mempromosikan *ecotourism* dengan lebih agresif. Saya ingin mencadangkan kementerian ini mengkaji dan meneruskan usaha mereka untuk menggunakan ladang-ladang getah dan kelapa sawit sebagai tempat bagi *ecotourism*. Pelancong-pelancong boleh tinggal dengan penghuni-penghuni estet dan boleh mengambil bahagian di dalam aktiviti harian mereka seperti menoreh getah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, *ecotourism* di ladang-ladang bukan sahaja akan memberi kerja tambahan kepada pekerja-pekerja di estet tetapi juga akan meningkatkan pendapatan para pekerja dan majikan. Saya difahamkan, pejabat pelancong atau *tourist office* tidak ditubuhkan di India, bagaimanakah kita boleh menarik pelancong daripada negara ini yang mempunyai 1 bilion penduduk jika kita tidak edarkan maklumat mengenai *tourism* kita. Saya juga difahamkan sukar dapat visa untuk melawat Malaysia. Saya harap kementerian akan mengkaji isu-isu ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Pejabat pelancongan harus dibuka di negara-negara India, China, Vietnam, Combodia dan negara-negara Asia untuk

mempromosikan negara kita sebagai satu negara istimewa dan indah khususnya untuk *ecotourism*

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh ialah pegawai-pegawai yang berkhidmat di luar negara di bawah Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan menentukan bahawa kefasihan dalam Bahasa Inggeris adalah cukup tinggi. Ini adalah mustahak untuk mempertingkatkan imej negara kita di luar negara.

Dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

### **11.10 pagi**

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang diPertua kerana membeli laluan kepada saya. Pertamanya saya ingin merakamkan tahniah kepada Tan Sri sendiri kerana dilantik semula untuk menerajui Dewan Negara ini dan kepada Menteri dan juga Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Kementerian yang telah dilantik dan diberi kepercayaan untuk menguruskan pentadbiran di negara kita.

Keduanya, saya ingin mengucapkan terima kasih khas kepada kerajaan PAS Terengganu kerana melantik Yang Berhormat Ustaz Haji Hassan bin Shukri mewakili kerajaan Terengganu, walau pun suara kita dengar tadi bahawa ada sebilangan rakyat yang tidak menyukai perlantikan Ustaz Hassan kerana beliau adalah daripada Selangor, seperti itu jugalah apa yang berlaku kepada saya kerana saya adalah anak tulen Kedah tetapi diberi kepercayaan oleh Kelantan untuk berada di dalam Dewan Negara ini. Itulah sifat keterbukaan, sifat tidak mengambil kira kedaerahan yang diamalkan oleh PAS dan juga kepada sahabat saya Puan Safinah sebagai Ahli Dewan Negara. Bilangan kami di sini meningkat, mudah-mudahan bilangan seperti ini akan meningkat setiap kali pilihan raya diadakan. Insya-Allah

Tuan Yang diPertua, saya turut berucap pada hari yang kedua sidang Dewan untuk memberi laluan kepada Ustaz Hassan, nampaknya semalam beliau berucap dengan penuh kesungguhan dan kedatangan beliau ke dalam Dewan Negara ini saya merasa lega kerana banyak isu yang dibangkitkan kerana kadang-kadang saya dan kawan saya juga terasa tertekan. Walau bagaimanapun, apa yang telah berlaku adalah kehendak Allah, kehendak Allah mengatasi kehendak manusia, manusia hanya boleh merancang tetapi perancangan Allah mengatasi segala-galanya. Alhamdulillah.

Di antara pandangan beliau semalam meminta supaya pihak-pihak yang berkenaan untuk memberi tumpuan cuti dua hari iaitu bekerja lima hari kepada

pegawai-pegawai kerajaan. Ini merupakan satu pandangan yang amat baik. Kalau kita melihat kepada perkembangan dan zaman yang mencabar di hari ini, di mana saya merasai sendiri bahawa kalau – kerana saya bekas seorang guru, guru memang dua hari cuti, kita rasa kelegaan dan rasa juga dengan dua hari itu perasaan *relax* kita ada berbanding dengan pegawai-pegawai ataupun yang terlibat kerja yang satu hari setengah itu apabila penghujung hari Ahad mereka merungut, “*Alaa.. fed-upnya besok hendak pergi kerja balik*” Dalam kesedihan hendak tinggal anak yang sakit dan sebagainya itu adalah di antara rungutan yang pernah dikeluarkan oleh wanita berkejaya.

**Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya sikit sahaja kepada Senator. Adakah ini Islamic apabila kita mencari rezeki yang halal untuk hendak bertugas, mengeluarkan keringat dan mendapat ganjaran tetapi pada masa yang sama mengeluh untuk hendak pergi kerja. Seolah-olah ianya tidak ikhlas, jadi adakah ini pengalaman Yang Berhormat Senator dan rakan-rakan?

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, kepada Dato’, kalau kita hendak bincang masalah *Islamic*, banyak lagi yang Islamic kita harus bincang. Ini adalah citarasa *the nature* hidup sebagai *human being*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan belanjawan Anggaran Perbelanjaan Tambahan 1999, saya ingin memfokuskan kepada dua kementerian sahaja kerana semalam satu hari suntuk rakan-rakan kita telah pun mengambil bahagian dan kadang-kadang disentuh perkara yang sama. Pada hari ini saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri iaitu B.20.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita meneruskan usaha menarik pelabur asing, saya rasa kita perlu mengenal pasti hala tuju bidang atau pengkhususan yang diperlukan negara dalam menuju alaf baru. Seperti negara Singapura, lebih menumpukan kepada industri pusat kewangan serantau dalam menuju alaf baru, manakala negara Thailand pula lebih cenderung kepada ekonomi berdasarkan pertanian. Memandangkan kos buruh yang semakin meningkat di Malaysia maka sudah tentu pelabur yang ingin melabur dalam industri pengeluaran lebih berminat untuk melabur di negara-negara yang mempunyai kos buruh yang rendah seperti Kamboja, China dan Vietnam. Oleh itu kerajaan mesti mengkaji semula setiap pelaburan mengikut keperluan dan kehendak semasa seperti permintaan, kos tenaga buruh, teknologi dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan membawa misi perdagangan ke luar negara adalah amat dialu-alukan. Walau bagaimanapun saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kementerian berkenaan, apakah kriteria pemilihan individu atau syarikat yang mengikut rombongan misi perdagangan yang tersebut. Kita tidak mahu ada di antara mereka yang menyertai misi ini semata-mata untuk tujuan melancong, kita mahu syarikat yang mempunyai kriteria yang berdaya maju dan tulen '*genuine*', dengan izin, menyertai perdagangan ini. Tambahan kepada usaha ini kerajaan bukan sahaja perlu mengenal pasti syarikat tempatan yang tulen yang turut dalam misi perdagangan tetapi perlu juga mengenal pasti pelabur-pelabur asing dengan beberapa kriteria perlu diambil kira dalam menentukan pelabur-pelabur asing yang tulen seperti kementerian dapat menjamin *long term foreign investors*, dengan izin, pelabur asing untuk jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang dihadapi oleh pelabur asing mengenai rintangan yang dihadapi untuk mengeluarkan atau memasukkan modal ke negara ini perlu diberi perhatian. Pengaliran pelaburan perlu diatasi jika tidak pelabur-pelabur akan menjelajah ke negara yang tidak mempunyai kawalan modal yang ketat. Dalam usaha menarik pelabur asing, saya ingin mencadangkan, di samping kita berusaha menarik pelabur-pelabur dari Amerika Syarikat, kita juga boleh meluaskan misi kita ke negara yang berpotensi seperti negara-negara umat Islam .....

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]:** Boleh minta laluan sikit. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkataan *capital control* atau perkataan yang digunakan menjurus kepada *capital control* ataupun *selective capital control* iaitu modal yang ditanam dalam negara tetapi kita pilih, pilih modal jangka pendek atau jangka panjang. Sebenarnya Yang Berhormat mungkin Yang Berhormat kurang sedar bahawa banyak pelabur yang menanam modal jangka panjang amat gembira dengan cara kita mengawal kawalan ini. Oleh kerana mereka tidak perlu lagi membuat spekulasi ataupun *hedging* bagi menentukan kedudukan mata wang bagi mereka yang mengimport dan mengeksport.

Jadi, dalam perniagaan antarabangsa, kalau mata wang tidak menentu maka tiap-tiap syarikat itu perlu menggunakan sistem *hedging*, di mana dia membeli bermacam-macam mata wang asing untuk supaya pada umumnya dia tidak kerugian dari segi nilai import atau eksport. Maka dengan menggunakan *selective capital control* ini, kita memberi tekanan kepada pemodal-pemodal jangka panjang, kita tidak



mahu pemodal-pemodal yang datang hanya membeli saham-saham jangka pendek dan hanya menjual beli mata wang kita, ini yang menjatuhkan mata wang dan menjatuhkan ekonomi kita pada tempoh yang lalu. Oleh kerana itu, pandangan Yang Berhormat telah pun dilaksanakan, banyak tindakan-tindakan menggalakkan pelabur-pelabur asing dibuat dengan cara yang lebih daripada Yang Berhormat maksudkan tadi. Tetapi cuma saya ingin hendak menanya sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak bahawa sistem *selective capitol control* ini yang digunakan telah memberi manfaat banyak kepada pelabur-pelabur yang menanam modal jangka panjang. Mereka lebih cenderung menanam modal di sini, oleh kerana kawalan modal ini wujud dan mereka tidak lagi menghadapi risiko-risiko pertukaran wang. Terima kasih.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan itu memang saya rasa ada kelegaan kerana sepatutnya pihak Menteri menjawab dalam ini tetapi itulah ketelusan yang kita dapat rasai, memang kita memahami tetapi sebagai pandangan untuk peringatan bagi membina negara bersama.

Saya sambung sikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Dalam usaha menarik pelabur asing, saya ingin mencadangkan di samping kita berusaha menarik pelabur-pelabur di Amerika Syarikat kita juga boleh meluaskan misi kita ke negara yang berpotensi seperti negara umat Islam (OIC), China. Usaha yang agresif perlu diterapkan bagi menarik pelabur-pelabur dari negara Saudi, Kuwait, United Arab Emirate (UAE), yang terkenal dengan industri minyak.

Industri yang boleh dikembangkan termasuklah perusahaan makanan halal di mana pasaran bagi makanan halal yang terjamin dari kebersihan dan kesuciannya sudah tentu luas dapat dijalankan dan berpotensi. Di sini ingin saya meminta penjelasan daripada pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengenai soalan saya ini, adakah isu penggabungan bank menjejaskan tindakan pelabur asing dari terus melabur ke negara kita? Di samping itu tolong berikan faktor-faktor yang menyebabkan kemerosotan pelaburan asing ke dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya ingin menyentuh Maksud B.22 Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Dalam usaha menarik pelancong saya ingin mencadangkan supaya kita memperkenalkan konsep budaya berbilang kaum sebab negara kita adalah negara berbilang kaum dan agama. Sebagai contohnya, ciri kebudayaan Islam yang unik dapat kita kembangkan melalui program dan aktiviti mengimarahkan masjid.

Di samping itu, pengusaha hotel juga digalakkan mempromosikan kebudayaan Islam di hotel mereka seperti contohnya di Los Angeles, Amerika Syarikat. Kita dapati setiap hotel di Los Angeles telah dibekalkan dengan Injil (Bible). Kita juga boleh mempromosikan Islam di dalam negara kita di hotel-hotel dengan kita meletakkan Al-Quran, sejadah dan memastikan kiblat sembahyang. Ini sesuai dengan negara kita yang meletakkan Islam sebagai agama rasmi.

Di samping bulan Ramadhan seperti sekarang, kita promosikan pasar-pasar Ramadhan dengan pelbagai juadah yang terdapat di gerai-gerai sepanjang Ramadhan. Begitu juga promosi majlis berbuka puasa di premis-premis mereka seperti mana yang telah dilakukan oleh negeri serambi Mekah dimana ramai pengunjung tempatan yang berpuasa di sana kerana mereka mengadakan sembahyang terawih di Dataran MPKB dengan diimamkan oleh seorang hafiz. Pembacaan imam itu tidak lari jauh daripada suara dan tartilnya seperti mana dibaca oleh imam di Makkatul-mukarramah ataupun di Madinatul-munawwarah. Ini adalah Untuk menarik pelancong-pelancong tempatan ataupun kedaerahan. Manakala usaha untuk menarik pelancong asing kita mestilah berupaya mengetengahkan aktiviti-aktiviti pelbagai. Janganlah sekadar hanya tarian tradisional yang mengasyikkan yang kadang-kadang tidak menggambarkan suasana sebenar rakyat Malaysia.

Sebenarnya banyak aktiviti pelancongan dan kebudayaan yang boleh diketengahkan, contohnya mempromosikan cara hidup di kampung seperti mana Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi iaitu 'kampung *lifestyle*', seperti bersawah padi, menangkap ikan, menoreh getah dan lain-lain. Seperti mana kita melihat contoh di Barat, cara *fruit picking*, dengan izin, merupakan acara bermusim bagi menarik pelancong di luar negara. Bagi menarik pelancong asing kita juga perlu peka akan keadaan persekitaran, khasnya bandar-bandar di negara kita dari sudut kebersihan dan keselamatan. Kita perlu menerapkan imej bersih di tempat-tempat awam, khususnya tandas-tandas.

Misalnya, kalau kita pergi ke Kanada, Amerika Syarikat dan di tempat-tempat lain, kita boleh melihat tandas mereka begitu bersih dan ceria sekali. Kita boleh buat kerana kita mampu seperti mana slogan kita Malaysia Boleh.

Di samping itu, prasarana dan kemudahan awam seperti pondok-pondok telefon perlu dijamin berfungsi dengan baik. Saya rasa amat sedih kadangkala melihat prasarana awam ini tidak dibaiki, contohnya jika kita ingin menaiki PUTRA, LRT lazimnya terdapat mesin-mesin penjualan tiket tidak berfungsi atau mengalami

kerosakan. Kerosakan yang berlaku bukannya satu mesin sahaja kadangkala semuanya sekali tidak berfungsi. Tidak tahu di mana silapnya, sama ada *vandalism* ataupun mesin yang dipasang tidak berkualiti ataupun kualiti rendah, oleh itu mudah rosak. Oleh itu saya harap pihak berkenaan mengambil berat perkara-perkara yang disentuh tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita mendapat pelancong dari negara Barat, kita juga ingin mengulangi di sini untuk membuat promosi pelancongan yang lebih agresif bagi menarik pelancong dari negara Saudi, Kuwait, Morocco, Turki dan lain-lain kerana rakyat di negara ini mempunyai ekonomi yang mantap dan mereka suka melancong. Tetapi saya rasa telah dua kali saya cadangkan di sini bahawa kita mesti menjadikan pemandu pelancong itu menguasai bahasa dan memahami budaya pelancong yang datang ke tempat kita. Barulah akan timbul minat mereka dan kita akan meng'explain', menceritakan apa sebenarnya keistimewaan yang ada dalam negara kita tetapi saya tengok kalau pelancong datang hanya van yang bawa, dengan kaku dan tanpa bermaya, jadi roh, mereka datang vacation di sini tidak hidup. Setakat melihatkan warna wajah pokok yang hijau dan bangunan-bangunan yang tinggi tetapi tidak diberi faham apakah bangunan ini dan untuk apa sebenarnya, bagaimana dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu sahajalah yang dapat saya ambil bahagian dan akhirnya saya turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang diperuntukkan. Terima kasih.

### **11.23 pagi.**

**Dato' Haji Mazlan bin Abu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1999.

Bagi memulakan mukadimah, saya dengan bangganya mengucapkan jutaan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri yang kita kasihi kerana sekali lagi membawa Barisan Nasional ke kemucak kejayaan dengan memastikan sokongan dua pertiga seperti biasa daripada rakyat Malaysia. Di negara kita Barisan Nasional mendapat dua pertiga ini adalah satu perkara biasa tetapi parti-parti lain di negara luar mendapat dua pertiga adalah satu perkara yang amat sukar.

Kita tidak perlu kelam-kabut kerana sekali ini pembangkang dapat lebih kerusi. Ini berlaku kerana rakyat keliru. Keliru dengan permainan politik ala baru

iaitu politik fitnah. Ini hanya sementara sahaja kerana rakyat akan sedar dan kembali memberi sokongan yang padu kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Saya ingin merayu bermula daripada saat ini semua kementerian mestilah *perform beyond expectation*, dengan izin, supaya rakyat tidak menyalahkan kerajaan dan apabila perkara ini berlaku kita akan kehilangan banyak undi dan Barisan Nasional akan kalah beberapa kerusi. Menyentuh tentang perbelanjaan yang akan diluluskan kelak, saya berharap ia akan digunakan dengan bijaksana, dengan memikirkan kepentingan faedah kepada rakyat. Ini satu perkara yang *priority*, dengan izin.

Ramai juga sahabat saya semalam menyentuh tentang ayam. Saya juga ingin mengambil bahagian. Saya setuju 100% dengan pihak yang memboikot dan menentang kenaikan harga ayam. Walaupun, harga ayam ini kadangkala naik dan kadangkala turun. Tetapi apabila ia kurang, ia akan naik begitu mendadak sekali. Tetapi apabila ataupun lebih ayam, anak-anak ayam ini akan dibakar dan dibuang begitu sahaja supaya harga ayam dapat dikawal oleh peniaga-peniaga dan juga penternak-penternak ayam.

Ini satu perkara yang tidak beretika langsung dan perkara ini kita harap tidak akan berulang kerana apabila banyak ayam, harganya turun, biarlah rakyat dapat nikmatnya. Ayam-ayam dibakar, sampah juga dibakar, minyak-minyak dibakar, kilang-kilang pun seolah-olah dibakar kerana menggunakan asap yang berlebihan. Ini serius kerana rakyat begitu marah. Jadi, saya harap *enforcement* daripada alam sekitar, oleh kerana peruntukan ini kita sudah luluskan dan ditambah, kerja pun kena tambah.

Saya ingin menyentuh Kementerian Pertanian juga mestilah kita beri *sensible*, dengan izin, tanah-tanah kerajaan yang terbiar di merata negara mestilah diusahakan supaya hasil negara bertambah. Pegawai-pegawai pertanian mestilah sentiasa memberi nasihat dan dorongan kepada petani-petani. Budaya ala Barat yang disebut-sebut oleh sahabat saya semalam menarik ribuan boleh dikatakan ratusan ribu remaja. Perkara ini mestilah dikaji pemberian perमितnya oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat. Satu *task force* mesti dibentuk untuk meneliti permohonan dari semua sudut, supaya ia betul-betul telus daripada semua perkara yang negatif.

Syabas saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang buat julung-julung kalinya melantik seorang Menteri Pendidikan daripada kalangan orang bukan politik. Tan Sri Musa betul-betul seorang pakar pendidikan, kita akan

lihat hasilnya, mestilah jauh lebih praktikal, berkesan dan mempunyai wawasan yang lebih dinamik. Cabaran ini mestilah menjadi tangkal dan perangsang kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri, tahniah.

Kementerian Kerja Raya pula mestilah telus dalam semua pelaksanaan pembangunan terutama yang membabitkan kemudahan-kemudahan rakyat. Kerja-kerja *maintenance* mestilah dikawal dengan sentiasa diberi perhatian, itu satu perkara yang penting.

Syabas juga saya ucapkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang telah melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan begitu cemerlang sekali. Tetapi di sini saya ingin menegur sedikit kerana banyak pengundi yang datang tetapi telah menyemak daftar sebelum itu, ada nama tetapi selepas itu tiada nama. Jadi, janganlah nama-nama pengundi ini kadang-kadang sekejap ada, sekejap tiada.

Jadi, saya mengucapkan sekali terima kasih dan saya dengan ini menyokong rang undang-undang yang disebutkan. Terima kasih.

### **11.30 pagi.**

**Puan Hajah Melati binti Ali:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbahasan ini buat pertama kalinya saya ingin turut serta di dalam membahaskan rang undang-undang yang dibahaskan hari yang kedua ini. Sebelum itu oleh kerana saya buat pertama kalinya, baru lagi dilantik. Saya ingin menyatakan di sini, ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pahang yang telah melantik saya sebagai senator bagi sesi ini dan saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua, yang telah dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua, pada sesi ini pada hari semalam.

Sebelum saya melanjutkan perbahasan ini saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang telah dapat menubuhkan semula Kerajaan Barisan Nasional dalam pilihan raya yang baru ini dan telah mendapat majoriti dua pertiga sebagaimana yang diharapkan.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada menteri-menteri yang telah dilantik semula dan juga yang baru kepada semua timbalan menteri, semua setiausaha parlimen dan khususnya di kalangan Yang Berhormat Senator yang telah dilantik sebagai menteri penuh, timbalan menteri dan juga setiausaha parlimen.

Tuan Yang di-Pertua oleh kerana saya ini baru pertama kali berucap dan baru hari kedua berada di Dewan yang mulia ini, jadi untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini saya hanya menyentuh dua perkara sahaja.

Berhubung dengan Kementerian Pendidikan yang mana kita dapat tahu bahawa pertambahan peruntukan yang telah dan insya-Allah akan diluluskan, akan dibahaskan selepas ini nanti oleh rakan-rakan saya yang lain iaitu berhubung dengan penubuhan taska dan taski oleh badan-badan NGO. Semalam ada Yang Berhormat yang telah membahaskan tentang bagaimana hendak melahirkan generasi yang berhemah, bermoral dan berpendidikan serta berilmu daripada peringkat bawahan. Apa yang kita dapati pada hari ini kebanyakan daripada badan-badan yang bukan kerajaan, terutamanya sekali pihak pembangkang telah menggunakan taska dan taski ini untuk menerapkan kebencian generasi yang kecil kepada kerajaan dan kemungkinan perkara ini akan berlarutan sehingga kanak-kanak ini akan meningkat remaja dan dewasa.

Saya berpendapat bahawa penubuhan taska dan taski yang berleluasa di dalam negara ini oleh badan-badan NGO tidak perlu lagi dibenarkan. Memandangkan kita mempunyai tiga agensi yang telah melaksanakan tabika dan taska di seluruh negara. Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan juga Kementerian Pendidikan sendiri.

Apa yang terdapat pada hari ini apabila Kementerian Pendidikan telah membenarkan taska, taski dan pasti ditubuhkan bukanlah mendatangkan kebaikan kepada anak-anak kita. Malahan apa yang berlaku pada hari ini, yang kita lihat dalam pilihan raya hari ini adalah hasil daripada pendidikan di taska, taski dan juga pasti. Mereka ini telah ditanam awal lagi membenci kepada pemimpin dan juga membencikan kepada kerajaan yang ada pada hari ini. Pelbagai kurikulum yang telah dilaksanakan tidak mengikut sebagaimana yang diputuskan oleh Kementerian Pendidikan.

Saya mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan menggariskan ataupun membuat kajian semula tentang kurikulum-kurikulum yang berada di tabika, taska, taski dan juga pasti yang ditubuhkan oleh NGO yang lain sebab keadaan seperti yang saya katakan tadi, tidaklah mendatangkan kebaikan dan manfaat kepada anak-anak kita. Kebanyakan NGO ini menggunakan taska, taski dan pasti ini untuk meluahkan perasaan dan menanamkan semangat yang telah saya sebutkan tadi dan kita ingin melihat supaya anak-anak ini membesar dalam keadaan yang kita kehendaki sebagaimana yang disebut-sebutkan sama ada daripada Kerajaan Barisan Nasional mahupun parti pembangkang.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kita berkehendakkan manusia yang berhemah, bermoral dan berpendidikan, berilmu selaras dan sama rata seperti kanak-kanak yang menerima pendidikan di Kementerian Pendidikan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan juga Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Saya mencadangkan tidak payah lagi ditubuhkan taska, taski dan pasti ini kerana kita sudah mencukupi. Apa yang ada sekarang ini terutama dalam kawasan FELDA apabila dibenarkan pihak lain menubuhkan pasti, maka ada perbandingan-perbandingan yang kurang sihat di kalangan anak-anak kita dan juga termasuk kepada ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ini yang ditubuhkan oleh badan-badan sukarela ini.

Jadi, walaupun dibenarkan kita hendak supaya mereka ini memakai kurikulum yang sama. Kita tidak mahu ada perbezaan kurikulum dan pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan hendaklah mengawalselia tentang taska, taski dan pasti ini. Jangan dibiarkan mereka ini berleluasa kerana kalau mengikut dari segi peruntukan yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sudah memadai, tidak perlu lagi diwujudkan taski, pasti dan juga tabika-tabika yang lain daripada badan-badan yang lain.

Keduanya, saya ingin menyarankan juga dari segi Kementerian Pendidikan berhubung dengan – oleh kerana pertambahan perbelanjaan peruntukan yang baru ini. Saya minta kementerian melihat juga dari segi kebajikan guru-guru ini, memang kita tahulah ramai guru yang menentang pada pilihan raya baru-baru ini tetapi dari segi kebajikan mereka ini berhubung dengan rumah-rumah guru masih lagi tergendala dan tidak dapat kita penuhi untuk mereka ini menjalankan tugas yang lebih selesa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan ini saya juga ingin menyokong pandangan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Rosli tadi berhubung dengan Kementerian Perusahaan Utama dari segi memansuhkan pinjaman Tabung Usahawan Kecil (TUK) kerana kita sekarang telah pun memulakan dengan Tabung Usahawan TEKUN. Sebenarnya untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat baru dua hari yang lepas kita baca dalam surat khabar, tidak lama lagi Tabung TUK akan diserapkan kepada Tabung TEKUN.

Sebenarnya Tabung TEKUN baru diwujudkan sebelum lagi Tabung TUK. Tabung Usahawan Kecil diberi pinjaman kepada pengusaha-pengusaha kecil di luar bandar daripada 1,000 ke 10,000 dan Tabung TUK diberikan pinjaman RM2,000

hingga RM50,000 berbeza. Tabung TEKUN diberi pinjaman dan dibayar dari minggu ke minggu. Sesuaiilah dengan peruntukan yang telah diberikan pinjaman RM1,000 hingga RM10,000 tetapi berbeza dengan Tabung TUK daripada RM1,000 ke RM50,000 yang mana pembayaran pinjamannya dibuat melalui bank.

Jadi, kalau diserapkan kepada TEKUN banyak masalah yang ditimbulkan oleh pengusaha-pengusaha kecil kita di luar bandar, tidak mampu untuk membayar dari minggu ke minggu dengan bayaran yang dikenakan mengikut tempoh dan had yang telah disediakan oleh pihak kementerian.

Jadi, saya mohon supaya Kementerian Perusahaan Utama mengkaji balik semula sebelum perkara ini dimansuhkan kerana banyak rungutan daripada pengusaha-pengusaha kecil kita di luar bandar.

Jadi, saya rasa itu sahajalah dan oleh kerana ini adalah pertama kali, insya-Allah di masa-masa yang akan datang saya akan cuba lagi membawa perkara-perkara ini ke dalam Dewan yang mulia ini. Setakat itu sahaja dan dengan ini saya ingin bersama turut serta menyokong usul Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1999. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Christine Vanhouten.

**11.38 pagi.**

**Datuk Christine Tibok Vanhouten:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk turut membahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) 1999.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini seperti juga rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, di atas kejayaan Barisan Nasional dalam pilihan raya yang baru lalu. Dengan kepimpinan beliau kita telah dapat membentuk Kerajaan Barisan Nasional dengan majoriti dua pertiga dalam Parlimen.

Di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana dilantik semula sebagai Tuan Yang di-Pertua, Dewan Negara ini.

Anggaran Belanjawan Mengurus Ketiga 1999 adalah berjumlah lebih daripada RM600 juta. Saya tidak berniat untuk menyentuh kepada semua maksud dalam rang undang-undang pada pagi ini. Untuk perbahasan ini saya hanya akan bercakap dengan ringkas sahaja tentang maksud B.4, B.19, B.22 dan B.31.



Untuk maksud B.4 ini, sebanyak RM3.5 juta adalah untuk Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menampung perbelanjaan awal bagi persiapan menjalankan pilihan raya yang baru lalu. Di sini saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada keseluruhan suruhanjaya di atas kebolehannya untuk mengadakan pilihan raya dalam sehari sahaja.

Di Sabah khususnya, di mana negeri yang besar dengan cara perhubungan yang masih lagi sukar dan bermasalah tetapi dapat di atasi dan pilihan raya yang biasa diadakan selama dua hari dapat diselesaikan dalam sehari sahaja. Ini menunjukkan bahawa suruhanjaya telah pun bekerja dengan baik untuk memastikan mutu perjalanan pilihan raya kali ini dapat dipertingkatkan. Walau bagaimanapun, saya juga berharap suruhanjaya akan terus dapat memperbaiki lagi perkhidmatannya, lebih-pebih lagi untuk mengemaskinikan senarai daftar pengundi khususnya daripada Sabah.

Dengan kecanggihan IT yang ada sekarang saya yakin suruhanjaya akan dapat membuat sesuatu untuk memperbaiki keadaan supaya tuduhan-tuduhan bahawa pendatang-pendatang haram ataupun pengundi-pengundi hantu mencemar senarai daftar pengundi di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah sebanyak RM9 juta di bawah maksud B.19 untuk Kementerian Pertanian termasuk dalam rang undang-undang ini. Sehubungan dengan kementerian yang berkenaan, saya mengucapkan tahniah dengan menteri yang baru dilantik untuk mengetuai kementerian ini. Suka saya mencadangkan di sini supaya Kementerian Pertanian dapat memperhebatkan lagi aktiviti-aktiviti atau program-programnya di Sabah, negeri yang mempunyai tanah terbiar yang sangat luas.

Di Sabah memang kita terkenal dengan kelapa sawit di Pantai Timur, tetapi di Pantai Barat Sabah dan juga pedalaman, banyak tanah sawah yang tidak lagi diusahakan. Memang kita banyak mendengar berita bahawa dengan izin *certain areas will be develop into paddy cultivation* tetapi sampai sekarang belum ada hasil lagi. Sabah sedang membangun dengan populasinya sudah lebih daripada 2 juta orang dan memanglah keperluan beras itu akan meningkat. Pada masa ini beras untuk Sabah adalah diimport daripada Thailand, China dan Semenanjung. Pengimportan semua beras untuk Sabah adalah melalui pihak di Semenanjung Malaysia dan bukan terus ke Sabah dan ini telah menambah kos bahan keperluan ini

kerana pengangkutan daripada Port Klang ke Kota Kinabalu dan lagi keseluruhan Sabah itu adalah mahal.

Barangkali Menteri baru Kementerian Pertanian akan dapat mengkaji keadaan import melalui Semenanjung ini dan mungkin dapat mempertimbangkan untuk Sabah dan Sarawak mengimport berasnya *direct* daripada *supplier*. Walau bagaimanapun Kementerian Pertanian mesti juga memperhebatkan dan mempercepatkan penanaman padi secara besar-besaran di Sabah.

Tuan Yang diPertua, tambahan sebanyak RM150 juta di bawah maksud B.22 untuk Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan adalah untuk membiayai promosi pelancongan bagi kempen pengiklanan di peringkat antarabangsa. Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri yang dilantik semula ke kementerian yang sangat penting ini. Jumlah RM150 juta ini adalah besar dan saya yakin ianya akan sampai jauh untuk mempromosikan negara kita di dunia antarabangsa. Kelmarin kita dengar mengenai, dengan izin, *the site condition of some offices and promotion of material overseas*. Saya harap dan percaya kementerian berkenaan akan memperbaiki keadaan ini dengan secepat mungkin, tetapi apa yang saya ingin rujuk di sini ialah usaha untuk mempromosikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum.

Beberapa malam yang lalu, saya telah melihat satu *bill board* yang besar sekali yang berada di tepi jalan raya daripada KLIA ke Kuala Lumpur. *Bill board* ini ada gambar tiga orang budak yang comel. Daripada muka mereka, kita tahu bahawa mereka adalah anak orang Melayu, Cina dan India. Memanglah ini adalah kaum yang terbesar di Semenanjung Malaysia tetapi adakah ini menggambarkan Semenanjung sahaja ataupun Malaysia keseluruhannya. Selain daripada menggalakkan *international tourism*, *domestic tourism* juga adalah penting.

Saya tahu ramai orang Sabah dan Sarawak tinggal di Semenanjung Malaysia dan ramai juga yang datang sebagai pelancong, alangkah baik sekiranya lebih ramai muka-muka yang menggambarkan keberbilangan kaum penduduk-penduduk Malaysia dapat dipamerkan dengan pakaian yang sesuai kepada kaum itu dapat diiklankan. Untuk sayalah sebagai seorang Kadazan saya akan berbangga melihat wajah seorang anak yang berpakaian baju tradisi saya.

Iklan yang betul-betul menggambarkan wajah Malaysia akan juga dengan izin *provide us from East Malaysian state* khususnya daripada Sabah dan Sarawak, satu perasaan megah dan kecintaan kepada negara dan bangga sampai ke ibu negara

Kuala Lumpur, kerana kami merasakan kami pun sebahagian daripada penduduk-penduduk Malaysia. Oleh itu saya sarankan untuk kementerian ini mengkaji semula usaha promosi dan iklan-iklan supaya kita semua dapat berbangga sebagai rakyat Malaysia dan memberi gambaran Malaysia yang *truly Malaysian*.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM8.5 juta untuk Jabatan Kastam dan Eksais Diraja juga ada perbekalan tambahan ini. Sehubungan dengan jabatan ini saya ingin menyentuh tentang masalah penjual-penjual rokok haram yang berada di merata tempat di Sabah. Kebanyakan penjual rokok ini ialah kanak-kanak dan wanita-wanita pendatang tanpa izin. Mereka bukan sahaja berniaga dengan haram tetapi mengotorkan pekan-pekan. Di sini saya juga ingin tahu, bagaimanakah rokok-rokok ini boleh didapati dan boleh dijual di kaki-kaki lima kedai-kedai di Sabah.

Saya ingin menyarankan di sini supaya Jabatan Kastam dapat mengambil tindakan yang tegas dengan kerjasama pihak-pihak tertentu untuk mengatasi masalah ini dengan secepat mungkin. Sabah dengan jumlah pendatang haram yang tinggi mempunyai satu masalah yang sangat-sangat serius dan saya harap satu tindakan dapat diambil.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong Akta Perbekalan Tambahan (No. 2) (1999), terima kasih.

**Timbalan Yang di Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Kassim.

**Datuk Haji Kassim bin Mh. Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan Akta Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) bagi tahun ini.

Saya juga turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad di atas kemenangan Barisan Nasional dengan majoriti 2/3 di dalam pilihan raya yang baru lepas. Tahniah juga kepada Tuan Yang di-Pertua kerana dilantik semula sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan pada semua rakan yang telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara bermula daripada tahun ini. Tidak lupa juga saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada rakan-rakan daripada Parti Pembangkang yang telah dipilih untuk menduduki Dewan Negara ini. Saya berasa bersyukur kerana rakan-rakan daripada Parti Pembangkang di Dewan Negara ini nampaknya lebih matang daripada adik-adiknya yang berada di Dewan Rakyat.

Kita tahu baru-baru ini di Dewan Rakyat telah berlaku kekecohan kerana tanpa memahami perlembagaan Dewan yang sebenarnya, mereka telah menimbulkan

huru-hara di Dewan Rakyat. Kita bersyukur, saya harap keharmonian yang ditunjukkan oleh abang-abang pembangkang yang ada di sini akan dapat diteruskan demi untuk menjaga kesucian Dewan Negara ini iaitu Dewan yang tertinggi di Parlimen.

Tuan Yang diPertua, saya juga tidak ingin menyentuh banyak kementerian, hanya dua kementerian sahaja yang ingin saya sentuh di sini. Yang pertamanya ialah SPR yang telah memperolehi peruntukan sebanyak RM3.5 juta. Kita berterima kasih kepada SPR kerana di atas kejayaannya mengadakan pilihan raya yang baru lepas tanpa menimbulkan peristiwa-peristiwa yang boleh menjejaskan proses demokrasi di negara kita ini.

Kita tahu bahawa di sesetengah negara apabila sahaja ada pilihan raya banyak perkara yang tidak diingin berlaku, berlaku pergaduhan, berlaku pembunuhan dan sebagainya tetapi Alhamdulillah kerana kebijaksanaan SPR dalam mengendalikan pilihan raya dan kebijaksanaan SPR dalam menghadapi cabaran-cabaran dan tohmahan-tohmahan yang dikemukakan oleh parti-parti pembangkang, proses pilihan raya di negara kita ini telah dapat dijalankan dengan begitu baik, dengan begitu aman dan tenteram.

Namun demikian, seperti yang pernah disuarakan oleh rakan-rakan lain di dalam Dewan ini masih banyak lagi perkara yang perlu diperbaiki, masih banyak lagi perkara yang perlu dipertingkatkan oleh pihak SPR. Misalnya, dalam hal pendaftaran pengundi-pengundi baru dan pemindahan pengundi-pengundi baru masih lagi berlaku perkara-perkara yang tidak dapat diterima oleh akal tentang penempatan pengundi-pengundi. Adakalanya pengundi-pengundi di lain kawasan yang tidak ada kena mengena di dalam sesuatu kawasan itu dimasukkan ke dalam kawasan itu.

Saya berkata demikian kerana ini berlaku di kawasan pilihan raya saya sendiri di mana pengundi-pengundi yang duduknya melangkau dua kampung daripada kawasan saya, kawasan saya ialah kawasan Pasir Puteh dan pengundi-pengundi daripada kawasan yang jauhnya melangkau dua kampung bukan bersebelahan, dimasukkan ke dalam peti undi kawasan saya sendiri. Ini satu perkara yang tidak munasabah dan bukan sedikit kemasukan itu, *in block*, seramai 240 orang pengundi yang kita kenal pasti bukanlah penyokong-penyokong Barisan Nasional telah dimasukkan ke dalam kawasan pilihan raya ke dalam peti undi Pasir Puteh.

Inilah perkara yang sepatutnya tidak boleh berlaku dan saya berharap pada masa-masa yang akan datang supaya pihak Suruhanjaya Pilihan Raya lebih mahir

dalam mengenali kawasan-kawasan di mana pengundi-pengundi itu berada dan ke manakah pengundi itu patut diletakkan.

Jadi tindakan SPR ini memang malang sekali bagi kami kerana kekalahan calon Barisan Nasional sebanyak 40 undi menyebabkan kita berasa amat curiga tentang kewibawaan SPR itu sendiri. Kemasukan yang saya maksudkan tadi seramai 247 orang itu pada anggapan kamilah yang telah menyebabkan kekalahan Barisan Nasional di kawasan kami yang mana pada masa-masa yang lampau tidak pernah Barisan Nasional kecundang di kawasan itu.

Saya amat berharap supaya pihak SPR lebih berhati-hati dalam menempatkan pengundi-pengundi dan perkara ini telah kita kemukakan kepada pihak SPR di negeri Melaka dan mereka telah akur, telah menerima pandangan kita dan pengundi-pengundi itu telah dipindahkan tetapi hanya boleh digunakan sekiranya diadakan pilihan raya pada masa akan datang. Tetapi malang sungguh nasi telah menjadi bubur perkara ini terpaksa kita terima.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat Senator, adakah ini sengaja dibuat oleh parti-parti pembangkang yang hendak mengalih di mana sesuatu kawasan majoriti kita sudah tinggi dia buat secara senyap-senyap mengalih pengundi-pengundi ini ke tempat di mana mereka boleh mendapat kemenangan dan kalau ianya berlaku, ini bukan sahaja di Melaka, di merata-rata tempat berlaku. Jadi apakah cara-cara pemantauan, saya hendak bertanya, yang boleh Yang Berhormat cadangkan kepada SPR untuk memberhentikan sabotaj semacam ini?

**Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita telah mengadakan perbincangan dengan pihak SPR dan pihak SPR telah mengakui kesilapan yang telah dilakukan dan memang kita biasa dengar perkara-perkara ini dilakukan oleh parti-parti pembangkang dengan memindahkan pengundi-pengundi daripada satu kawasan ke satu kawasan untuk memastikan kemenangan mereka.

Proses ini amat sukar diakui oleh pihak SPR, ia memakan masa sebab setiap pengundi yang hendak dipindahkan balik mereka telah ditempatkan, sama ada itu sabotaj atau tidak, itu mereka yang berkenaan yang sahaja yang mengetahuinya. Tetapi memanglah kita tidak hendak mempersoalkan kewibawaan SPR kerana kejayaan SPR selama ini memang mengagumkan. Kita pun pernah dengar bahawa bukan semua pegawai SPR itu orang yang berkecuali, ada di kalangan mereka itu berterang-terangan menyokong parti-parti pembangkang, ini amat dikesalkan.

Jadi seperti yang saya katakan tadi pihak SPR telah bersetuju supaya perkara ini akan dikaji semula dan ini akan memakan masa sebab untuk memindahkan semula orang-orang itu terpaksa dipanggil, ditemu duga, ini bukan satu perkara yang mudah, bukan seperti kata saudara pembangkang bahawa perkara ini akan dilaksanakan dalam masa seminggu, di sesetengah negara sebulan boleh buat tetapi negara kita ini tidak boleh sebab di negara kita ini berlainan dengan negara-negara yang disebutkan tadi. Di negara kita ini ramai terdapat orang-orang yang boleh menyukarkan kerja-kerja yang dijalankan oleh SPR. Di Amerika Syarikat kita tidak ada Karpal Singh, kita tidak ada Kit Siang, kita tidak ada Nik Aziz, kita tidak ada Hadi Awang di sana dan kita tidak ada *Harakah* di sana, mereka mudah membuat kerja tetapi negara kita ini susah sedikit hendak membuat kerja.

Jadi kita akur tentang apa yang diperkatakan oleh SPR itu, ini akan memakan masa dan kita harap keadilan akan dapat dilaksanakan. Kita tidak hendak pengundi-pengundi daripada lain tempat, kampung yang jauh menentukan nasib pengundi di kawasan kita sendiri, ini yang paling kita rasa sedih sekali, orang lain menentukan siapa pemimpin yang patut berada di tempat kita, ini yang tidak sepatutnya berlaku dalam sebuah negara demokrasi. Walaupun itu demokrasi tetapi itu tidak sepatutnya berlaku, daripada segi etikanya ia adalah menyalahi.

Tuan Yang diPertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat saya harap pihak SPR dapat mengambil berat perkara ini supaya perpindahan pengundi-pengundi ini dapat dilaksanakan dengan seberapa segera sebab dalam penyemakan daftar pemilih kita telah mengemukakan beberapa nama yang tersangat asing bagi kita dan pihak SPR telah berjanji akan menyasat perkara ini dan akan dipastikan bahawa tidak ada lagi corak-corak penyelewengan dalam daftar pemilih.

Tuan Yang diPertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat satu lagi perkara yang ingin saya sentuh ialah tentang Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang mendapat peruntukan sebanyak RM150 juta. Saya ingin menumpukan perhatian kepada kementerian itu terhadap negeri Melaka. Kita sedia maklum bahawa negeri Melaka adalah sebuah negeri yang kecil tidak mempunyai hasil seperti negeri lain, kita tidak mempunyai balak, kita tidak mempunyai minyak, kita tidak mempunyai galian-galian dan sebagainya. Aset kita hanyalah sejarah, itu sahaja yang ada pada negeri Melaka.

Di sini saya ambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memilih Yang

Amat Berhormat Datuk Wira Haji Mohd. Ali bin Mohd. Rustam sebagai Ketua Menteri Melaka untuk menerajui Kerajaan Negeri Melaka baru-baru ini. Yang Amat Berhormat Datuk Wira nampaknya beliau beria-ia sangat untuk memastikan bahawa negeri Melaka ini akan lebih maju dari segi pelancongan kerana itulah hasil yang boleh didapati untuk negeri Melaka ini.

Beliau ingin mengemukakan satu pandangan bahawa melawat Malaysia ini tidak lengkap, tidak sempurna kalau tidak melawat Melaka. Ini adalah satu kebenaran yang kita tidak boleh nafikan dan negeri-negeri lain tidaklah boleh merasa iri hati tentang perkara ini sebab sejarah negara kita ini bermula di Melaka dan peta Melaka ini telah berada di dalam peta dunia sejak kurun yang ke-16 lagi. Orang lebih mengenali Melaka daripada negeri-negeri lain.

Namun demikian walaupun mereka datang ke Melaka, negeri-negeri lain tidak kerugian sekiranya mereka melancong ke Melaka mestilah melalui negeri-negeri lain melalui Johor, Selangor, Kuala Lumpur, KLIA, mungkin datang daripada Sabah, memang ada pelancong-pelancong asing pergi ke Sabah dan datang ke Melaka kerana untuk melihat kesan-kesan sejarah yang ada di Melaka. Jadi saya berharap sangat Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan memberi tumpuan yang lebih berat lagi, yang lebih khusus sekali terhadap pembangunan pelancongan di Melaka terutama sekali dalam mempromosikan dan meningkatkan lagi kesan-kesan sejarah yang ada di negeri Melaka.

Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, seperti yang saya katakan tadi, saya tidak ingin bercakap panjang, hanya dua perkara menyentuh dua kementerian tadi dan seperkara lagi sebagai sampingan ialah untuk menyokong saudara saya Dato' Abdul Aziz yang telah lama berada di dalam dewan ini mungkin sama usianya dengan saya akan tamat setahun lebih lagi. Selama empat tahun lebih beliau telah beria-ia sangat untuk menarik minyak yang dialirkan ke Terengganu pergi ke Pahang. Saya rasa ini wajar dipertimbangkan. Pada masa ini kita dapati banyak syarikat besar yang kerajaan punyai kepentingan seperti MAS, Telekom, TEN dan sebagainya, mereka ada penyaingnya, ada Air Asia misalnya kemudian untuk Telekom ada syarikat-syarikat lain yang mengendalikan telekomunikasi begitu juga dengan TEN ada *Power Tech* dan sebagainya. Kenapa tidak syarikat cari gali minyak ini diadakan sebuah syarikat lain selain daripada Petronas. Benda ini boleh dilaksanakan dan saya berharap kerajaan negeri Pahang terutamanya dapat mempelopori usaha ini. Tidak ada salahnya kita mengadakan satu syarikat lain untuk

sama-sama berusaha mencari gali minyak di negara kita ini. Jadi tidaklah timbul minyak di Pahang itu dilarikan ke Terengganu dan sebagainya. Mungkin Yayasan Pahang atau Kerajaan Negeri Pahang dapat bekerjasama dengan Kerajaan Pusat untuk memastikan bahawa usaha untuk mencari gali minyak ini khususnya negeri Pahang dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin, ini untuk kepentingan kita bersama.

Saya ingin menyentuh sebuah lagi negeri iaitu negeri Terengganu. Saya rasa terima kasih kepada saudara Yang Berhormat Tuan Haji Hassan Shukri yang telah memberi penjelasan tentang toleransi agama, toleransi Islam terhadap kebudayaan orang-orang yang bukan Islam terutama sekali dalam hal pemeliharaan babi. Terima kasih. Memang Islam tidak menghalang orang bukan Islam mengamalkan cara hidup mereka dan juga memelihara babi. Perkara ini bukan perkara luar biasa bagi kita Barisan Nasional, kita semua sudah tahu. Itu sebab negeri lain di negara kita ini memang banyak industri penternakan babi diadakan. Ini bukan satu perkara asing bagi kita. Hanya kita mengharapkan apa yang disuarakan oleh wakil PAS itu tadi dapat dilaksanakan bukan hanya sekadar mengeluarkan satu pandangan dan selepas itu membiarkan begitu sahaja.

Negeri-negeri di Pantai Barat terutamanya Melaka memang sebuah negeri kecil memang kita tidak ada tempat lagi untuk kawasan pemeliharaan babi sebab seboleh-bolehnya kita tidak akan keluarkan lesen lagi untuk memelihara babi ini lebih-lebih lagi negeri Melaka ini hendak dijadikan satu kawasan industri pelancongan di seluruh pelusuk negeri Melaka itu dijadikan pusat pelancongan. Begitu juga negeri-negeri lain. Negeri Sembilan, sebuah negeri kecil, memang tidak ada tempat untuk pemeliharaan atau penternakan babi ini. Jadi saya sarankan negeri Terengganu yang begitu besar, luas dan banyak kawasan-kawasan hutan yang terbiar kenapa tidak negeri Terengganu itu dijadikan kawasan ternakan babi seperti mana yang telah disuarakan oleh saudara Hassan tadi.

Saya ingin dengar perkara ini akan dapat dilaksanakan. Singapura lebih lama tahu dan menghapuskan ternakan babi. Melaka kemungkinan kita akan hapuskan ternakan babi ini oleh kerana sebab tidak ada kawasan. Terengganu masih besar lagi kawasannya, lebih luas lagi kawasannya dan saya harap perkara ini dapat disampaikan kepada Dewan Undangan Negeri untuk membantu perusahaan babi itu dijalankan di negeri Terengganu itu dan saya berharap supaya pada masa persidangan yang akan datang ada suara yang mengatakan bahawa kilang-kilang atau pun ternakan babi telah dilaksanakan di negeri Terengganu.



Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Yang Berhormat, setakat itu sahajalah ingin saya perkatakan dan sekali lagilah saya menyokong Akta Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) 1999. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Hajah Hunaizah.

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang telah dilantik semula mengendalikan Dewan Negara ini dan tahniah kepada Yang Berhormat Ustaz Haji Hassan Shukri dan Yang Berhormat Cikgu Safinah yang telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara ini bagi mewakili kerajaan negeri Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengambil peluang membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1999 dalam Perkara B.52, Kementerian Kerja Raya bagi membantu masalah air di Selangor. Tuan Yang di-Pertua, krisis air bukan hanya menimpa negeri Selangor sahaja tetapi juga negeri-negeri lain di Malaysia seperti negeri Johor dan Kelantan. Sehubungan dengan itu saya menyeru kepada kerajaan agar peruntukan air disalurkan ke negeri lain yang turut menghadapi masalah tersebut.

Seterusnya saya ingin menyentuh perkara B4 berkaitan peruntukan tambahan sebanyak RM3.5 juta kepada Suruhanjaya Pilihan Raya. Kita tidak dapat menafikan bahawa pilihan raya yang telah dijalankan baru-baru ini didapati Barisan Nasional dan juga Barisan Alternatif menggunakan kemudahan komputer untuk digunakan bagi tujuan semakan pengundi dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, di sini saya agak dukacita dengan penggunaan teknologi di peringkat SPR sendiri kerana amatlah tidak munasabah seramai 680,000 orang pengundi baru yang berdaftar pada tahun ini telah dinafikan hak mereka atas kegagalan memproses pendaftaran ahli baru tersebut. Justeru itu saya sarankan kepada SPR agar tingkatkan kemahiran dan seterusnya menggunakan teknologi maklumat bukan sahaja untuk pendaftaran pemilih tetapi juga dalam urusan-urusan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara B.19 Peruntukan Pertanian baru-baru ini, negara kita telah dilanda krisis JE. Pelbagai usaha telah dilakukan bagi membayar ganti rugi kepada penternak-penternak JE. Walau bagaimanapun di sini saya ingin mencadangkan agar kerajaan turut mengambil kira dan seterusnya membayar pampasan kepada golongan yang terlibat secara tidak langsung seperti masyarakat

setempat, penembak-penembak yang mungkin kesihatan mereka turut terjejas. Oleh itu adalah sewajarnya belanja rawatan dan lain-lain bantuan-bantuan yang difikirkan munasabah di hulurkan kepada mereka.

Akhir sekali saya ingin menyentuh perkara B.8 iaitu peruntukan bagi Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya akan tujukan kepada isu wanita dan kerjaya kerana sekarang begitu ramai wanita bekerja dan terdapat di kalangan mereka yang ingin bersara awal disebabkan masalah kesihatan, tekanan di tempat kerja atau mungkin juga tidak berminat bekerja. Di dapati wanita-wanita yang bekerja terutama dengan kerajaan, contohnya guru-guru dan jururawat yang sebahagian besarnya terdiri dari kalangan wanita oleh itu permohonan mereka untuk bersara awal sukar untuk diperolehi disebabkan alasan kekurangan tenaga kerja dalam bidang ini. Supaya hak mereka tidak dinafikan, seharusnya pihak kerajaan membuat unjuran yang tepat terhadap keperluan kakitangan dengan mengambil kira mereka yang ingin mengambil pencen awal.

Oleh itu saya menyeru kepada kerajaan agar melonggarkan had umur persaraan, kebajikan wanita terpelihara. Walau bagaimanapun terdapat juga di kalangan pekerja terutamanya kaum lelaki yang masih sihat tubuh badan dan boleh meneruskan khidmat mereka selepas had umur 55 tahun dan contoh yang terbaik iaitu Tan Sri Speaker kita, walaupun sudah berumur, masih bersemangat untuk meneruskan khidmat bakti kepada negara.

Jadi, sehubungan dengan ini saya mencadangkan had umur maksimum ditingkatkan kepada umur 60 tahun hingga 65 tahun. Sekian, saya turut menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Timbalan Menteri sila jawab.

**12.12 tgh.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) 1999 yang dibacakan kali yang kedua.

Saya mengucapkan terima kasih kepada 18 orang pembahas yang didahului oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, Yang Berhormat Puan Kamilia, Yang Berhormat Datuk Zainudin, Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak, Yang Berhormat Tuan Abdillah, Yang Berhormat Tuan Lim Eng Kok, Yang Berhormat Tuan Haji Hassan Shukri, Yang Berhormat Datuk Haji Karim, Yang Berhormat Puan Chia Chui Ket, Yang Berhormat Tuan Haji Gapar, Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat

Hassan, Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin, Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu, Yang Berhormat Dato' Haji Mazlan bin Abu, Yang Berhormat Datuk Christine Tibok Vanhouten, Yang Berhormat Datuk Haji Kasim bin Ml. Yusof dan akhir sekali Yang Berhormat Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan pergi kepada perkara-perkara pokok dalam mengulas perbincangan yang telah pun kita adakan. Saya akan memulakan ulasan saya tentang infrastruktur agama, yang telah pun dibangkitkan oleh Puan Kamilia. Pembangunan Islam di Malaysia kini jelas terbukti jika dibandingkan perkembangan sekarang dengan kedudukan Islam pada zaman awal pertumbuhannya di nusantara iaitu abad yang ke 12 yang lampau dan kedudukannya di awal kemerdekaan negara.

Islam bukan sahaja telah mendapat tempat dalam dasar pentadbiran negara, malahan semua arah tuju dasar negara dan proses pembangunannya secara beransur-ansur dipandu ke arah sasaran yang bertaut dengan nilai-nilai Islam sejagat. Apa yang lebih menariknya ialah kebanyakan dasar, strategi dan pelaksanaan pembangunannya tidak semua dilabelkan dengan perkataan Islam tetapi maksud dan terasnya adalah berasaskan ajaran Islam berpandukan kepada al-Quran, sunnah, kias dan ijma ulama.

Mengenai penyelarasan undang-undang Islam yang dibangkitkan oleh Puan Kamilia, memandangkan Islam di bawah bidang kuasa negeri dan sultan sebagai ketua agama Islam bagi negeri-negeri yang beraja, maka tidak dapat dielakkan berlakunya ketidak seragaman undang-undang Islam di antara negeri-negeri. Usaha-usaha untuk mengadakan undang-undang Islam yang selaras dan seragam di seluruh Malaysia telah bermula sejak sekian lama dan beberapa usaha telah diambil bagi maksud tersebut. JAKIM melalui jawatankuasa penggubal undang-undang Islam, Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil telah banyak membantu menggubal undang-undang Islam yang disediakan sebagai model untuk diterima pakai oleh negeri-negeri.

Usaha terbaru ialah JAKIM telah mengemukakan satu cadangan supaya penyelarasan dan penyeragaman undang-undang Islam negeri-negeri dibuat melalui Mesyuarat Majlis Raja-raja. Dalam mesyuarat ke 176 pada 1 Ogos 1997, Majlis Raja-raja telah bersetuju dengan cadangan Kerajaan Pusat untuk menyelaraskan dan menyeragamkan undang-undang Islam di seluruh Malaysia. Berikutan dengan itu Jabatan Peguam Negara dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah membuat kajian mengenai ketidak seragaman dan ketidak seragaman undang-undang Islam antara negeri-negeri.

Kajian ditumpukan kepada enam rang undang-undang utama di negeri-negeri dan Jabatan Peguam Negara dengan kerjasama JAKIM telah menyediakan enam rang undang-undang tersebut untuk dijadikan sebagai model dan diterima pakai oleh negeri-negeri. Rang undang-undang itu ialah:-

- (i) Undang-undang Pentadbiran Agama Islam;
- (ii) Undang-undang Keluarga Islam;
- (iii) Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah;
- (iv) Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah;
- (v) Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah; dan
- (vi) Undang-undang Tatacara Mal, Mahkamah Syariah.

Dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Januari 1998 telah dipersetujui supaya pembentangan keenam-enam rang undang-undang di Majlis Raja-raja ditangguhkan untuk membolehkan kajian yang mendalam dibuat terlebih dahulu.

Pada 20 April 1998, cadangan penyeragaman undang-undang telah dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri dan Jemaah Menteri telah memutuskan supaya cadangan itu diperbentangkan, ditangguhkan dahulu bagi membolehkan peruntukan-peruntukan tertentu dengan teliti supaya Ahli-ahli Jemaah Menteri yang mempunyai pandangan-pandangan tentang rang undang-undang berkenaan dikemukakan secara bertulis. Setelah meneliti semula dan mendengar pandangan-pandangan dari Ahli-ahli Jemaah Menteri, satu nota kabinet telah disediakan untuk mendapat persetujuan agar cadangan penyeragaman dalam Mesyuarat Majlis Raja-raja akan dibentangkan.

Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil yang dahulunya dipengerusikan oleh Allahyarham Tan Sri Professor Ahmad Ibrahim dan kini diganti oleh Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Yang Amat Arif Datuk Sheikh Ghazali Abdul Rahman telah membantu JAKIM dalam menyediakan rang undang-undang tersebut pada ketika itu. Insya-Allah sebaik sahaja draf dipersetujui oleh Majlis Raja-raja ia akan diterima pakai oleh negeri-negeri Undang-undang lain yang sedang disediakan bagi tujuan penyelarasan dan penyeragaman ialah rang undang-undang wakaf, wasiat dan harta pusaka.

Selain daripada itu, kita telah pun juga memperkenalkan sistem perbankan Islam. Bagi membuka jalan untuk menubuhkan Bank Islam di Malaysia, kerajaan telah meluluskan Akta Perbankan Islam 1983 yang digariskan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh Bank Islam dalam operasinya di Malaysia dan kuasa-kuasa

Bank Negara Malaysia dalam menyelia dan mengawal Bank Islam itu. Dalam tahun yang sama juga kerajaan telah meluluskan Akta Pelaburan Kerajaan 1993 yang memberi kuasa kepada kerajaan untuk mengeluarkan sijil pelaburan berdasarkan prinsip syariah.

Bank Islam pertama beroperasi di Malaysia ialah Bank Islam Malaysia Berhad pada 1 Mac 1993 yang menawarkan perkhidmatan yang sama seperti bank-bank konvensional, cuma ia berdasarkan pada prinsip-prinsip syariah. Selain itu ia juga mempunyai anak-anak syarikat yang menjalankan operasi berdasarkan prinsip syariah iaitu Syarikat Al-Ijarah Sdn. Bhd. yang menjalankan kebanyakan harta tetap, Syarikat Rumini Sdn. Bhd. yang memberi perkhidmatan domini dan Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. yang memberi perlindungan insurans am dan insurans keluarga.

Kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia juga mempunyai objektif jangka panjang iaitu ingin mewujudkan sistem perbankan Islam seiring dengan sistem bank konvensional. Ini dapat dicapai dengan tiga adunan utama:

- (i) sistem ini mempunyai ahli yang cukup;
- (ii) perkhidmatan dan produk yang merangkumi seluruh sistem bank; dan
- (iii) perlu diwujudkan pasaran antara bank yang operasinya mengikut prinsip syariah.

Sejajar dengan objektif itu, pada awal tahun 1993 sebanyak 21 produk, Bank Islam telah berjaya diwujudkan, antaranya ialah '*al-wadiah, al-muharabah, al-baith bihathan*'*ajil, al-tijarah, khardur hassan, al-rahnu, al-wakalah, al-khafalah*' dan lain-lain lagi. Senarainya ada pada saya, siapa yang ingin melihat akan saya beri nanti, insya-Allah.

Pada 4 Mac 1994, Bank Negara Malaysia telah melancarkan skim perbankan tanpa faedah (SPTF) di mana institusi kewangan yang ada dibenarkan dan digalakkan untuk menawarkan perkhidmatan berasaskan prinsip syariah. Lantas pada penghujung tahun 1973, Sistem Perbankan Islam di Malaysia telah mengandungi sebuah Bank Islam dan 20 buah institusi kewangan konvensional iaitu pada sepuluh buah bank perdagangan, lapan buah syarikat kewangan dan beberapa buah bank saudagar yang menawarkan perkhidmatan dan produk berasaskan prinsip Islam.

Selain itu pada 3 Januari 1994, pasaran wang antara bank secara Islam telah pun dilaksanakan. Sesungguhnya tanpa kesungguhan dan sokongan yang padu daripada kerajaan, sistem perbankan Islam di Malaysia tidak akan maju sejauh ini.

Dalam perkembangan awal Islam, kalau kita lihat tentang pendidikan Islam Negeri-negeri Tanah Melayu, Islam sebenarnya disebarkan melalui usaha perdagangan-perdagangan daripada negara Arab, India dan China dan tentunya dipengaruhi oleh pelbagai mazhab, budaya dan pengaruh-pengaruh luar. Islam diajar di istana-istana kemudian di masjid dan seterusnya di sekolah-sekolah pondok. Kini mata pelajaran agama Islam diajar secara bersepadu dan seragam di semua peringkat bermula dari sekolah rendah hinggalah ke maktab dan universiti. Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 telah banyak memperakukan supaya taraf pendidikan Islam diperluaskan dan dipertingkatkan lagi.

Pada tahun-tahun '80-an, kita perhati pendidikan Islam telah dijadikan dasar dan tunjang dalam penggubalan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan juga Kurikulum Baru Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) telah mencapai angka 40 buah kelas-kelas aliran agama telah dibuka lebih 200 buah sekolah menengah kebangsaan. Universiti Islam telah diwujudkan dan pendidikan Islam telah diajar di semua pusat pengajian tinggi dan di maktab-maktab perguruan.

Penubuhan sekolah berasrama penuh bantuan kerajaan seperti Kolej Islam Sultan Alam Shah dirancarkan lagi dengan lahirnya kolej-kolej di pusat pengajian tinggi Islam milik kerajaan negeri dan swasta seperti Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUZA) pada tahun 1980, Kolej Islam Melaka (KIM) pada tahun 1994, Kolej Islam Darul Ehsan (KISDA) pada tahun 1996, Kolej Universiti Teknologi Islam (UNITI) pada tahun 1997 dan Jamiah Islamiah Sultan Ismail Petra (JIPETRA) juga pada tahun 1997.

Universiti Islam Antarabangsa (UIA) yang ditubuhkan pada tahun 1983 merupakan mercu pendidikan Islam di Malaysia. Pusat Pengajian Tinggi Islam ingin mengadunkan pelbagai disiplin ilmu dan kemantapan iman dan kefahaman Islam yang jelas, luas dan juga dinamik. Graduan-graduannya yang datang daripada 73 buah negara melambangkan betapa mutu pendidikan dan kualiti tenaga pengajarnya diterima dan diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa.

Usaha Kerajaan Malaysia untuk menjadikan Malaysia satu pusat destinasi pendidikan tinggi bertaraf dunia dijayakan lagi dengan tertubuhnya Institusi Antarabangsa Pemikir dan Tamadun Islam (ISTAC) pada tahun 1987. Dengan terdirinya ISTAC maka kehendak pengkaji dan penuntut dalam mendalami ilmu-ilmu Islam di peringkat tinggi setanding dengan institusi seumpamanya di luar negara

telah tercapai. Tenaga-tenaga akademik ISTAC yang sering membentangkan kertas-kertas kerja di merata tempat di serata dunia secara langsung menaikkan nama negara kita. Pendek kata, pendidikan Islam di Malaysia telah berada di puncak kecemerlangannya.

Lembaga Tabung Haji juga telah merupakan satu tabung yang pertama di dunia Islam yang mewujudkan sistem pengurusan ibadat haji untuk rakyatnya secara aktif dan sistematik. Lembaga Tabung Haji dahulu - kini dikenali sebagai Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah ditubuhkan pada 1 November 1962 dan mula beroperasi pada 1 April 1993. Perubahannya selepas lima tahun kemerdekaan menunjukkan keprihatinan yang tinggi pihak kerajaan dalam membantu rakyatnya beragama Islam menunaikan ibadah haji, iaitu rukun Islam yang kelima.

Apa yang lebih menarik Lembaga Tabung Haji (LTH) bukan setakat memberi perkhidmatan dan kemudahan menunaikan ibadah haji kepada para pendepositnya yang kini seramai 3.5 juta dengan simpanan lebih daripada RM6 bilion malah menceburkan diri dalam bidang pelaburan dan perniagaan. Kini Lembaga Tabung Haji merupakan satu institusi permodalan dan perkhidmatan gergasi yang memiliki aset yang bernilai berbilion-bilion ringgit dalam pelbagai sektor seperti perniagaan, perusahaan, pendidikan, pelaburan dan juga perkhidmatan.

Kesungguhannya kerajaan dalam menetapkan organisasi Lembaga Tabung Haji ini merancangkan operasinya serta menggandakan tabungan dan simpanan untuk Islam ditingkatkan lagi dengan kuat kuasa Akta Lembaga Tabung Haji 1995 pada Jun 1995. Beberapa akta baru diubahsuai dari akta yang lama, iaitu Akta Lembaga Urusan Tabung Haji 1999 di mana Lembaga Tabung Haji dapat memantapkan sistem pengurusan dengan pengstrukturkan baru di samping meningkatkan lagi pembangunan sumber manusia, memperluaskan lagi bidang pelaburan, memaksimumkan peluang dan keuntungan dari pelbagai aset tanaman modal dan peningkatan mutu perkhidmatan dan kemudahan.

Kunjungan pemimpin-pemimpin negara dari dunia Islam yang memuji serta ingin mempelajari selok-belok operasi dan pengurusan haji di Malaysia telah meletakkan negara ini di mercu kecemerlangan pembangunan dan kemajuan Islam khususnya memberi perkhidmatan berkualiti kepada para tetamu Allah, menaikkan ekonomi umat Islam dan memenuhi tuntutan fardu kifayah umat Islam di Malaysia.

Pengurusan zakat juga telah pun memainkan peranan yang paling penting di negara kita. Zakat merupakan rukun Islam yang keempat tidak pernah diabaikan oleh

kerajaan dalam merancang sistem pungutan, pengurusan dan peralihan dengan lebih cekap dan sistematik. Ini kerana zakatlah antara sumber atau dana utama Baitulmal dalam menjalankan pelbagai program dan mendirikan pusat-pusat sosial, kebajikan dan pendidikan khususnya untuk menolong masyarakat-masyarakat Islam di samping mengagihkan kutipan zakat kepada lapan asnaf golongan yang telah ditetapkan oleh syarak.

Maka dengan itu, pada 1 Januari 1991, Pusat Zakat (PPZ) Kuala Lumpur telah ditubuhkan bagi mengutip semua jenis zakat terutamanya zakat harta, zakat perniagaan, zakat saham dan juga zakat simpanan dan emas. PPZ telah menjadi satu contoh organisasi kutipan zakat di Malaysia kerana kecekapan dan keberkesanannya meningkatkan kutipan zakat dari setahun ke setahun dan menolong meningkatkan kesedaran masyarakat Islam untuk berzakat.

PPZ juga adalah organisasi zakat yang pertama menggunakan komputer dan menjalankan urusan hariannya yang mempunyai tenaga yang terlatih menjalankan tugas secara profesional dan sistematik.

Kejayaan PPZ Wilayah Persekutuan juga telah menarik perhatian rombongan-rombongan zakat di beberapa negara Islam yang mengakui institusi-institusi zakat di Malaysia adalah lebih sistematik dan menggunakan teknologi terkini berasaskan apa yang mereka lihat di PPZ. Institusi zakat negara Indonesia paling berminat dan sedang mengkaji dan Badan Amal Zakat, Infak, Sedekah Indonesia (BAZIS) dan Lembaga Amil Zakat Indonesia telah pun menghantar beberapa rombongan untuk mengkaji sistem dan struktur di PPZ.

Juga pemberian zakat harta di Wilayah Persekutuan ialah dalam lingkungan 28,000 pembayar kebanyakannya orang-perseorangan. Tetapi syarikat-syarikat dan koperasi telah mula turut membayar zakat perniagaan mereka iaitu sejenis daripada zakat harta bagi pihak pemegang-pemegang saham Muslim mereka dan bayaran zakat perniagaan adalah dalam lingkungan RM10 juta setahun dan lebih kurang 100 syarikat dan koperasi membayar zakat perniagaan adalah luas dan terbentang.

Selain daripada itu, Lembaga Urusan Zakat Malaysia (LUZAM) akan diperkenalkan bagi menyelaraskan pentadbiran segala perkara berkaitan dengan pengurusan zakat di Malaysia serta sehingga masa kini masih lagi JAKIM sedang menjalankan penyelarasan pentadbiran serta perundangan berkenaan dengan agama Islam di semua negeri dapat diselesaikan dan diluluskan.



Konsep utama LUZAM adalah menguruskan kutipan zakat di Malaysia menggunakan kaedah yang seragam dari segi pengiraan dan setelah itu akan menguruskan juga pengagihan wang zakat di negeri-negeri dengan saksama dan adil. Ini akan kita ambil contoh daripada Tabung Haji yang diterimapakai oleh semua negeri di Malaysia.

Selain daripada itu, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) merancang untuk memperluaskan lagi konsep skim gandaian berlandaskan syariah yang dikenali sebagai Ar-rahnu. Skim Ar-rahnu ini memberi manfaat kepada 406,000 pelanggan dengan pengeluaran modal sebanyak RM366 juta dan seperti mana yang saya katakan dahulu bahawa Skim Ar-rahnu ini telah diambil dan digunakan sepenuhnya oleh orang-orang yang bukan Islam kerana mereka memerhatikan bahawa konsep Ar-rahnu ini adalah sangat bagus.

Pelaksanaan Skim Ar-rahnu ini menggabungkan dua konsep iaitu Ar-rahnu dengan merujuk kepada mekanisma di mana satu barang berharga dijadikan barang sandaran dan terikat dengan hutang bercagar boleh dibayar dengannya sekiranya hutang itu tidak dapat dijelaskan. Konsep kedua ialah Al-wadiah merujuk kepada simpanan barang berharga dengan jaminan dan akan dikenakan upah. Jadi seperti mana saya katakan dulu skim pajak gadai Ar-rahnu ini adalah satu mekanisme pembiayaan kecil yang mudah kepada golongan miskin. Dan cawangan skim Ar-rahnu ini boleh didapati di Selangor 22 buah, Kuala Lumpur dan Johor masing-masing 14 buah, Kedah dan Perak masing-masing 13 buah, Pulau Pinang 9 buah, Pahang dan Kelantan masing-masing 8 buah, Sabah dan Sarawak masing-masing 7 buah, Negeri Sembilan dan Terengganu masing-masing 6 buah, Melaka 4 buah dan Perlis 2 cawangan.

Pelanggan yang tidak berupaya menjelaskan bayaran mereka dalam tempoh enam bulan berpeluang berbuat demikian bagi tiga bulan berikutnya. Sekiranya pelanggan masih gagal menjelaskannya pihak bank akan melelong barang kemas berkenaan dan baki daripada jumlah pinjaman itu akan dipulangkan kepada mereka. Ini untungnya Ar-rahnu dibandingkan dengan kedai pajak gadai yang lain. Selain daripada itu kita juga telah mengutarakan indeks syariah BSKL. Sekarang ini sebanyak 123.60 maju 0.34, 237 syarikat terlibat dalam indeks syariah yang kesemuanya di Papan Utama dan senarai syarikat itu ialah dari terbitan Majlis Penasihat Syariah Suruhajaya Sekuriti. *Volume* sekarang ialah sebanyak 36.7 juta dan nilai sebanyak RM94.8 juta.

Yang Berhormat Puan Kamalia juga telah pun membangkitkan tentang etika kerja yang baik. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengeluarkan arahan terdiri daripada 13 ciri yang berkaitan dengan tanggungjawab menteri dan 14 mengenai etika yang mesti dipatuhi. Pengenalan arahan baru ini tidak bermakna bahawa anggota Kabinet kerajaan pusat telah gagal melaksanakan tugas mereka dengan baik sebelum ini. Kalau tidak tentulah rakyat tidak akan berupaya merasai kenikmatan proses pemulihan ekonomi yang sangat cepat sekarang ini. Sebaliknya barisan Kabinet baru akan menggunakan 13 ciri yang di antaranya sebagai satu bentuk untuk meningkatkan lagi prestasi dalam setiap kementerian pada tahun-tahun yang mendatang.

Ramai daripada ahli-ahli Yang Berhormat kita telah pun membangkitkan masalah SPR. Ini sangat bagus kerana banyak point yang dapat kita lihat bahawa semuanya tidak puas hati dengan SPR ini dan kita akan berusaha mempertingkatkan kecekapannya.

SPR mengambil masa yang panjang untuk mengesahkan daftar pemilih. Ini juga dibangkitkan oleh semua orang. SPR perlu mengambil masa untuk menyiapkan daftar pemilih untuk sesuatu tahun disebabkan SPR perlu mematuhi sepenuhnya peruntukan undang-undang yang berkaitan iaitu Peraturan-Peraturan Pendaftar Pemilih Pilihan Raya 1971. Mengikut undang-undang tersebut ada beberapa peringkat yang perlu diambil tindakan. Di antaranya ialah urusan pendaftaran menerima borang pendaftaran selama 42 hari, urusan pameran daftar pemilih 14 hari dan siasatan awam. Siasatan awam ini bergantung kepada besar manakah tuntutan dan bantahan yang diterima. Untuk maklumat Yang Berhormat ketika urusan pendaftaran pemilih 1999 SPR telah menerima sebanyak 12,272 tuntutan dan 38,308 bantahan. Untuk menyelesaikan tuntutan bantahan tersebut SPR memerlukan kira-kira 2 hingga 3 bulan untuk mengadakan siasatan awam.

Yang Berhormat Puan Kamalia juga telah mencadangkan supaya Suruhanjaya Pilihan Raya lebih telus supaya pilihan raya tidak dipertikaikan dan mengkaji undang-undang pilihan raya supaya bidang kuasanya dikaji semula untuk memberi tarikh kempen pilihan raya. Suruhanjaya Pilihan Raya sebenarnya sentiasa membaiki imejnya supaya lebih telus dalam menjalankan pilihan raya. Mudah-mudahan pilihan raya sentiasa diperhatikan, diperbetulkan di '*up-grade*' setiap kali pilihan raya diadakan. Soal pilihan raya tidak dipertikaikan untuk dikawal oleh Suruhanjaya Pilihan Raya kerana ini dibenarkan dalam undang-undang di mana sekiranya ada

pihak-pihak yang tidak berpuas hati mereka boleh mengemukakan petisyen. Soal puas hati atau tidak terpuanglah kepada calon-calon sendiri. Kadang-kadang sebaik mana pun pilihan raya dijalankan yang telah diakui oleh dunia mengikut undang-undang yang diperbuat buat masa sekarang masalah tidak puas hati tetap timbul. Kadang-kadang semua pihak inginkan kemenangan bila kalah sahaja mereka lebih senang menyalahkan Suruhanjaya Pilihan Raya sebagai punca kekalahan mereka.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat supaya Suruhanjaya Pilihan Raya mengkaji semula undang-undang yang berkaitan dengan tarikh kempen pilihan raya, perkara ini akan diambil ingatan. Untuk perhatian Yang Berhormat-Yang Berhormat mengikut tarikh kempen pilihan raya yang terpakai sekarang kempen pilihan raya secara rasminya kempen yang dilakukan sebaik sahaja proses penamaan calon selesai sehinggalah proses pengundian akan berakhir. Tetapi kita tahu ada juga parti-parti yang telah berkempen dan sekarang ini pun sedang berkempen untuk pilihan raya yang akan datang.

Yang Berhormat Datuk Zainudin Maidin telah mencadangkan supaya semua pihak membantu kepada keyakinan orang ramai terhadap kewibawaan Suruhanjaya Pilihan Raya. Cadangan tersebut patut diberi sokongan kerana kebanyakan dakwaan yang dilakukan oleh pelbagai pihak hanyalah berdasarkan kepada sangkaan buruk semata-mata atau *hearsay*. Misalnya ada dakwaan yang menyatakan kertas undi dicetak berlebihan padahal yang sebenarnya Suruhanjaya Pilihan Raya tidak pernah mencetak kertas undi berlebih-lebihan. Ada yang mengatakan kotak undi hantu dan sebagainya. Kita tahu bahawa kita buat tempat saliran, kita ada pegawai-pegawai daripada Suruhanjaya Pilihan Raya juga pegawai-pegawai dari parti-parti yang berkenaan untuk menjadi pemerhati.

Tuan Haji Hassan Shukri juga telah mencadangkan supaya pemilih-pemilih yang layak dan mempunyai hak boleh mendaftarkan pada bila-bila masa sahaja. Suruhanjaya Pilihan Raya sedang menjalankan kajian bagaimana untuk membolehkan rakyat Malaysia yang layak didaftarkan dan tanpa menafikan hak mereka mengundi pada mana-mana masa pilihan raya termasuk kaian mendaftar pada bila-bila masa ataupun boleh dilakukan sepanjang tahun. Walau bagaimanapun kajian ini memerlukan pemerhatian yang rapi termasuk penelitian ke atas undang-undang dan peraturan-peraturan pendaftaran pemilih yang berkuat kuasa pada masa ini. Insya-Allah kita akan tengok.

Yang Berhormat Chia Chui Ket telah mencadangkan supaya pembersihan daftar pemilih dilakukan dengan lebih berkesan terutamanya mengenai pengundi hantu. Sebenarnya pada setiap masa Suruhanjaya Pilihan Raya sentiasa menjalankan urusan pembersihan pendaftaran pemilih misalnya pada tahun 1999 kira-kira 130 ribu nama pemilih yang meninggal dunia telah dikeluarkan daripada daftar pemilih. Proses ini akan dilakukan berterusan dari semasa ke semasa dan nama pemilih-pemilih yang tidak layak akan dikeluarkan dari daftar pemilih.

Berhubung dengan dakwaan pemilih hantu dan pemotongan tidak boleh dibuat sekiranya mereka adalah warganegara Malaysia dan semasa mendaftar dulu mereka tinggal di kawasan berkenaan dan kemudian bekerja berpindah ke tempat lain dan apabila hari mengundi mereka balik semula dan kadang-kadang orang seperti ini dikatakan undi hantu. Walau bagaimanapun kita akan cuba meneliti perkara ini. Sebagaimana Yang Berhormat Chia Chui Ket sedia maklum di Sabah sekarang ini banyak kes yang dibawa ke mahkamah kerana ada dua nama dan sebagainya.

Yang Berhormat Tuan Haji Gapar telah pun meminta supaya nama pemilih yang hilang dengan tiba-tiba ini, tempat mengundi yang agak jauh daripada kampung, pegawai-pegawai yang berat sebelah tidak neutral. Nama-nama pemilih yang hilang akan berlaku disebabkan misalnya semasa pameran mereka tidak melihat nama-nama tersebut dan nama-nama tersebut telah tertinggal atau nama-nama orang yang telah meninggal dunia, hilang warganegara atau jatuh hukuman kerana kesalahan-kesalahan tertentu. Dalam hal ini kita akan cuba memastikan bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan Tuan Gapar ini tidak akan berulang lagi.

Sekarang saya masuk khusus mengenai Jabatan Perkhidmatan Awam kerana ramai telah berbincang mengenai Jabatan Perkhidmatan Awam dan topik yang selalu dikemukakan ialah cadangan cuti dua hari untuk kakitangan kerajaan. Cadangan ini perlu dikaji dengan teliti memandangkan ia boleh menjejaskan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan yang diharapkan oleh rakyat. Malah untuk menghadapi cabaran alaf baru kakitangan kerajaan diharapkan dapat menyumbang lebih banyak masa dan tenaga untuk bangsa dan negara. Cuti am dan cuti rehat yang ada sekarang untuk kakitangan kerajaan adalah memadai sekiranya dirancang dengan sebaik-baiknya.

Tetapi walau bagaimanapun, sekarang kakitangan perkhidmatan awam Persekutuan dan negeri menikmati lima hari bekerja seminggu tetapi hanya bagi minggu pertama setiap bulan. Peruntukan ini adalah memadai buat masa ini. Perlu

diingati juga bahawa sekiranya jumlah hari bekerja hendak dikurangkan, waktu bekerja seharian pasti perlu dipanjangkan sekiranya sasaran prestasi kerja hendak ditepati. Soalannya, sanggupkah kakitangan kerajaan semuanya menerima tambahan waktu kerja seharian, mungkin hingga dua jam tambahan hanya untuk mengurangkan hari bekerja setiap minggu. Walau bagaimanapun, kerajaan telah dan sedang mengkaji yang lima hari ini yang telah pun kita implemen.

Ada juga yang telah pun membentangkan tentang umur wajib bersara ini. Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak telah menyatakan bahawa umur wajib bersara ini patut ditingkatkan lagi. Kerajaan sedang mengkaji kesan peningkatan umur wajib bersara dari 55 tahun ini. Dalam pada itu hakikatnya ialah ada ramai kakitangan kerajaan yang tidak ingin berkhidmat melebihi umur 55 tahun dan ada juga yang ingin terus berkhidmat tetapi kesihatan dan prestasinya kurang memuaskan. Ini juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah tadi. Lain-lain, ketua jabatan masih diperlukan supaya mereka yang tidak mampu terus bekerja dan tidak memudaratkan pencapaian perkhidmatan awam seperti yang diharapkan oleh rakyat.

Juga pelbagai perkara telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang kakitangan perkhidmatan awam termasuk penglibatan mereka dalam politik. Kerajaan mengambil perhatian semua cadangan yang diutarakan dan tindakan sesuai akan diambil, saranan peruntukan-peruntukan dan peraturan-peraturan pegawai awam dan Perintah-perintah Am yang berkuat kuasa sekarang ini.

Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak telah menyatakan mengenai Sistem Saraan Baru. Sistem Saraan Baru ini telah dibaiki dari masa ke semasa. Sebenarnya ia melibatkan lebih daripada sistem penilaian dan pergerakan gaji menegak dan melintang sahaja yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat. Kadar gaji baru seperti imbuhan dan kemudahan-kemudahan lain di bawah SSB memang diterima dengan baik oleh pegawai-pegawai. - imbuhan tahunan, bayaran insentif, perkhidmatan kritikal, bayaran balik perbelanjaan letak kereta, cuti isteri bersalin, kemudahan pinjaman membeli komputer, kemudahan mengurus jenazah, rawatan untuk ibu bapa dan sebagainya.

Didapati teguran-teguran tersebut lebih menyentuh pelaksanaan prinsip yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Isu-isu pelaksanaan sedemikian sentiasa dikaji untuk dibaiki dan hakikatnya seperti aspek penilaian prestasi dan kemampuan kakitangan tidak dapat dielakkan dalam mana-mana keadaan pengurusan sumber manusia (*human resource management*) lebih-lebih lagi dalam perkhidmatan awam.

Sememangnya rakyat jelata mengharapkan prestasi yang tinggi daripada setiap kakitangan kerajaan dan kerajaan tidak boleh mengecewakan rakyat dalam hal ini. Sebab itulah tiap-tiap bulan September kita adakan Hari 'Q'. Diharapkan Hari 'Q' ini akan menjadi budaya kepada pegawai-pegawai dan kakitangan.

Jabatan Perkhidmatan Awam tidak menambahkan jawatan di beberapa jabatan kerajaan yang memerlukannya. Ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak dan Jabatan Perkhidmatan Awam sesungguhnya berhati-hati dalam hal menambah jawatan dalam jabatan-jabatan kerajaan dengan memastikan pencapaian dan prestasi optimum oleh kakitangan kerajaan. Dalam pada itu semua permohonan tambahan jabatan dikaji dari masa ke semasa, dari segi keutamaan kepada keperluan jabatan. JPA tidak pernah menolak permohonan yang berjustifikasi dan bersabar. Di samping itu, tidak boleh mengenyepikan usaha *right sizing* yang dikatakan oleh Puan Kamalia, *flat organization* dan sebagainya dan perkhidmatan awam keseluruhannya. Ini sedang kita jalankan dan kita akan tetapkan mengoptimumkan tenaga-tenaga di bawah kawalan kita.

Ramai Ahli Yang Berhormat telah pun membangkitkan mengenai justifikasi peruntukan RM150 juta dalam bidang pelancongan. Pengiklanan terutama ialah untuk mengiklan dan menjual secara agresif, pakej lawatan dan kempen mengiklan adalah berteraskan *tactical* dan *event space* seperti acara *Formula One Petronas*, *Malaysia Grand Prix*, *Le tour de Langkawi*, *World Cup Golf* dan lain-lain. Di sini pengiklanan juga termasuk promosi dan tujuan promosi sebagai melengkapkan usaha pemasaran untuk mewujudkan impak, promosi dari segi domestik yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat supaya ramai orang kita melawat ke negara kita yang begitu unik dan seni sekali. Dalam itu juga, promosi antarabangsa iaitu *Citrawara Malaysia* bertema '*Malaysia Truly Asia*' dan sebagainya akan kita ambil perhatian atas teguran Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dan rakan-rakan yang lain mengenai pejabat-pejabat pelancongan kita di luar negara.

Selain daripada itu, kita juga ingin supaya peruntukan ini dapat membuat secara impak terutama macam Sukan Komanwel. Ingin saya memberitahu di sini, Sukan Komanwel Ke-16 tahun lalu, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM2,93 juta iaitu sebanyak RM412 juta untuk belanja mengurus, sebanyak RM116 juta untuk belanja pembangunan dan sebanyak RM575 juta akaun amanah sukan. Daripada jumlah ini sebanyak RM1,907 juta telah dibehanjakan iaitu sebanyak 91.11%.

Dalam masa yang sama Syarikat SUKOM '98 Sdn. Bhd. juga ialah sebuah syarikat yang ditubuhkan khusus mengendalikan Sukan Komanwel ini dan Sukan Komanwel Ke-16 tahun lalu telah menempatkan Malaysia di peta dunia sebagai *venue* sukan antarabangsa. Malaysia kini mempunyai *venue* kemudahan sukan bertaraf dunia yang boleh menarik pertandingan sukan dunia untuk diadakan di Malaysia. Di samping itu, latihan di bidang sukan di Malaysia telah berjaya melatih atlit negara kita ini di peringkat antarabangsa. Ini jelas dari kejayaan Malaysia di Sukan SEA Ke-20 di Brunei baru-baru ini.

Selain daripada itu, Malaysia telah juga dapat melatih dan membangun kepakaran dan kemahiran di bidang *coaching*. Di bidang teknikal pula dengan adanya acara Sukan Komanwel, Malaysia juga telah dapat membangunkan kepakaran RTM, Kementerian Penerangan sebagai sebuah *host*, penyiar. Negara-negara jiran telah mula memohon bantuan kepakaran daripada kita.

Walau apa pun yang paling penting ialah acara-acara sukan seperti Sukan Komanwel '98 telah berjaya menyatukan rakyat Malaysia. Bermula dengan Sukan Komanwel dalam tahun 1998, pada 14 hingga 21 November pula Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada *World Cup Golf*, satu lagi pertandingan yang *prestigious*, ramai yang telah mengenali Tiger Wood. Kerajaan hanya menyumbang RM2 juta sahaja kepada RTM untuk menjadi *host* penyiaran dalam acara ini.

Pada tahun 2000 pula pertandingan *table tennis* dunia akan diadakan di Malaysia dan dalam tahun 2001 Malaysia akan menjadi tuan rumah Sukan SEA Ke-21. Malaysia juga akan menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah kepada Sukan Asia tahun 2006.

Konsep *Formula One* juga telah menarik perhatian ramai dan kesan sampingan secara langsung kepada ekonomi Lembah Kelang dan tempat-tempat peranginan Malaysia adalah seperti berikut -dapat meningkatkan khidmat pelancongan secara terus di mana khidmat perhotelan telah mendapat banyak tempahan daripada pelancong-pelancong luar negeri di mana seramai 52,000 orang asing telah datang menginap di hotel-hotel bertaraf empat bintang dan lima bintang. Syarikat Penerbangan Malaysia juga telah digunakan bagi membawa pelancong-pelancong terus ke Malaysia. Selain daripada itu, khidmat pengangkutan juga sama ada pengangkutan darat iaitu limousine dan taksy juga mendapat tempahan yang tinggi. Begitu juga dengan tempahan pengangkutan udara seperti helikopter telah digunakan dengan begitu pesat dalam jangka masa satu minggu *Formula One* itu

diadakan. Jadi, *Formula One* telah pun menepati sasaran tunjukkan bahawa dengan berlangsungnya *Formula One* di Malaysia telah mendapat faedah secara *in situ* dengan pelancong-pelancong yang datang dan juga liputan meluas, 750 stesen TV dan radio yang membuat liputan terus kepada 26 buah negara. Dengan demikian, *Formula One* telah berjaya meletakkan Malaysia di peta dunia.

Mengenai Malaysia menjadi juara dunia ketiga, yang dibangkitkan oleh Dato' Aziz, saya ucapkan terima kasih atas pemerhatian beliau kerana beliau juga telah pergi ke New York untuk menyaksikan sendiri bahawa pegawai-pegawai kita di New York sangat rajin untuk menampilkan Malaysia di peta dunia. Sejak tercetusnya krisis kewangan di Asia Timur, Malaysia telah menyatakan pendirian kepada dunia mengenai cara-cara bagi mengatasi krisis tersebut. Pemimpin-pemimpin negara yang hadir di forum-forum antarabangsa seperti mesyuarat antarabangsa ekonomi APEC, mesyuarat-mesyuarat Asean, Kumpulan G-15, Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Komanwel dan Persidangan Bank Dunia dan IMF telah menggunakan kesempatan tersebut bagi menjelaskan pendirian negara kita dan usaha-usaha yang diambil oleh Malaysia bagi mengatasi krisis tersebut. Malaysia telah menegaskan perlunya sistem kewangan antarabangsa diperbaiki dengan mencadangkan supaya aliran modal jangka pendek dikawal.

Di samping itu, kegiatan perdagangan mata wang dan dana lindungan nilai yang perlu diawasi lebih rapi kerana kegiatan spekulasi mereka yang keterlaluan. Pada mulanya pandangan Malaysia ini mendapat cemuhan terutamanya dari negara-negara maju. Alhamdulillah, sekarang pandangan masyarakat antarabangsa telah berubah. Keperluan memperkukuhkan sistem kewangan antarabangsa telah menjadi agenda penting di persidangan-persidangan antarabangsa yang diadakan oleh G-7, APEC, Bank Dunia dan IMF. Beberapa forum khusus bagi membincangkan masalah ini telah ditimbulkan seperti G-22, G-33, Forum Kestabilan Kewangan, yang terbaru sekali ialah G-20.

Walau apa pun beberapa kemajuan telah dicapai bagi menangani isu ini. Malaysia tidak bpuas hati kerana kurangnya komitmen masyarakat antarabangsa untuk melibatkan pelbagai peringkat negara dalam mencapai penyelesaian kepada masalah tersebut. Misalnya, keahlian Forum Kestabilan Kewangan (*Financial Stability Forum*) dan G-20 kurang melibatkan negara membangun dan pasaran baru muncul. Ini bermakna segala perbincangan dan perakuan-perakuan yang lebih ditumpukan kepada pandangan serta kepentingan negara-negara maju sahaja. Pada



pandangan kita negara-negara pasaran baru muncul, masih kurang diberi perhatian yang sewajarnya. Oleh itu, Malaysia akan terus menggesa supaya negara-negara membangun diberikan peranan yang penting dalam usaha-usaha menyusun semula sistem kewangan antarabangsa.

Tentang pandangan bahawa kita perlu mengadakan pelaburan dengan negara-negara ASEAN, ini sedang kita lakukan. Kalau kita lihat daripada statistik yang ada pada saya dan akan saya beri kepada Dato' Abdul Aziz kemudian, pertamanya ialah negeri Jepun yang ada membuat pelaburan dengan kita; keduanya negeri Singapura yang banyak; ketiganya USA; dan keempat ialah negara-negara ASEAN dan data ini akan saya beri kemudian.

Puan Jamilah telah pun menyatakan kita perlu juga meneliti pasaran-pasaran baru untuk kita kenal pasti dan negara Timur Tengah seperti Syria, Lebanon, Iran, Iraq, Libya dan Turki sedang kita kenal pasti. Negara ASEAN baru iaitu Myanmar, Laos, Cambodia, negara Afrika, Ghana, Mozambique dan Zimbabwe, negara Caribbean, Jamaica, Cuba, negara Asia Tengah (Central Asia), Mongolia, Republic Buryati, Uzbekistan, Kazakhstan dan Krazakhstan. Ini akan kita turuti di masa akan datang.

Tentang pelabur baru melabur di negara kita selepas promosi ini, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Jamilah, projek-projek baru ialah sebanyak 283 projek, jumlah pelaburannya sebanyak RM6,015.7 juta, projek pembesaran kepelbagaian ialah 276 projek, jumlah pelaburannya sebanyak RM7,218.1 juta, bilangan projek keseluruhan yang diluluskan ialah sebanyak 559 projek dan jumlah pelaburan keseluruhan ialah RM13,233.8 juta.

Pandangan supaya MITI dapat pergi kepada peningkatan industri-industri dan bukan menggunakan industri-industri yang *labour intensive*, MITI telah pun membuat keutamaan kepada industri-industri seperti berikut:

- (i) Industri Teknologi Maklumat (Information Technology Industry)
- (ii) Industri Teknologi Tinggi;
- (iii) Industri Berintensif Modal; dan
- (iv) Industri Berasaskan Sumber Alam.

MITI tidak menggalakkan pelabur-pelabur asing melibatkan diri dalam industri berintensifkan buruh seperti mana Yang Berhormat katakan tadi. Misi-misi pelaburan perdagangan, saya telah pun katakan tadi bahawa MITI pada tiap-tiap tahun akan membawa wakil-wakil kerajaan negeri dan juga swasta untuk sama-sama

mengikuti rombongan. Masalah siapa yang pergi untuk membuat lawatan sahaja, itu terpulang kepada diri sendiri kerana kita rasakan apabila Nabi Muhamad s.a.w berhijrah dari Mekah ke Madinah pun ada yang niat untuk bersama-sama, ada niat untuk kahwin di sana dan pelbagai niat masing-masing.

Kawalan modal pilihan dilaksanakan mengikut permintaan sektor industri dan perdagangan dan sektor swasta menyambut baik dengan kadar mata wang ringgit ditetapkan sebanyak US\$1 menyamai RM3.80. Kawalan modal pilihan cuma dilaksanakan kepada modal jangka pendek sahaja, yang menjual beli mata-mata wang dan saham sahaja khususnya *hedge fund* yang telah diterangkan oleh rakan saya Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar tadi. Penggabungan bank cuma melibatkan bank-bank tempatan dan tidak menjejaskan pelaburan asing.

Minyak masak seperti mana Yang Berhormat sedia maklum dan seperti mana yang dikatakan oleh Puan Kamelia tadi bahawa kita *taking things for granted* dan kita juga memberikan subsidi kepada minyak masak, subsidi kepada gas yang di rumah kita itu, yang 14 dan 16 kilogram ini ada subsidi-subsidinya dan juga selepas itu kita beri subsidi buku, subsidi makanan panas sampailah ke peringkat universiti dan sekarang ini pula diminta supaya lepas anak-anak kita keluar disediakan pekerjaan dan sebagainya. Ini kerajaan akan adakan dan ini pun bertepatan kepada kita iaitu agama Islam kita pandang sebagai satu perkara yang luas iaitu addin, cara hidup kita dan kita mengamalkan konsep ini bukan sahaja hendak kita labelkan ini Islam dan bukan Islam tetapi apa yang baik itu adalah daripada ajaran Islam.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna – ini ramai yang menyebutkan supaya harga hendak dikurangkan. Kementerian ini akan menambah jumlah anggota penguatkuasanya sebanyak 100 peratus daripada 600 anggota yang bertugas di seluruh negara kepada 1,200 orang – ini jangka panjang. Dengan adanya tambahan anggota tersebut dapat membantu kementerian itu dalam menjalankan tugasnya mengawal kenaikan harga barang terutama dalam musim perayaan. 600 anggota penguatkuasa sekarang ini menjalankan 50,000 pemeriksaan setiap bulan. Jumlah pemeriksaan ke atas premis perniagaan akan meningkat kepada 600,000 di hujung tahun ini. Ini sedang dibincangkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan JPA.

Tuan Yang di-Pertua, Tuan Haji Rosli tadi telah membangkitkan beberapa masalah yang dibangkitkan dan kita telah pun menyimpulkan bahawa apa yang dibuat oleh kerajaan ini dalam satu surah [*Membaca surah al-Maa'uun*] yang bermaksud:

*“Tidakkah engkau lihat orang yang berpura-pura menjadi orang Islam, iaitu orang-orang yang membiarkan generasi muda menjadi anak yatim iaitu perlukan bimbingan yang terumbang-ambing, tidak gemar dalam usaha memberikan makanan kepada orang-orang miskin...”*”.

Jadi, semua dasar kerajaan berlandaskan kepada ini. Kita adakan IKS, KUB, TEKUN kerana orang-orang Melayu perlukan bimbingan – bersesuaian dengan ayat ini. Kita menaikkan banyak taraf ekonomi orang-orang Melayu kerana kita tidak hendak apa yang dikatakan [*Membaca surah al-Quran*] yang bermaksud - *usaha, keamanan supaya mereka tidak takut tentang huru-hara yang akan berlaku.*

Jadi, inilah pandangan keseluruhan yang boleh saya simpulkan dalam ayat Al-Quran yang saya bacakan tadi dan ayat *Aroai Tallazi* ini telah pun diturunkan sebelum Nabi berhijrah dari Mekah ke Madinah, orang-orang Islam telah bersukaria tetapi ayat ini turun kerana katanya ada orang-orang Islam yang hipokrit kerana tidak memandang kepada kedua-dua perkara ini. Insya-Allah, Kerajaan Barisan Nasional akan menumpukan kepada keamanan, keharmonian, muhibah supaya semua orang dapat merasakan nikmat sama rata, sama rasa di dalam negara yang bertuah ini.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua.

### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu telah dipersetujui tanpa pindaan.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2) Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Negara saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) 1999 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa sudah cukup untuk sesi pagi ini, Majlis mesyuarat ini ditempokkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

*Dewan ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (NO.2) 1999**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**2.30 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No.2) 1999 ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, selepas ini disebut Akta 53 bagi membolehkan pelaksanaan keputusan Belanjawan 1999 mengenai perubahan sistem taksiran cukai pendapatan daripada Sistem Taksiran Rasmi (STR) kepada Sistem Taksiran Sendiri (STS). STS adalah sistem percukaian berdasarkan konsep, dengan izin, paid self-assess and file.

Memandangkan pertukaran kepada taksiran sendiri akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut kategori pembayar cukai bermula dengan syarikat dalam tahun 2001 maka peruntukan baru ini adalah bertujuan untuk dipakai hanya kepada syarikat dan ini adalah satu tambahan kepada peruntukan sedia ada kepada syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin huraikan perkara-perkara penting dalam rang undang-undang ini.

Fasal 2, bertujuan untuk meminda Seksyen 77 bagi menetapkan tempoh sesebuah syarikat dikehendaki mengemukakan borang nyata iaitu umumnya dalam tempoh enam bulan dari tarikh syarikat menutup akaunnya. Borang nyata itu hendaklah mengemukakan antara lain pengiraan cukai yang perlu dibayar. Seksyen ini juga dipinda bagi membenarkan syarikat mengemukakan borang nyata pendapatan secara elektronik. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2001.

Fasal 3, bertujuan untuk meminda Seksyen 80 bagi memudahkan Ketua Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa olehnya untuk menjalankan tugasnya secara berkesan. Melalui pindaan ini penghuni rumah bangunan atau tanah dikehendaki memberi bantuan yang munasabah kepada pegawai tersebut untuk memasuki harta berkenaan. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2001.

Fasal 4, bertujuan meminda Seksyen 90 supaya satu taksiran dibuat sendiri oleh syarikat itu boleh dianggap sebagai satu taksiran rasmi yang dibuat oleh Ketua Pengarah pada hari borang nyata pendapatan itu dikemukakan. Selanjutnya penyampaian borang nyata pendapatan oleh syarikat juga dianggap sebagai notis taksiran yang telah diserahkan oleh Ketua Pengarah kepada syarikat itu pada hari yang sama taksiran dibuat. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2001.

Fasal 5, 6, 7 dan 8 adalah pindaan-pindaan berbangkit ke atas Seksyen 93, 96, 96A dan 103. Kesemua pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 9, bertujuan memasukkan Seksyen 103A yang akan terpakai oleh syarikat sahaja. Ini menentukan tanggungjawab syarikat untuk membayar cukai, tempoh-tempoh masanya ia dikenakan dibayar serta denda-denda yang berkaitan kelewatan membayarnya. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2001.

Fasal 10, adalah pindaan berbangkit ke atas Seksyen 106 ekoran daripada Seksyen baru 103A di atas yang diperkenalkan bagi mengambil kira kenaikan cukai yang dikenakan apabila tindakan sivil memungut cukai syarikat dijalankan. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 11, adalah juga pindaan berbangkit ke atas Seksyen 107B ekoran daripada pewujudan peruntukan khas skim ansuran untuk syarikat. Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001.

Fasal 12, bertujuan memasukkan Seksyen 107C yang baru yang menetapkan tempoh pengemukaan anggaran cukai perlu dibayar, cara pelaksanaan skim ansuran pembayaran dan juga denda yang akan dikenakan berikutan daripada kegagalan memenuhi pengemukaan dan juga skim ansuran yang ditentukan. Kegagalan ini

kecuali Seksyen 107C(3) akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2001. Subseksyen 107C(3) pula akan berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2002.

Fasal 13, ada pindaan berbangkit ekoran daripada pindaan Seksyen 77 bagi membolehkan tindakan mahkamah diambil ke atas syarikat yang gagal mengemukakan borang nyata pendapatan dalam masa yang ditetapkan. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari 1 Januari 2000.

Fasal 14, bertujuan meminda Seksyen 114 supaya orang yang membantu atau memberi nasihat dalam penyediaan borang nyata pendapatan juga adalah bertanggungjawab ke atas penyata tanggungan cukai yang kurang dari sepatutnya dan boleh dihukum kecuali dibuktikan bahawa bantuan atau nasihat tersebut telah diberi dengan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari 1 Januari 2000.

Fasal 15, adalah pindaan berbangkit ke atas Seksyen 116 berkaitan pindaan kepada Subseksyen 80, di samping itu Seksyen 116 juga meminda jumlah denda dari jumlah maksimum RM4,000 kepada jumlah minimum RM1,000 dan maksimum RM10,000. Pindaan ini akan berkuat kuasa 1 Januari 2000.

Fasal 16, adalah pindaan berbangkit ke atas Seksyen 120 berkaitan kemasukan Seksyen 107C yang baru dan seterusnya memberi kuasa kepada mahkamah untuk membuat perintah supaya orang yang disabitkan itu mengemukakan anggaran cukai yang perlu dibayar dan ini akan berkuat kuasa dari 1 Januari 2000.

Fasal 17, adalah peruntukan khas yang diperkenalkan ekoran daripada pertukaran dari sistem taksiran rasmi kepada sistem taksiran sendiri yang mana di bawah sistem taksiran rasmi tiada anggaran cukai perlu dikemukakan. Oleh kerana tiada asas yang mana anggaran cukai bagi tahun taksiran 2001 boleh disandarkan, peruntukan ini disediakan khusus untuk taksiran 2001. Peruntukan jumlah minimum mengikut Seksyen 107C(3) hanya boleh berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2002.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

**2.42 ptg.**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana dalam kita melangkah ke alaf baru tahun 2000 ini, pihak kerajaan juga telah menyediakan satu anjakan paradigma dari segi sistem percukaian negara terutama kepada syarikat-syarikat yang dahulunya berasaskan daripada sistem taksiran rasmi kepada sistem taksiran sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon izin untuk menyentuh beberapa perkara berkenaan dengan fasal fasal yang disebutkan tadi dan juga berkenaan dengan regime cukai di negara kita, mengambil kesempatan Yang Berhormat Timbalan Menteri baru, saya ucapkan tahniah kerana sekarang ini memegang portfolio yang penting untuk pembangunan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan perundangan kita dari segi cukai sekarang ini amat progresif terutama sekali apabila pihak kerajaan memberikan kelonggaran mengikut subseksyen 77(4) di mana membolehkan ketua pengarah membenarkan penyata dikemukakan secara elektronik. Ini bagi taksiran tahun 2001, ini merupakan progresifnya kita mengambil kira dari segi sistem pengurusan yang kini wujud di negara kita sejajar dengan, dengan izin, *knowledge driven economy*, di mana sistem maklumat yang integrated, yang bersepadu diwujudkan boleh dikatakan di pelbagai peringkat, peringkat kerajaan dan peringkat *electronic government* dengan peringkat elektronik dagangnya, semuanya elektronik sekarang ini, jadi begitu canggih.

Pihak Kementerian Kewangan menerusi pengutipan cukainya juga boleh telah pun mengesyorkan supaya taksiran ini boleh dibuat menerusi sistem elektronik. Tetapi yang lebih penting lagi rasa saya ialah untuk memberikan keyakinan terutamanya keyakinan pelabur-pelabur asing, pelabur-pelabur tempatan terhadap syarikat-syarikat di negara kita ini dan peruntukan-peruntukan di dalam akta ini menunjukkan bahawasanya kita memerlukan syarikat-syarikat ini mematuhi fasal-fasal yang dikemukakan terutama pindaan Seksyen 77(1A) yang mengemukakan penyata setiap tahun taksiran dalam masa enam bulan.

Saya hendak minta penjelasan dari pihak kerajaan setakat ini berapa syarikat yang tidak dapat menyelesaikan masalah membuat penyata taksiran kepada pihak kementerian, pihak jabatan dan apakah yang berlaku kepada syarikat-syarikat ini yang telah gagal mengemukakan taksiran masing-masing. Kerana kalau sekiranya saya seorang pelabur, kalau saya lihat syarikat-syarikat ini tidak mampu untuk

membuatkan taksiran cukai sendiri, saya kurang yakin hendak melabur dalam syarikat itu.

Jadi, kita hendakkan syarikat-syarikat bukan sahaja mematuhi peruntukan-peruntukan yang dibuat oleh Suruhanjaya Sekuriti dan juga keperluan-keperluan dari segi perakaunan tetapi juga dari segi menunjukkan kepada umum, dengan izin, good corporate governance, makna cara kita mengendali dan mengusahakan syarikat-syarikat itu mencerminkan bahawasanya kita membuat mengikut *best practice*, mengikut cara-cara yang terbaik.

Jadi, ianya bermula dengan kita menjelaskan tanggungjawab terutama dari segi cukai kepada kerajaan. Jadi, kalau ada syarikat-syarikat yang belum membayarnya kerana tidak dapat membayar bukan kerana dia tidak mampu, kerana sistem di dalam syarikat itu sendiri tidak mampu hendak menjelaskan akaunnya untuk menunjukkan berapa liabiliti cukai yang patut dibayar. Jadi, saya minta pihak kerajaan kalau boleh beritahu Dewan yang mulia ini, berapa setakat ini syarikat-syarikat yang gagal menghantar taksiran cukai mengikut masa yang ditetapkan dan berapakah denda dahulu yang telah dapat dikutip daripada syarikat-syarikat ini, kerana ini akan menghakis keyakinan pelabur-pelabur kalau sekiranya ianya berterusan.

Saya juga amat tertarik dengan Fasal 14 iaitu meminda Seksyen 114 Akta 53 subseksyen baru 1A di mana seseorang yang membantu dan menasihati penyediaan mana-mana penyata dan kalau ianya kurang benar tentang liabiliti yang patut dibayar, mereka didenda.

Saya ingin tahu dari pihak kerajaan apakah kelayakan minimum yang paling rendah untuk seseorang itu boleh dilantik sebagai, dengan izin, *taxation agent*, ejen membuat taksiran cukai kepada syarikat-syarikat, adakah sesiapa sahaja tanpa kelayakan tertentu boleh diberi tugas sebagai ejen, untuk menjadi *tax agent* kepada syarikat-syarikat ini atau kita menetapkan menerusi katakanlah, institut taxation atau badan-badan MACPA atau badan-badan perakaunan lain di mana mereka terpaksa mempunyai kelayakan yang minimum sebelum boleh memberikan dari segi perkhidmatan untuk membantu dan menyiapkan taksiran cukai syarikat-syarikat ini, kalau tidak berkemungkinan besar kita dapat orang yang lepas sekolah darjah enam membuat taksiran cukai, lepas itu kita gaduhlah, kenapa benda ini salah, walhal dia tidak mempunyai kelayakan yang paling minimum yang sepatutnya diperlukan. Denda ini saya rasa amat tepat kerana kalau mereka salah memberikan perkhidmatan



yang sepatutnya profesional, mereka terpaksa didenda dan mengikut denda ini, saya rasa amat berpatutan kerana ia tidaklah begitu tinggi tetapi dapat mengurangkan insiden-insiden seperti ini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan menerusi sistem dan regime cukai ini merupakan satu alat fiscal yang mana kerajaan menggunakannya bagi menentukan pembangunan sesebuah negara ataupun menentukan pembangunan dari segi ekonomi dapat berjalan dengan baik. Menerusi sistem cukai, pihak kerajaan mengikut cadangan-cadangan belanjawan 2000 memang banyak, mengeluarkan pendekatan-pendekatan baru untuk menggalakkan dari segi pembangunan ekonomi kita dan kita amat bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana pada tahun 1999 ini anggaran pertumbuhan ekonomi yang dahulunya begitu meruncing telah pun meningkat kepada 4.3% dan insya-Allah saya diberitahu pada tahun 2000 peningkatan pembangunan ekonomi kita akan berkembang untuk mencapai lebih kurang 5% secara konservatif.

Semuanya ini dapat kita buat kerana wujudnya satu senario, bukan sahaja politik yang mantap dan stabil di mana kita baharu sahaja mengadakan pilihan raya, tidak ada huru-hara, orang banyak mengatakan kita ada huru-hara, berasaskan kepada reformasi jalanan dan sebagainya mungkin pilihan raya yang ke-10 hari itu akan wujud pelbagai kemungkinan, tetapi kita amat bersyukur tidak ada. Perkara yang dikehendaki oleh orang-orang tertentu berlaku tidak berlaku, jadi aman sahaja, stabil sahaja.

Jadi, ekonomi dapat bergerak, orang boleh jual ayam, boleh jual itek, boleh jual telur dan pelbagai perkara boleh berlaku, pekerja pun boleh pergi bekerja dengan aman, mengundi dengan aman - stabil. Sesiapa yang pesimis, yang hendakkan negara kita hancur, amatlah dukacita kerana ianya tidak hancur dan kerajaan telah pun bertambah mantap dengan wujudnya satu barisan Kabinet yang mencerminkan dari segi dinamism yang kuat, kemantapan yang kuat digabungkan orang-orang lama dengan orang-orang baru. Dan insya-Allah, ini tentunya mempunyai satu pentanda untuk hendak meningkatkan ekonomi kita dan insya-Allah 5% pertumbuhan itu akan kita capai tetapi menerusi sistem pencukaian negara, *regime taxation* kita, rejim cukai kita, kita patut memberikan banyak lagi kelonggaran kerana dari segi pembangunan ekonomi, peranan yang dimainkan oleh kerajaan makin berkurangan, peranan yang dimainkan oleh pihak swasta makin meningkat. Ini rata-rata pun begitulah, mohon izin Tuan Yang di-Pertua, *the role of the government is to govern, not to be involve in business, it is not the business of the government to be in business*. Ini merupakan satu

tanggapan di mana-mana sahaja sekarang ini kerajaan berundur diri untuk mengurangkan peranannya dalam bidang yang sepatutnya diserahkan kepada pihak swasta. Sebab itulah penswastaan berjalan begitu rancak di negara kita, ianya bermula di England, masa Thatcher lagi, bukan main banyak penswastaan dilakukan dan di Malaysia tidak kurang banyaknya penswastaan dilakukan.

Jadi, untuk kita mengerakkan sektor swasta ini, rejim cukai menerusi dasar fiskal yang kerajaan hendak buat, ini sepatutnya lebih liberal, lebih terbuka untuk hendak menggalakkan pihak swasta terus membangun. Jadi, dari segi ini saya minta pihak kerajaan supaya mengkaji semula kelonggaran sekarang ini yang diberi untuk insentif-insentif kepada pengabungan bank-bank. Ia telah pun memberikan di mana kelonggaran cukai kepada kerugian tertampung dapat dihakiskan 50%, saya rasa elok kita hakiskan sampai 100%, kalau kita hendak menggabungkan bank-bank kita kerana ada bank yang untung, ada yang rugi, apabila mereka bergabung kerugian yang terkumpul itu patut kita hapuskan sahaja dalam masa 5 tahun, kalau dulu dia beri 2 tahun kita panjangkan lagi 5 – 6 tahun pun tidak apa. Kerana kita pada tahun 2000, alaf baru ini, kita berdepan dengan unsur-unsur globalisasi yang lebih mendadak.

Badan Perdagangan Dunia (WTO) yang baru ini bermesyuarat di Seattle - tetapi rupanya orang Amerika banyak juga berusuh-rusuhan, sekarang dia baru tahu, dulu Al-Gore datang sini, dia suruh dan dia galakkan reformasi jalanan, apabila berlaku di Seattle semasa mesyuarat Badan Perdagangan Dunia Antarabangsa, baru dia tahu rupanya teruk sangat hendak menjaga orang-orang yang bereformasi di jalanan ini. Ini sebenarnya terbalik kepadanya, balik semula, yang dulu dia galakkan reformasi di tempat kita di jalanan ini, reformasi jalanan, yang liar, yang bakar tong sampah, keluar CNN, NBC sampai 24 jam. Cerita tong sampah terbakar seolah-olah negara terbakar, cerita itu dibawa tiap-tiap jam. Ini orang parti pembangkang bukan main suka tengok ini, pasal ini ada kaitan dengan parti pembangkang yang memberi banyak hujah kepada NBC dan CNN. Masa itu saya ingat bukan PAS, mungkin KeADILan, saya tidak tahu, sudah lupa tetapi pembangkang yang suka sangat tengok huru-hara di negara kita ini.

Tetapi walau bagaimanapun, huru-hara berlaku baru-baru ini dalam mesyuarat Badan Perdagangan Dunia Antarabangsa sehinggakan keputusan-keputusan Badan itu pun tidak dapat dibuat dengan penuh kepastian, pasalnya apa yang Amerika hendak supaya negara-negara membangun seperti Malaysia dan sebagainya tidak menggunakan dari segi *child labour* misalnya pekerja-pekerja anak-anak kecil dan

juga dari segi alam sekitar, dia mengambil indeks-indeks seperti itu di masukkan dalam sistem perdagangan, dia menggunakan indeks-indeks seperti itu supaya kita ini dipinggirkan lagi, di *marginalize* daripada arus perdana perdagangan antarabangsa, dengan isu-isu seperti ini.

Jadi, dalam keadaan yang demikian kita terpaksa menggabungkan bank-bank kita dan pada masa yang saya difahamkan juga penggabungan syarikat-syarikat saham, *brokering firm* dan juga penggabungan syarikat-syarikat insurans. Kenapa saya sebutkan syarikat-syarikat yang berkenaan dengan kewangan ini kerana inilah punca dan nadi penjana, penggerak satu-satu ekonomi dan negara kita terpaksa berpaksi kepada sistem perbankan yang sama, berpaksi kepada sistem peniaga-peniaga saham, *brokering firm* dan juga sistem-sistem insurans di mana dana-dana kewangan yang wujud untuk hendak menjana pembangunan ekonomi, dan kita mula di situ.

Jadi, saya minta pihak kerajaan meluaskan lagi dari segi elaun dan insentif ini kepada penggabungan bank dan kita panjangkan sikit, kalau dulu 3 tahun kita masuk sampai 5 tahun kerana baru-baru ini kita diberitahu oleh pihak kerajaan, penggabungan bank-bank dibuat sekali lagi, dibuat semula kerana yang dulu tidak jadi, pasalnya banyak *artificial*, mohon izin, cara hendak buat ini, cara gabung tidak boleh, kahwin secara paksa tidak boleh. Dia macam kahwin juga, sekarang ini kahwin bukan ada cara paksa dah, jadi penggabungan bank juga tidak boleh dibuat secara paksa, dia kena buat secara *voluntary*, secara bersendirian.

Jadi penggabungan bank, pihak kerajaan telah pun melonggarkan syarat sehingga akhir tahun 2000, boleh kita cari peluang menggabungkan bank kita. Pernah kita bercakap di dalam Dewan ini, bagaimana kita perlu sekurang-kurangnya paling tinggi saya ingat Malaysia yang kecil ini 20 juta manusia, 8 bank sahaja pun cukup, tidak perlulah sampai 30 bank dan begitu juga dengan *brokering firm* pun terlalu banyak, sini ada sikit, Ipoh satu, Kuantan ada, kecil-kecil sahaja. Kita hendakkan mereka digabung supaya mendapat bukan sahaja, mohon izin, *economic of scale* tetapi dari segi pemantapan pengurusan sendiri.

Begitu juga dengan insurans, pun kita kena gabungkan juga Saya tidak tahu berapa banyak syarikat insurans di negara kita dan bila digabungkan, kerugian terkumpul dalam pergabungan itu, kalau ada berilah insentif elaun supaya ianya dapat dihapuskan dalam masa yang tertentu. Jadi cara begini saya rasa, Insya Allah kita bermula dengan sistem perbankan ini dan sistem syarikat-syarikat *brokering firm* dan

juga insurans, kita akan dapat memantapkan lagi pembangunan ekonomi kerana ianya berpunca daripada sistem kewangan yang ada di negara kita.

Pada masa yang sama, kelonggaran-kelonggaran ini juga patut diberi kepada pasaran kewangan cara baru, di mana kita dapati sekarang ini, Malaysia ini secara tradisinya hanya menjanakan pembangunan ekonominya melalui sistem perbankan iaitu sumber-sumber kewangan yang tradisional, jadi kita hendak banyak lagi *instrument*, kita hendak banyak lagi alat kewangan seperti bon dan ekuiti itu kira tradisional, bon-bon yang baru ini. Kerana saya perhatikan, negara-negara maju, di mana sahaja yang maju dari segi ekonominya banyak menggunakan *instrument* kewangan, kertas-kertas kewangan yang berbeza dari segi sistem traditional perbankan yang ada sekarang ini, jadi pasaran bon kita kena wujudkan.

Jadi untuk itu, saya minta pihak kerajaan memberikan elaun yang lebih daripada setem dutinya dan sebagainya untuk hendak menggalakkan kertas-kertas ini di gunakan bagi membiayai pembangunan-pembangunan, pembesaran-pembesaran projek dan sebagainya. Dan kita perhatikan juga setakat ini, pasaran *secondary* untuk memasarkan bon-bon ini tidak wujud kerana ianya kecil sangat. Kalau KWSP menggunakan wangnya membeli kertas-kertas bon dan sebagainya, dia terperangkap di situ dan tidak boleh dijual, *market*, pasaran itu tidak ada. Jadi cara mana pihak kerajaan hendak menggalakkan menerusi rejim cukai yang ada sekarang ini, ialah secara memberikan insentif yang lebih, kita tidak payah bayar cukai banyak sangat dari segi *stamp duty* dan sebagainya, supaya kegiatan-kegiatan penjual beli bon-bon ini mewujudkan satu pasaran yang berasingan dengan sistem yang ada sekarang ini. Jadi kalau kita buat demikian dengan insentif yang baik, kita akan dapat pandangan yang lebih *innovative* dan lebih dapat tepat untuk hendak menjana pembangunan dari segi pihak swasta.

Pada masa yang sama, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana wujudnya *Corporate Debt Restructuring Committee* (CDRC), Dana harta dan sebagainya ini untuk mengambil alih harta syarikat-syarikat yang terbelangai bagi menggerakkan ekonomi hartanah tetapi walau bagaimanapun sekali lagi *stamp duty* di kalangan syarikat-syarikat ini, jual beli harta-harta ini kita kena kaji semula untuk hendak menggerakkan sektor hartanah ini supaya ianya menjadi indeks peningkatan pembangunan ekonomi yang kukuh. Jadi sistem *stamp duty* ini dalam sistem *regime taxation* kita ini, dapat kita kaji sebagai satu alat untuk hendak membangunkan ekonomi. Saya percaya kalau sekiranya kita *flexible* dari segi

pendekatan kita, insya-Allah negara kita seperti negara-negara maju yang lain akan mempunyai sistem ekonomi yang *knowledge driven* yang berpaksi kepada ilmu pengetahuan dan bukan hanya kepada *production*, pada pengeluaran.

Tuan Yang diPertua, saya juga ingin kalau boleh pihak kerajaan memikirkan juga bagaimana dengan insentif diberi kepada pengwujudan sistem IT dalam syarikat-syarikat dari segi pembelian komputernya banyak diberi tetapi setakat ini pihak kerajaan masih lagi membisu dari segi memberi insentif kepada kos perkhidmatan, *consultancy work*, dari segi orang hendak menentukan sistem-sistem *software*, sistem-sistem *hardware* dalam satu-satu syarikat itu kita kadang kala mengambil juru-juru perunding, Jadi sekarang ini kos yang dibebankan kepada syarikat untuk mengambil juruperunding ini tidak dapat langsung insentif, dia hanya beri insentif kepada pembelian komputer itu sahaja dan juga kepada *software* yang diwujudkan tetapi kepada perkhidmatan tidak diberi. Jadi saya minta kalau pihak boleh, kalau kita benar-benar hendak mewujudkan satu negara yang meningkat dari segi penggunaan maklumat bersepadu ini, *intergrated information technology* ini kita sepatutnya juga fikirkan bagaimana *professional fees*, dan *consultancy fee* ke arah ini dapat kita berikan insentif supaya mereka tidak kena cukai, boleh kita tolak daripada pendapatan dari segi syarikat-syarikat ini. Jadi kalau kita buat begitu, insyaAllah saya rasa kita dapat lagi menjana pembangunan sistem IT di negara kita terutama sekali syarikat-syarikat.

Tuan Yang diPertua, saya sekali lagilah mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana memberikan pendekatan baru kepada sistem pencukaian negara kita dan mudah-mudahan dengan wujudnya sistem yang begitu efisien ini taksiran cukai tiap-tiap tahun akan dapat meningkatkan dari segi *revenue*, dari segi pendapatan negara untuk meneruskan pembangunan yang amat Islamic yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional. Jadi tidak payahlah parti-parti pembangkang yang lain mengatakan ini tidak *Islamic*, itu tidak *Islamic* kerana apa yang dibuat oleh kita, cukai yang kita kutip itu kita gunakan, kita salurkan, hari ini tadi kita dengar bagaimana Timbalan Menteri Kewangan yang berhujah berkenaan dengan Rang Undang-Undang Tambahan tadi menceritakan, sungguhpun kita tidak laungkan kepada dunia apa yang kita buat itu *Islamic*, tetapi dari segi *basic*nya apa yang kita buat itu ialah apa yang dituntut oleh agama suci kia agama Islam, agama rasmi kita. Saya menyokong rang undang-undang-undang ini.

**Timbalan yang diPertua:** Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin.

**Datuk Nor Azah binti Awin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya dengan ini ingin turut serta menyokong rang undang-undang Pindaan Akta Cukai Pendapatan 1967 ini. Sebelum saya menyampaikan pendapat saya mengenai rang undang-undang tersebut, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada yang berikut:

- i) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kejayaan Barisan Nasional dalam pilihan raya yang baru berlalu, tahniah juga diucapkan kerana telah berjaya membentuk sebuah Kabinet yang seimbang, yang mantap dan dinamis;
- ii). Ucapan tahniah saya kepada ahli-ahli jemaah Menteri atas lantikan mereka menerajui portfolio masing-masing, terutama kepada Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri yang baru;
- iii) kepada semua Ahli Dewan Rakyat yang telah memenangi Kerusi masing-masing dalam pilihan raya terutama calon-cabn wanita yang berjaya; dan
- iv) Kepada Yang Berhormat Tan Sri Yang di-Pertua yang telah dilantik semula sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Rang Undang-undang Akta Cukai Pendapatan 1967, saya berpendapat pindaan tersebut adalah amat wajar memandangkan akta tersebut telah berusia lebih 40 tahun. Dengan langkah kita ke alaf baru di mana cabaran-cabaran dari segi *efficiency*, dengan izin, dan keberkesanan atau *effectiveness* kita tidak lagi boleh mengikut rentak dan budaya kerja zaman dahulu di mana penyata akaun syarikat bersama dengan penyata taksiran cukai syarikat tersebut ada kalanya memakan masa terlalu lama sama ada disengajakan atau tidak mempunyai sistem yang membolehkan penyata tersebut di kemukakan. Tidak dinafikan ada kalanya penyata tahunan syarikat tidak dikemas kinikan selama beberapa tahun dan seterusnya pentaksiran cukai tidak dapat dilaksanakan.

Dengan adanya sistem dan *software*, dengan izin, yang dibekalkan oleh syarikat IT sekarang ini bersama dengan komputer yang digunakan oleh hampir semua syarikat di negara ini, maka tidak ada lagi alasan untuk mereka tidak berkemampuan berbuat demikian. Sekiranya syarikat yang tersenarai di bursa saham Kuala Lumpur sekarang diwajibkan mengemukakan penyata akaun mereka tiga

bulan sekali, maka subseksyen baru 77(1A) rang undang-undang ini yang memperuntukan bahawa setiap syarikat dikehendaki mengemukakan kepada Ketua Pengarah bagi setiap tahun taksiran dalam masa enam bulan dari tarikh syarikat itu menutup akaunnya, pindaan ini adalah wajar dan berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dari segi *self assessment*, dengan izin, atau sistem taksiran sendiri, syarikat akan memahirkan tenaga profesional mereka dengan cara mentaksir cukai pendapatan sendiri dan dapat dikemukakan kepada Ketua Pengarah secara *on-line* atau *electronic*. Negara-negara maju telah menggunakan sistem *electronic* ini dalam semua bidang termasuk perbankan, pendidikan, mahkamah, bursa saham malahan merangkumi hampir semua perkhidmatan. Malaysia sebagai negara yang menerajui *Multimedia Super Corridor* haruslah ke hadapan dari segi e-kerajaan, e-kesihatan, e-pelajaran, e-perbankan dan juga e-cukai pendapatan. Memandangkan globalisasi dan liberalisasi yang akan ditempohi dalam jangka masa yang singkat, negara kita mesti bersedia dari sekarang untuk memantapkan produktiviti, atau daya pengeluaran kita agar dapat berdaya saing dengan pesaing-pesaing dari luar negara.

Dengan terlaksananya AFTA atau *Asian Free Trade Area*, dengan izin, dalam tahun 2003 atau lebih awal dari itu negara kita haruslah bersaing dengan negara jiran dalam Asian. Yang paling menyulitkan adalah dari segi kos tenaga kerja di mana negara-negara seperti Indonesia, Thailand, Philipin, Vietnam, Myanmar di mana kos mereka adalah lebih rendah atau dari terminologinya - *cost effective*, dengan izin, berbanding negara kita. Maka itu semua syarikat-syarikat di negara ini harus mencari *strategic alliances*, dengan izin, di negara-negara tersebut agar *competitive positioning*, dengan izin, dapat dikekalkan dan mereka dapat meneroka pasaran antarabangsa yang lebih luas cara bersama. Kita tidak boleh lagi bermanja dengan segala bentuk subsidi, kuota, tarif atau apa-apa perlindungan yang disediakan oleh pihak kerajaan sekarang. Semua ini akan hapus apabila AFTA dilaksanakan dan Asian akan menjadi satu pasaran yang bebas.

Tuan Yang di-Pertua, jika AFTA akan membuatkan syarikat-syarikat di Malaysia kurang berdaya saing, apa lagi sekiranya WTO seperti yang disebut oleh rakan saya Yang Berhormat Dato' Aziz tadi, apabila WTO melaksanakan program liberalisasi mereka beransur-ansur sehingga tahun 2020 di mana dijangka kesemua barangan dan perkhidmatan akan dibebaskan. Inilah yang membuat e-perniagaan atau yang biasa kita dengar perkataan *e-commerce*, sesuatu yang tidak dapat dielakkan.

Dengan adanya suatu *market place* atau *one global village*, dengan izin, maka kita harus menyingkirkan segala bentuk kos sampingan yang tidak diperlukan agar barangan dan perkhidmatan kita akan dapat dipasarkan dengan harga yang kompetitif sementara mengekalkan pulangan atau keuntungan yang setanding.

Tuan Yang diPertua, sesungguhnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah memandang jauh ke hadapan dengan terlahirnya MSC dan sekarang adalah tanggungjawab komponen-komponen masyarakat sama ada sektor perniagaan, pihak agensi kerajaan, malahan semua rakyat jelata untuk memanifestasikan strategi tersebut dengan mempelajari dan menghayati IT sehingga menjadi satu cara hidup.

Tuan Yang diPertua, adalah dijangkakan pada peringkat awal pindaan ini dikuatkuasakan pihak-pihak berkenaan akan mengalami beberapa kesulitan dan kekeliruan. Oleh yang demikian, wajarlah sekiranya satu tempoh percubaan diadakan untuk membolehkan syarikat-syarikat mempelajari dan mengetahui cara-cara yang betul membuat penafsiran tersebut di samping memberi masa untuk sistem elektronik itu berjalan dengan lancar dan licin.

Namun demikian, ini adalah langkah yang baik untuk membawa masyarakat perniagaan ke tahap yang matang atau dengan izin, *a matured business community with individual responsibility*, yang mana mereka memikul tanggungjawab sendiri. Ini berlaku di negara maju di mana pihak yang berkuasa *decentralized*, dengan izin, pelaksanaan undang-undang di mana tiap-tiap individu memahami tanggungjawab sendiri di samping mengetahui hukum-hukum yang akan dikenakan sekiranya melanggar undang-undang tersebut. Pindaan tersebut juga dijangka memudahkan pihak berkuasa merancang dan memantau sektor swasta dengan lebih berkesan lagi. Sementara data-data tersebut adalah dalam bentuk elektronik di mana *retrieval* data tersebut dapat dibuat di semua pejabat berkenaan di seluruh negara. Data tersebut juga boleh dianalisa menjadi maklumat atau *information base*, dengan izin, yang akan menjadi asas dalam perancangan *national budgets* dan juga dari segi *early morning signals*, dengan izin, dalam penyusulan sesuatu pertumbuhan yang pesat atau menangani sebaliknya di dalam sesuatu ekonomi.

Tidak dinafikan bahawa sejauh mana sekalipun sesebuah negara mencatatkan kadar pertumbuhan yang pesat atau *trade surplus* yang tinggi, sesuatu ekonomi itu memerlukan gandingan sektor swasta yang mencatatkan prestasi yang selaras agar mencapai *sustain economic growth*, dengan izin, bagi mengekalkan prestasi sesebuah negara.



Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Pindaan Akta Cukai Pendapatan 1967 ini. Terima kasih.

### 3.13 ptg.

**Tuan Tee Thiong Hock:** Terima kasih, kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Cukai Pendapatan ini.

Tugas kita pada petang ini adalah membahaskan membuat satu pembinaan Akta Cukai Pendapatan 1967. Sekarang hampir hujung tahun 1999, jadi akta ini ataupun cara kita ataupun sistem kita buat *income tax return* telah pun kita pakai selama tidak kurang daripada 32 tahun. Kalau kira tarikh dari kita merdeka sudah 42 tahun. Memang sistem ini sudah *deal in our own system*, dengan begitu lama.

Jadi, apabila kita mahu *deal with the system which change*, dengan izin, tentu ada beberapa perkara kita patut ambil perhatian sebagai *how to break the habit*, dengan izin, kita juga kena terangkan kepada rakyat mengapa kita mahu buat pertukaran ini. Apa kebaikannya? Apa tujuannya? Mengapa kita mahu buat selepas 33 tahun, *in the year 2000* ataupun 43 tahun.

Sudahkah kita sediakan sendiri dari sikap rakyat ataupun kakitangan kerajaan, apa matlamat (*final aim*), adakah kerana dengan penukaran sistem ini kita akan dapat lebih cukai, *more money will role in to the Treasury*. Maknanya, *in the past we have not in the efficient*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan membahaskan sedikit perkara yang lebih spesifik dan itu adalah secara amnya dari segi bagaimana kita patut pandang – pandangan kita patut di'*direct*' kepada pindaan akta ini. Cukai pendapatan merupakan satu sumber kewangan ataupun *revenue* kerajaan yang penting untuk diagihkan kepada peruntukan-peruntukan yang lain. Oleh sebab itu setiap pemindaan harus diteliti supaya ia dapat membantu negara mengutip *revenue* yang bertambah dan bukan sebaliknya, tujuan yang pertama. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) juga perlu merupakan *people friendly*, dengan izin, menawarkan perkhidmatan yang cekap dan bermutu.

Saya harap LHDN ini sudah sedia Y2K *compliance* dan *confidence* menghadapinya. Dengannya negara kita tidak akan kehilangan pendapatan jika fail-fail individu dan syarikat-syarikat tidak dapat di'*trace*' ataupun tidak dapat dikesan bila kita tukar sistem. Ini menunjukkan betapa pentingnya bagi LHDN mempunyai sistem komputer yang cekap dan lengkap di mana segala bukti individu ataupun

syarikat dapat dikesan dengan senang dan dilengkapkan dengan butir-butir terkini. Sistem komputer yang cekap dan lengkap akan dapat membantu kakitangan LHDN menjalankan tugas mereka dengan licin dan juga dapat memberi maklumat fail seseorang jika sebarang pertanyaan (*enquiry*) dibuat. Menjelang tahun 2000, sistem taksiran sendiri akan diamalkan. Ini akan meringankan lagi beban kakitangan-kakitangan di pejabat tersebut.

Walau bagaimanapun, pada peringkat awal ramai orang akan mempunyai kekeliruan tentang cara baru ini. Rakyat akan mengambil masa untuk memahami sistem baru ini dan pelbagai cara boleh digunakan untuk membantu mereka memahami sistem ini dengan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya cadangkan kepada LHDN menyediakan kaunter-kaunter di pusat membeli belah untuk memberi keterangan kepada orang ramai tentang cara taksiran sendiri ataupun, dengan izin, *self assessment*, untuk cukai pendapatan mulai tahun 2000. Ini boleh menyenangkan hati orang ramai yang kini tidak tahu caranya untuk menaksirkan cukai pendapatan sendiri. Di dalam sistem tradisi ada ramai orang yang gunakan *tax agent* ataupun syarikat *accounting* untuk membuat *income tax return*. Bila kita tukar kepada sistem baru *may be they can be more problem*. Kaunter-kaunter demikian boleh diadakan di tempat orang ramai kunjungi seperti pusat membeli-belah terutamanya pada waktu malam dan hujung minggu. Kakitangan LHDN juga tidak perlu mengadakan kaunter sepanjang hari di pusat membeli-belah kerana pada hujung minggu terdapat orang ramai yang pergi membeli-belah (*shopping*).

Selain daripada itu, bagi mereka yang tidak biasa shopping LHDN juga boleh menyediakan satu talian telefon khas ataupun melebihi daripada satu, ataupun *hot line* untuk orang ramai menghubungi LHDN tentang cara taksiran sendiri. Halaman *web page* dan juga *e-mail* boleh disediakan supaya orang ramai juga boleh melalui Internet mencari maklumat tentang taksiran sendiri dengan cara *efisien*. Mereka juga boleh menghantar *e-mail* untuk sebarang pertanyaan. Cara menelefon dan melawat halaman *web page* dapat menjimatkan masa mereka tetapi masih lagi dapat maklumat yang dikehendaki. Semua cara *user friendly* yang saya katakan tadi itu bertujuan untuk membantu orang ramai dan menggalakkan mereka membayar cukai pendapatan mereka.

Saya harap dengan ini, aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pengendalian cukai ataupun *tax evasion* akan dapat kita kurangkan, kalau tidak dapat hapuskan. Borang-

borang cukai pendapatan jikalau boleh jadinya senang difahami dan senang diisi. Ini akan memudahkan orang ramai dan tidak menjadi satu alasan kepada mereka yang enggan membayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya kaunter-kaunter yang sedia membantu, telefon nombor dan juga halaman web orang ramai akan mendapati LHDN telah menyediakan pelbagai kemudahan kepada mereka untuk bayar cukai. Bagi mereka yang sentiasa cuba mengelakkan cukai, saya mencadangkan untuk mengadakan Unit Penguat kuasa di LHDN dipertingkatkan dan mengadakan lebih ramai kakitangan yang telah berpengalaman untuk memantau dan mengesan mereka yang enggan membayar cukai. Pendapatan cukai adalah penting untuk negara sebab inilah sumber kerajaan boleh mengadakan Belanjawan dan juga untuk pembangunan negara. Jikalau setiap rakyat turut membaya cukai masing-masing, maka kerajaan akan mengadakan sumber pendapatan yang lebih besar dan Belanjawan yang lebih besar merangkumi semua aspek dalam pembangunan negara.

Cukai bukan dibayar tanpa sebarang perkhidmatan dari kerajaan kepada rakyat, bila seseorang rakyat membayar cukai, dia mahu perkhidmatan yang *up to standard*. Kerajaan pun boleh membelanjakan lebih untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan dan servis ataupun perkhidmatan untuk rakyat. Kesedaran orang ramai juga harus ditingkatkan supaya rakyat boleh menganggap bayaran cukai sebagai kewajipan rakyat dan bukan kerajaan yang ingin rakyat berbuat demikian. Cara taksiran diri ini juga merupakan suatu langkah yang meletakkan tanggungjawab bayar cukai kepada rakyat dan bukannya kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi syarikat pula saya tidak pasti sama ada mereka sempat mematuhi pembinaan supaya mengemukakan taksiran cukai dalam masa enam bulan daripada tarikh penutupan akaun. Tetapi bila dilihat dengan teliti langkah baru yang meminta sesuatu syarikat mengemukakan taksiran cukai dalam masa enam bulan akan mengakibatkan semua syarikat mempunyai rekod akaun yang terkini. Sekarang banyak syarikat tidak ikut.

Sudah menjadi satu kelaziman di mana banyak syarikat yang lewat mengemukakan penyata akaun mereka kepada LHDN dengan alasan mereka menyediakan penyata pada masa yang ditetapkan. Langkah yang diamalkan baru-baru ini secara tidak langsung akan meransang syarikat-syarikat mengemaskinikan akaun mereka atau mereka gagal mengikut peraturan. Anggaran cukai yang harus dibayar juga merupakan suatu cara tidak langsung membantu syarikat-syarikat sedia

bayar cukai dan sebarang perubahan untuk mengelakkan bayaran cukai bukannya mudah lagi jika dibandingkan dengan cara dahulu. Anggaran tersebut juga boleh menjadikan suatu kayu ukuran ataupun *yard stick* dengan izin, untuk mengetahui berapa banyak cukai sesuatu syarikat yang akan dibayar.

Sungguhpun ia merupakan anggaran sahaja tetapi ini akan merumitkan mereka yang ingin mengelakkan bayaran cukai. Dengan ini syarikat-syarikat terpaksa menyediakan wang simpanan dari keuntungan untuk membiayai cukai dengan lebih berdisiplin dan serius. Ini ada satu kesan yang begitu bagus. Cara taksiran diri ini boleh meringankan kerja kakitangan LHDN dan lebih ramai kakitangan boleh dihantar ke Bahagian Penguat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan inilah saya turut menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

### **3.24 ptg.**

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin memberi pandangan mengenai pindaan Rang Undang-undang Cukai Pendapatan yang telah dibentangkan sebentar tadi.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kementerian kerana telah berjaya membuat satu pindaan mengenai cukai pendapatan yang kita anggap seperti mana juga rakan-rakan di dalam Dewan yang mulia ini tadi telah berkata tepat pada masanya selari dengan kehendak masa untuk kita terus menjadi negara yang membangun kerana kalau kita lihat peruntukan-peruntukan undang-undang ini sebenarnya terdapat dalam negara-negara yang lain yang banyak lebih memberikan tanggungjawab kepada rakyatnya dan juga kepada syarikat-syarikatnya untuk dengan sendirinya menentukan dan mengira cukai yang perlu dibayar. Seperti mana juga yang telah diperkatakan oleh rakan-rakan dalam Dewan yang mulia tadi juga bahawa kita mahu melihat kepada pengutipan cukai itu bukannya datang daripada satu undang-undang ataupun hukuman berat yang dikenakan oleh kerajaan tetapi ialah kerana adanya rasa tanggungjawab daripada individu dan juga daripada individu-individu yang menganggotai syarikat untuk mahu membayar cukai.

Jadi, ini adalah satu perkara yang amat-amat kita alu-alukan dan dari segi kecekapan pihak kementerian mengutip cukai, saya juga ingin mengucapkan tahniah kerana mengikut laporan ekonomi negara dan Kementerian Kewangan 1993/1994 didapati 78% pendapatan kerajaan adalah daripada pengutipan cukai. Mahu tidak

mahu juga tentulah kecekapan yang tinggi yang telah dapat dilaksanakan oleh pihak kementerian.

Tuan Yang diPertua, walau bagaimanapun kita perlu ingat bahawa cukai ini memanglah satu *instruments* untuk meregularisasikan ekonomi negara selain daripada kita menggunakannya untuk mendapat pendapatan bagi negara. Kita juga perlu lihat kepada sejarah bahawa cukai juga jikalau pemerintah tidak betul-betul adil dan tidak betul-betul melaksanakan cara pengutipan cukai dan penentuan jumlah cukai, ianya juga akan menjatuhkan sesuatu pemerintahan kerana cukai ini perlu dilihat ianya tidak menyusahkan dan tidak membebankan tetapi sebenarnya menjadikan satu alat untuk membolehkan orang yang berada atau mempunyai pendapatan mengagihkan pendapatan kepada mereka yang kurang bernasib baik sama ada dalam bentuk untuk membantu secara langsung ataupun dalam bentuk kita membina infrastruktur untuk membolehkan negara terus membangun dan memberi nikmat kepada negara.

Saya hanya suka mengimbas kepada sejarah di mana kita dapati apabila pengutipan cukai atau penetapan cukai itu terlalu tinggi atau terlalu menyusahkan atau menjadi satu sumber penindasan, kita akan dapati bahawa mereka yang melaksanakannya akan dihukum. Contohnya, Birch telah dibunuh oleh Maharajalela kerana salah satunya ialah British telah mengenakan cukai yang tinggi kepada orang-orang Melayu di Perak pada masa itu.

Begitu juga telah berlakunya revolusi Perancis (*French Revolution*) kerana terlalu banyak cukai telah dikenakan kepada penduduk-penduduk. Yang menarik juga ialah cerita Robin Hood dan King John yang kita tahu adalah mengenai cukai dan pendapatan dan pengagihan pendapatan rakyat. Saya juga mengimbas ingatan kepada kita juga bahawa dalam kita menentukan cukai kita tidak boleh menjadi tamak hingga kita meninggikan cukai tanpa mengambil kira perkara-perkara yang akan membebankan rakyat ataupun akan membawa kepada kerosakan.

Sejarah Islam dalam masa Bani Abas dan Ubaidi telah mempertingkatkan cukai yang tinggi dan telah jatuh empayar mereka kerana pemerintah-pemerintah yang telah meningkatkan cukai.

Tuan Yang diPertua, jadi cukai walaupun apa yang kita katakan, pada saya adalah satu perkara yang amat menarik dalam kita melaksanakan pemerintahan negara. Tetapi kita juga berasa bangga di negara ini kerana undang-undang cukai yang ada di negara ini adalah undang-undang yang adil dan saksama dan apa yang cuba kita lakukan dalam masa yang berlalu dan akan datang ialah kita dapati revolusi

yang tinggi dalam kita membaiki undang-undang cukai ataupun tahap cukai dan pengagihan cukai.

Kita dapati bahawa sebenarnya kerajaan telah pun membuat satu penyelidikan dan satu kajian di mana telah diadakan satu *tax reform* yang telah dibuatkan juga satu *report* dalam tahun 1998 yang menjadikan asas kepada penyelidikan dan review, dengan izin, asas cukai-cukai negara ini. Malah kalau kita lihat juga melihat dalam sistem cukai secara sivil ini, kita juga patut berbangga bahawa sistem pengutipan zakat kita secara Islam juga adalah sangat efisien. Kalau kita lihat kepada apa yang selalu diperkatakan bahawa apa pun sekali dalam prinsip-prinsip Islam kita masih lagi telah meningkatkan juga dari aspek Islamnya tentang peningkatan pengutipan zakat.

Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa kalau kita hendak mengatakan bagaimanakah kita melihat kepada pengutipan zakat, saya percaya dan yakin bahawa kerajaan juga sentiasa tahu dan merujuk kepada prinsip-prinsip Al-Quran. Dalam Al-Quran sendiri saya kira ada 85 ayat mengenai zakat dan sedekah dan juga dalam buku Ibnu Khaldun dan dalam buku *Mukaddimah* ada sebanyak 100 muka surat mengenai cukai dan pendapatan.

Saya tahu bahawa Kerajaan Malaysia, Kementerian Kewangan dari dahulu lagi telah banyak memberikan atau merujuk kepada prinsip-prinsip Islam sebagai prinsip-prinsip yang juga digunakan kepada sistem percukaian kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu walaupun asas prinsip percukaian negara ini adalah berasaskan '*keynesian*' nature dan juga *general 'equalibrium'* atau *Walrasian in nature*, ianya merupakan satu yang boleh kita banggakan kerana di negara kita ini walaupun kita tahu banyak daripada peruntukan-peruntukan cukai di negara ini adalah berasaskan undang-undang daripada negara yang pernah menjajah negara ini *the British laws* tetapi kita tahu bahawa kita sentiasa mengolahnya dan sentiasa mengubahsuainya untuk kehendak semasa.

Jadi kita mengalu-alukan perubahan yang akan dilaksanakan. Walau bagaimanapun berdasarkan dan selari dengan kehendak Islam di negara ini, saya ingin mencadangkan bahawa syarikat-syarikat yang membayar zakat diberi rebet oleh Kementerian Kewangan, rebet yang boleh dikira sewajarnya seperti mana rebet yang diberikan kepada individu-individu yang membayar zakat. Saya berpendapat jikalau syarikat-syarikat yang dianggotai oleh orang-orang Islam telah membayar zakat perniagaan, maka perlulah juga kerajaan memberi pertimbangan untuk memberi rebet kepada syarikat-syarikat berkenaan.

Tuan Yang diPertua, saya juga bersetuju dan menyokong cadangan rakan-rakan yang telah berucap tadi bahawa sistem taksiran sendiri ini adalah merupakan satu sistem yang baru dan perlu dilaksanakan dengan berperingkat, perlulah diberikan pendidikan yang mana boleh merupakan seminar-seminar dan juga kalau dikatakan Yang Berhormat Tuan Tee tadi kita adakan kaunter-kaunter di *shopping* kompleks untuk kita memberikan maklumat. Saya menyokong sepenuhnya dan perlulah juga seperti mana dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Nor Azah tadi perlu adanya *grace period* atau tempoh masa untuk kita dapat menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta ini, kerana didikan dan pengetahuan ini amat penting dan perlulah juga kita memberi maklumat-maklumat kepada syarikat-syarikat dan individu-individu tentang penalti-penalti yang dikenakan, kerana kadang kala ramai orang mengatakan bahawa ia tidak tahu mengenai undang-undang dan dikenakan penalti dan mereka merasakan itu menjadi satu beban dan tidak adil, walhal kita tahu tidak mengetahui undang-undang itu bukanlah satu alasan.

Saya berpendapat bahawa perlulah diberitahu seluas-luasnya oleh pihak kementerian kepada individu dan juga kepada syarikat-syarikat agar mereka faham. Jikalau kita semua di sini bersetuju bahawa membayar syarikat itu adalah merupakan satu tanggungjawab, saya juga ingin mencadangkan bahawa pihak kementerian menyebarkan maklumat-maklumat mengenai kutipan-kutipan cukai yang telah dibuat dan bagaimanakah wang cukai kutipan itu digunakan, dengan izin, *utilization of the taxes*, mungkin boleh keluaran satu *annual report* agar orang yang membayar cukai atau mereka yang tidak membayar cukai sedar dan tahu bahawa wang yang diberi itu adalah diberikan penggunaan yang baik.

Tuan Yang diPertua, saya juga ingin mencadangkan bahawa kita juga perlu mengkaji dari segi pelaksanaan yang dilaksanakan oleh pihak kementerian, sejauh manakah kecekapan jentera kerajaan itu sendiri dan juga sejauh manakah *human resource* ataupun dengan izin, *man-power* yang ada di pihak kementerian. Adakah cukup bilangan dan cukup latihan seperti mana dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Aziz tadi.

Saya juga ingin menarik perhatian pihak kementerian kepada struktur jentera cukai di bawah Kementerian Kewangan. Apa yang saya lihat di dalam buku mengenai *The Malaysian Tax Law* ini ialah satu rajah organisasi jabatan-jabatan mengutip cukai di bawah Kementerian Kewangan. Kita dapati ada enam fungsi yang telah di kenal pasti dan enam fungsi ini adalah dilaksanakan oleh jabatan-jabatan

yang berlainan atau mungkin saya kurang pasti apa yang disebut. Walau bagaimanapun saya dapati bahawa satu *tax division*, dengan izin iaitu mempunyai fungsi untuk dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya bacakan di sini untuk mempercepatkan - *formulate implement and administer existing tax policies and new tax proposal* dan sebagainya termasuk di bawah *tax division* yang duduk di bawah *Deputy Secretary General I*. Saya dapati pula jabatan-jabatan lain yang seperti *special commissioner of income tax in the revenue, Royal Custom and Excise Department valuation property* dan juga *Accountant General Department* yang lain ini duduk *directly* ataupun terus di bawah *Secretary General of the Treasury*. Soalannya ialah, adakah organisasi yang begini dapat memberikan tahap kecekapan yang tinggi dalam pihak kementerian melaksanakan tugas mengutip cukai dan melaksanakan polisi-polisi cukai dan sebagainya kerana saya berpendapat ada baik mungkin semua jabatan ini diletakkan di bawah satu jabatan ataupun satu organisasi tersendiri yang mana kecekapan dan pemantauan daripada pelaksanaan fungsi-fungsi pihak jabatan ini dapat dilaksanakan dengan lebih baik.

Ini yang saya dapat lihat daripada gambar rajah ini, mungkin pihak kementerian dapat menerangkan dengan lebih lanjut lagi, kerana kecekapan pihak kementerian dalam menjalankan tugasnya akan amat sangat bergantung kepada struktur organisasinya agar ia ia dapat berinteraksi dan adanya koordinasi yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya juga ingin menarik perhatian pihak kementerian ialah tentang *methodology* pungutan cukai. Adakah sistem yang ada ini merupakan sistem yang termudah dan *convenient* dan adakah didapati daripada pengalaman pihak kementerian, pegawai-pegawai cukai pihak kementerian bahawa pengutipan cukai yang dilaksanakan adalah perkara yang telah dapat dilaksanakan dengan lebih baik. Adakah pihak kementerian mendapat rungutan-rungutan bahawa borang-borang cara pengutipan itu adalah cara yang paling sesuai. Kalau saya tahu daripada apa yang saya lihat, mungkin banyak lagi peningkatan-peningkatan dari aspek pengutipan perlu dilihat dan perlu dikaji, antaranya ada diperkatakan tentang perbezaan antara pentaksiran dan *collection period* itu, sama ada adakah ianya merupakan perkara yang menyulitkan untuk pihak yang berkenaan membayar dan adakah ini satu lagi perkara yang kita anggap akan dapat sebenarnya memberikan *efficiency* yang tinggi daripada pihak kementerian.



Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang seksyen-seksyen secara khususnya yang telah dibentangkan sebagai pindaan kepada Rang Undang-undang Cukai Pendapatan ini. Pertamanya saya juga sama-sama dengan rakan lain mengucapkan tahniah kerana kita bersesuaian dengan MSC dan bersesuaian dengan langkah-langkah kita untuk menjadikan *e-government*, kita juga membuatkan cara untuk pembayaran cukai dengan cara *electronictransmission*. Ini bukan sahaja pastinya akan mempertingkatkan lagi keupayaan dan mengurangkan tempoh masa untuk mengutip cukai tetapi juga mungkin akan mengemaskinikan juga cara-cara untuk pengutipan data-data yang lebih lengkap. Saya juga ingin menyebut di sini bahawa mengikut *amendment 77* ini juga, cara elektronik ini akan dapat memberikan kita kepada satu pendedahan secara paksa untuk kita menggunakan elektronik.

Yang keduanya ialah di bawah seksyen 80. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian apakah yang dimaksudkan dengan "*the Director General or an authorized officer with all reasonable facilities and assistance for the exercise of his powers under this section*", iaitu pihak kementerian boleh menggunakan kuasanya untuk mendapatkan semua *reasonable facilities and assistance*, apakah yang dimaksudkan di sini. Adakah ianya bermakna bahawa jikalau apa pun yang diminta oleh pihak kementerian atau 'tax officers' ini perlu diberi, kalau contohnya kunci, adakah semua kunci perlu diberi ataupun kalau dokumen adakah semua dokumen yang perlu diberi.

Walaupun saya tahu bahawa pegawai-pegawai yang akan memasuki premis-premis untuk membuat penyelidikan tentang cukai ini adalah tertakluk kepada *Official Secrets Act*, tetapi saya juga berpendapat perlulah ada garis panduan apakah yang dimaksudkan dengan kuasa yang disebut sebagai '*reasonable*' ini. Sebab kalau daripada taksiran undang-undang '*reasonable*' ini perlulah merupakan satu perkara yang betul-betul *reasonable*. Tetapi kita perlu faham bahawa jikalau sesuatu syarikat ataupun pegawai sesuatu syarikat itu didatangi oleh pegawai-pegawai cukai, biasanya dia akan merupakan satu *authority* yang mana ianya juga akan memberikan satu perasaan duress atau tekanan dan jika itu berlaku apa *reasonable* kepada pegawai tax, mungkin tidak *reasonable* kepada orang yang dikenakan siasatan.

Jadi saya memohon sama ada penjelasan ataupun saya ingin mencadangkan perlu adanya garis panduan yang tertentu agar ianya tidak mencero bohi hak asasi ataupun hak-hak yang tidak sepatutnya diberikan kepada pihak yang menyiasat.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiganya saya ingin juga mendapat penjelasan jikalau di bawah *Amendment of Section 90* bila dikatakan “*the return shall be deemed to be a notice of assessment*” dan ‘*assessment*’ itu adalah ‘*deemed to be the correct to have make the assessment*’. Di sini juga kita perlu melihat kepada keadilannya. Kalaulah adanya sesuatu *error* dalam *competition of the tax*, sejauh manakah, sebab kita tahu adakah di negara ini kita menggunakan bahawa seseorang itu dianggap bersalah sehingga ianya dibuktikan tidak bersalah, adakah prinsip itu terpakai dalam kita menentukan cukai. Terutamanya dalam masa kita menguatkuasakan cukai ini dalam tempoh masa yang awal ini kerana ramai rakan di syarikat-syarikat mengatakan kemungkinan *assessment* itu akan lari ataupun tidak berapa tepat adalah tinggi dan juga kita juga difahamkan bahawa jikalau dibuat taksiran itu kesalahan itu hanya 30% dan pihak syarikat hanya diberi peluang satu kali sahaja untuk membetulkan *assessment* yang tidak betul.

Jadi adakah pihak kementerian merasakan itu cara yang sebaiknya dan cara yang seadilnya. Adakah pihak kementerian bercadang untuk memperluaskan tempoh masa memberikan kesempatan yang lebih jikalau berlakunya kesilapan dan juga sama ada dia boleh mengambil kira untuk memberikan peluang bukan hanya sekali tetapi mungkin dua kali untuk, ataupun apa yang dianggap munasabah untuk membolehkan pembetulan kepada *assessment* ataupun pentaksiran cukai yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan satu lagi perkara yang juga merupakan satu kemusykilan iaitu apabila seseorang itu membayar mengikut Seksyen 103A ataupun mungkin masuk di bawah seksyen ini, kalaulah pihak syarikat membuat bayaran cukai dan adanya kesilapan di pihak kementerian tentang jumlah yang perlu dibayar, adakah kerajaan akan membayar balik kepada pihak syarikat jikalau ia didapati telah membuat kesilapan tersebut. Kita dapati di negara ini walaupun kita membayarnya balik ianya akan memakan masa dan mungkinkah pihak kementerian akan mengiranya sebagai cukai untuk tahun yang akan datang. Yang kita dapat tahu di negara-negara yang membangun kalau kita betul-betul hendak mengikut cara negara-negara membangun, biasanya jikalau adanya kesilapan tentang jumlah yang telah ditetapkan maka wang itu akan dikembalikan.

Saya berharap bahawa kita akan mengamalkan apa yang perlu dilaksanakan kepada syarikat-syarikat kalau terdapat *error* dalam *payment* hendaklah dipulangkan balik kerana wang itu bermakna kepada syarikat-syarikat terutama jikalau jumlahnya besar.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya anggap perlu juga saya bangkitkan di sini ialah tentang Special Provision Part III “*Estimate of tax payable for Year of Assessment 2001*”. Ini juga menimbulkan satu kemusykilan mungkin pihak kementerian dapat memberi penjelasan di bawah Seksyen 17 “*For the year of the assessment 2001 the estimate of tax payable furnished to the Director General under subsection 107c(2) of the principal Act shall not be less than the amount of tax payable for the year of assessment 1999*”.

Jadi adakah ada flexibility di sini kerana kalau ‘*shall not be less than the amount of tax payable*’, ‘*payable*’ ini maknanya kalau tahun yang akan datang dia kena lebih. Tetapi apa kata kalau dia telah membuat kerugian. Jadi ini mungkin agak mengelirukan. Mungkin pihak kementerian dapat memberi jawapan, tentu sekali saya rasa pihak kementerian tidak bermaksud untuk berlaku tidak adil kepada syarikat-syarikat terutamanya kalau syarikat-syarikat itu tidak membuat keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya banyak lagi dalam peruntukan ini sebab ianya terlalu teknikal yang hanya dapat dilihat kelemahan semasa ianya dilaksanakan. Kita berharap bahawa seperti mana rakan-rakan dalam Dewan ini juga telah berkata perlu ada tempoh masa yang lebih panjang dan *flexibility* dalam menguatkuasakan undang-undang ini nanti akan dilaksanakan oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya tadi saya telah banyak meminta penjelasan daripada pihak kementerian tentang peruntukan-peruntukan dalam seksyen-seksyen yang telah dipinda. Ini ialah kerana jikalau kita tahu dalam undang-undang kalau ianya ada peruntukan-peruntukan itu yang *ambiguous*, yang kita susah hendak faham ataupun tidak dapat memberi makna yang tepat maka, *benefit must be given to the tax payer, if there is a doubt*. Saya harap pihak kementerian dapat mengamalkan ini kerana kita tahu dalam apa-apa pun jikalau kes-kes di mana kalau ianya merupakan kes yang melibatkan di antara pihak yang lebih berkuasa dengan pihak yang kurang berkuasa atau yang akan dikenakan undang-undang maka, *the benefit of the doubt is given to the party that has been taken to the court*.

Saya juga ingin mengatakan di sini bahawa apa pun peruntukan di dalam ini yang tidak dinyatakan dengan jelas maka mahkamah tidak akan mengambil kira perkara-perkara yang mungkin bertentangan dengan tujuan atau kepercayaan Parlimen semasa meluluskan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya saya menekankan tentang pentaksiran-pentaksiran dan apakah matlamat dan tujuan kita adakan pindaan rang undang-undang

ini kerana ianya terlalu teknikal. Tentu sekali saya percaya ianya ada seksyen-seksyen nanti atau perkataan-perkataan ataupun paragraph-paragraph yang akan dibawa ke mahkamah untuk mendapatkan taksiran. Jadi pentingnyalah hari ini di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara ini, maksud dan tujuan semangat, *the spirit, of the law*, pindaan undang-undang ini dapat dijelaskan oleh pihak kementerian kerana apabila kita pergi ke mahkamah kita tidak mahu berlakunya satu ketidakadilan, tidak mahu satu penindasan berlaku kerana salah taksiran daripada peruntukan-peruntukan yang diberi.

Justeru itu, penjelasan-penjelasan yang dipohon oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan rang undang-undang ini, saya harap pihak kementerian dapat memberikan penjelasannya, jika tidak pun dapat memberikan secara lebih khusus walaupun dalam perbentangan ini telah dinyatakan tujuan dan matlamat, ia juga dapat memberikan apakah sebenarnya ataupun semangat undang-undang (*the spirit of the law*) ini ada diwujudkan dan bagaimanakah keadaan-keadaan yang wujud kini yang sebenarnya menuntut kepada perubahan-perubahan yang dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya sampaikan dan saya mengharapkan bahawa pindaan-pindaan undang-undang ini akan terus dikembangkan, akan terus melalui evolusi-evolusi perubahan yang membawa kepada kebaikan dan kebajikan agar sistem cukai di negara ini bukan sahaja dapat menerajui satu sistem yang lebih baik daripada yang baik di seluruh dunia tetapi juga kita beranggapan bahawa prinsip-prinsipnya tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam dan dapat selari dengan pungutan zakat yang juga dilaksanakan oleh pihak Majlis Agama Islam untuk orang Islam dan sekaligus kita sama-sama dalam sistem yang lain tetapi dalam satu negara kita dapat membangunkan negara untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat. Terima kasih, saya dengan ini juga menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Timbalan Yang di-Pertua, pertama sekali saya nak mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan ) (No.2) 1999 dan telah memberikan teguran, pandangan, saranan dan cadangan yang begitu membina sekali termasuk Dato' Aziz Abdul

Rahman, Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin, Yang Berhormat Tuan Tee Thiong Hock dan juga Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

Beberapa orang ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perasaan bimbang tentang sistem baru ini akan membangkitkan kekeliruan antara rakyat Malaysia. Kita memang sedar bila kita melaksanakan satu sistem baru, kita mesti melaksanakan mengikut peringkat dan memberikan publisiti yang secukupnya supaya tidak mendatangkan kesulitan di kalangan rakyat. Maka dalam perkara ini kita akan laksanakan sistem baru ini iaitu sistem taksiran sendiri mengikut tiga peringkat iaitu peringkat pertama pada tahun 2001, di mana cuma syarikat dikehendaki melaksanakan sistem ini. Pada tahun 2003 di mana *self-employed* dengan izin, dan juga koperasi dan persatuan dikehendaki mengikuti sistem baru ini. Cuma tibanya tahun 2004 sahaja orang perseorangan khususnya orang yang makan gaji cuma dikehendaki mengikuti sistem baru ini. Maka memang ada beberapa tahun bagi kita memberi penerangan yang secukup-cukupnya kepada rakyat Malaysia supaya tidak timbul kekeliruan.

Untuk memberikan publisiti yang secukupnya kepada rakyat Malaysia tentang perkara baru ini pihak kementerian juga telah mengadakan satu jawatankuasa khas untuk publisiti dan pembelajaran cukai. Jawatankuasa ini akan giat mengadakan program-program selepas rang undang-undang ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang diPertua, beberapa orang Yang Berhormat juga sudah mencadangkan supaya langkah-langkah yang tertentu harus diambil dan dilaksanakan oleh pihak kementerian supaya dapat meningkatkan kesedaran antara rakyat Malaysia tentang tanggungjawab mereka untuk membayar cukai atau pun meningkatkan *voluntary tax compliant* dengan izin. Pada masa ini pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri sudah pun ada pelbagai program untuk meningkatkan *voluntary tax compliance* melalui antaranya talk shows radio dan TV, melalui risalah, melalui seminar, melalui garis panduan yang tertentu.. Untuk masa yang akan datang, projek pembelajaran cukai akan juga dipertingkatkan lagi.

Tuan Yang diPertua, beberapa orang Yang Berhormat juga berbahas tentang tempoh enam bulan dalam sistem baru ini. Tempoh enam bulan yang diberikan kepada syarikat untuk mengemukakan penyata pendapatan selepas akaun mereka ditutup sama ada enam bulan ini mencukupi. Perkara ini pihak kementerian saya dan juga pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri telah pun mengadakan berbagai-bagai jenis

dialog dan juga perundingan dengan syarikat-syarikat yang berkenaan dengan badan-badan profesional dan juga badan-badan perniagaan dan didapati bahawa enam bulan ini adalah merupakan satu tempoh yang munasabah, merupakan satu tempoh yang mencukupi bagi syarikat-syarikat untuk mengemukakan penyata pendapatan dengan audited account. Maka 6 bulan ini adalah merupakan satu tempoh yang kita dapat mencukupi.

Yang Berhormat Dato' Aziz Abdul Rahman bertanya berapa banyak syarikat yang gagal menghantar taksiran dalam tempoh ikut praktis atau pun untuk amalan sekarang ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini kira-kira 30% dari syarikat yang telah menghantar borang penyata pendapatan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri gagal mengembalikan dalam tempoh yang ditetapkan dan tindakan susulan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri ialah mengeluarkan notis terakhir untuk tujuan tindakan mahkamah.

Tentang berapa banyak denda yang telah dikenakan ke atas syarikat yang gagal menghantar taksiran dalam tempoh - minta maaf Tuan Yang di-Pertua, maklumat ini tidak dapat saya berikan pada masa ini dan saya akan berikan kepada Yang Berhormat berkenaan secara bertulis kemudian.

Tentang ejen cukai, syarat kelayakan untuk menjadi ejen cukai. Syarat kelayakan adalah, professional *accountant*, dengan izin, dan siswazah yang berpengalaman dalam bidang percukaian selama tidak kurang dari lima tahun. Maka dengan syarat ini kita yakin bahawa bila sistem baru ini dilaksanakan dalam tahun 2001 untuk syarikat saja oleh kerana penyata ini akan dikemukakan kepada Ketua Pengarah melalui pihak yang cukup berpengalaman maka kita yakin bahawa kekeliruan ini akan dikawal dalam satu tahap yang minimum.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Aziz juga mencadangkan supaya kerajaan memberikan insentif percukaian untuk beberapa perkara khususnya penggabungan bank, pasaran bon dan sebagainya. Memang kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif percukaian seperti pengecualian cukai setem, pengecualian keuntungan harta tanah, potongan cukai pendapatan dan juga kredit cukai untuk tujuan yang dimaksudkan tetapi cadangan kerugian sebanyak 100% dibenarkan dalam penggabungan bank akan melibatkan kerugian hasil yang banyak dan adalah di luar kemampuan pihak kerajaan. Tetapi satu cadangan yang saya sangat setuju iaitu mungkin saya akan berikan perhatian yang serius kepada cadangan supaya

insentif percukaian diberi kepada kos perkhidmatan *consultancy* yang ada kaitan dengan IT. Ini memang sangat tepat masa supaya kita dapat mengikuti zaman IT ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa cadangan lagi yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk mencadangkan borang cukai pendapatan ataupun borang *return* cukai pendapatan perlu dipermudahkan. Lembaga Hasil Dalam Negeri sedang merangka satu borang *return* cukai pendapatan yang mudah diisi. Borang tersebut akan menunjukkan cara pengiraan cukai kena bayar dan juga *amount* cukainya. Satu ketetapan ataupun satu *guide line* mengenai cara mengisi borang *return* akan dikeluarkan kepada pembayar cukai tidak lama lagi.

Yang Berhormat Tuan Tee Tiong Hock khuatir sama ada sistem komputer di Lembaga Hasil Dalam Negeri ini sama ada *Y2K compliance*. Saya hendak mengambil kesempatan di sini, tinggal 3 – 4 hari kita akan masuk ke millennium baru bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri memang telah mengambil langkah yang sangat serius. Ini saya telah pun dimaklumkan semasa saya berkhidmat di Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia untuk memastikan sistem komputer yang digunakan adalah *Y2K compliance*.

Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah merupakan satu jabatan yang *pioneer*, merupakan satu jabatan yang awal-awal telah mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah Y2K ini. Ujian demi ujian telah dibuat dan kesemua sistem yang digunakan didapati lulus ujian tersebut. Di samping itu Lembaga Hasil Dalam Negeri juga telah mencetak lejar pembayar cukai. Ini bagi membolehkan semakan dibuat sekiranya perlu.

Yang Berhormat juga mencadangkan supaya Lembaga Hasil Dalam Negeri mengadakan *hot line*, *e-mail* dan laman *web*. Lembaga sememang sudah menyediakan kemudahan email dan mempunyai laman webnya sendiri, mungkin ini *hot line* setiap cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri mempunyai Pegawai Perhubungan Awam dan boleh dihubungi talian terus mereka sendiri. Kalau Yang Berhormat minat, saya boleh beri alamat *hot mail* dan juga *e-mail* kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga mencadangkan, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dan Yang Berhormat Datuk Nor Azah mencadangkan supaya tempoh percubaan untuk menfail borang penyata melalui elektronik. Sistem menfailkan secara elektronik belum dilaksanakan lagi. Kita harap dengan kelulusan pindaan oleh Dewan yang mulia ini, pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri boleh membuat persediaan dan

mengambil langkah-langkah yang tertentu dalam beberapa peringkat supaya perkara ini dapat dilaksanakan tidak lama lagi.

Yang Berhormat Puan Kamalia telah mencadangkan supaya memberikan rebet kepada syarikat yang membayar zakat. Buat masa ini hanya zakat yang dibayar oleh individu dibenarkan sebagai rebet dan tiada peruntukan khas yang membenarkan zakat yang dibayar oleh syarikat diberi rebet cukai pendapatan dan zakat yang dibayar oleh syarikat ini adalah secara sukarela.

Saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat Puan Kamalia bahawa *utilization of taxes* ini kita harus memberitahu kepada umum. Cara melaksanakan cadangan ini saya akan berbincang dengan pegawai-pegawai dari Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ini memang merupakan satu cadangan yang sangat membina.

Tentang seksyen 80(1A), apa ertinya "*reasonable facilities*" dan "*assistant*" mereka yang berkenaan harus memberikan kepada Ketua Pengarah. Memang pegawai-pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri, bila mereka melaksanakan tugas, mereka tidak harap dapat kuih, minuman teh, biskut dan sebagainya. Mereka cuma harap kerjasama yang penuh dapat diberi oleh mereka yang berkenaan kerana dalam akta yang sedia ada, mereka yang berkenaan boleh – misal kata pegawai minta kunci *save*, mereka boleh menolak permintaan ini dan sebagainya tetapi dengan kelulusan akta ataupun seksyen ini, mereka dikehendaki, diwajibkan – misal kata pegawai minta kunci *save*, kunci ini mesti diserahkan kepada pegawai yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, *methodology* pungutan cukai - sama ada sistem yang digunakan oleh Kerajaan Malaysia setakat ini adalah efisien. Pada kebiasaannya cukai dipungut terus daripada pembayar cukai. Walau bagaimanapun terdapat keadaan di mana cukai dikutip melalui pembayar dan bukannya penerima seperti melalui kaedah sistem Potongan Cukai Berjadual yang dikenakan terhadap individu yang mempunyai pendapatan. Kajian terhadap sistem ini didapati adalah lebih baik di mana penguatkuasaan dibuat ke atas majikan yang bilangan sedikit kalau dibandingkan dengan bilangan pekerja.

Mengenai soalan dan pertanyaan, bagaimana jika terdapat kesilapan dalam anggaran pendapatan. Mengikut kebiasaan dan peruntukan yang dicadangkan, anggaran pendapatan boleh disemak semula dalam bulan yang keenam tahun asas iaitu bila sesuatu *estimate* dikemukakan kepada pihak yang berkenaan iaitu Ketua Pengarah. Selepas enam bulan, kalau syarikat yang berkenaan mendapati *estimate* ini adalah lebih rendah ataupun lebih tinggi, ia boleh melakukan pengajian semula



selepas enam bulan. Maka perkara ini tidak akan mendera kepada syarikat-syarikat yang berkenaan.

Dalam kes yang mengalami kerugian, pembayar cukai boleh memohon arahan yang berasingan daripada Ketua Pengarah dan kes akan dipertimbangkan mengikut merit sesuatu kes yang berkenaan. Tentang *special provision*,.....[Mencari sesuatu] Sebelum ini ada satu lagi saya sudah buat catatan, iaitu kalau sekiranya sesuatu syarikat telah membuat bayaran yang lebih dan ini adalah atas kesilapan kementerian ataupun kesilapan Lembaga Hasil Dalam Negeri sama ada bayaran lebih ini akan dikembalikan kepada syarikat ataupun orang perseorangan, jawapannya ialah ya. Kita akan bayar balik dan biasanya dalam tempoh tiga bulan, bukan sahaja kalau kita buat kesilapan, kalau sekiranya *estimate* yang dibuat oleh pihak syarikat lebih tinggi, terlalu tinggi dan melakukan lebihan dalam bayaran, kita juga akan mengembalikan lebihan ini kepada pihak yang berkenaan tetapi tanpa faedah.

Tentang *special provision* seksyen 17, Yang Berhormat Puan Kamalia meminta penjelasan sama ada *flexibility* akan diberikan kepada pembayar cukai. Mengikut peruntukan ini anggaran cukai bagi tahun taksiran 2001 tidak boleh kurang daripada cukai bagi tahun taksiran 1999, tiada *flexibility* dalam melaksanakan peruntukan. Akan tetapi syarikat dibenarkan mengemukakan anggaran cukai disemak semula ataupun *revised estimate* pada bulan keenam di mana saya telah memberikan penerangan sebentar tadi. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Majlis sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 17** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN) 1999

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

#### 4.12 ptg.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 1999 ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 selepas ini disebut Akta 1964 bagi maksud untuk membolehkan penggunaan Cukai Jualan pada kadar spesifik ke atas barangan petroleum.

Untuk memenuhi komitmen Malaysia mengenai Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Asean di bawah skim *Common Effective Preferential Tariff (CEPT)*. Cadangan berkaitan produk petroleum ialah supaya duti import dan duti eksais atasnya dimansuhkan terus dan sebagai ganti barangan ini dikenakan cukai jualan spesifik pada kadar semasa yang sama dengan kadar duti import dan duti eksais yang dimansuhkan itu supaya kehilangan hasil dapat dielakkan.

Untuk membolehkan perlaksanaan cukai jualan ke atas barangan petroleum dalam bentuk kadar spesifik, beberapa peruntukan Akta 1964 perlu dipinda untuk menyesuaikan dengan kehendak kawalan cukai jualan dalam bentuk kadar duti spesifik serta untuk membolehkan siri kawalan tertentu diadakan khusus bagi industri petroleum.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menghuraikan perkara-perkara penting dalam Rang Undang-undang ini:

Fasal 2, bertujuan untuk menetapkan tarikh Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1999 ini berkuatkuasa, iaitu pada 1 Januari 2000. Ini adalah bagi melaksanakan pengenaaan cukai jualan ke atas barangan petroleum mulai 1 Januari 2000 bagi menggantikan pemansuhan duti import dan duti eksais ke atas barangan petroleum mulai dari tarikh yang sama;

Fasal 3 bertujuan untuk meminda Seksyen 2 Akta 1964 untuk meluaskan takrif 'pengilangan' supaya meliputi 'pengilangan petroleum' dan bagi memasukkan takrif baru 'bagi petroleum';

Fasal 4, bertujuan untuk meminda Seksyen 16 Akta 1964 untuk membenarkan cukai jualan dihitung berdasarkan kuantiti barang yang dijual atau dilupuskan atau

diimport sebagai tambahan kepada kaedah hitungan berdasarkan nilai jualan yang digunakan sekarang;

Fasal 5, bertujuan untuk meminda subseksyen 17(1) Akta 1964 untuk menghendakki kuantiti barang yang dijual direkodkan dalam invoice yang dikeluarkan;

Fasal 6 dan 7, masing-masing bertujuan untuk meminda subseksyen 69(1) dan 70(1) Akta 1964. Pindaan-pindaan itu bertujuan untuk menghendakki penyelesaian dan penerima bagi pengimport barang-barang termasuk petroleum yang baginya cukai jualan kena dibayar supaya memberikan notis kepada Ketua Pengarah Kastam dalam tempoh 14 hari dari perlantikannya, mengasingkan sejumlah wang yang mencukupi daripada apa-apa aset untuk membayar cukai jualan sebelum melupuskan aset-aset itu dan membayar cukai jaluannya yang kena dibayar itu. Buat masa sekarang hanya penyelesaian dan penerima bagi pengilang berlesen sahaja yang tertakluk kepada kewajipan-kewajipan ini; dan

Fasal 8, bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru 18 ke dalam Akta 1964 yang khusus memperkatakan petroleum. Bahagian baru 18 itu memasukkan seksyen baru 1991 hingga 1995. Seksyen 1991 menyatakan bahawa Akta 1964 terpakai bagi petroleum tertakluk kepada Seksyen 1992 hingga 1995. Seksyen 1992 memberi menteri kuasa untuk membuat suatu perintah yang mengubah berkenaan dengan petroleum. Tempoh cukai jualan menjadi terhutang dan kena dibayar dan tempoh kena cukai dan juga mengenakan syarat-syarat kepada perubahan-perubahan itu. Seksyen 1993 membenarkan mana-mana orang menerima daripada kawalan kastam, petroleum kena cukai yang diimport walaupun mana-mana bahagian atau kesemua cukai jualan atas barang-barang itu belum dibayar. Seksyen 1994 tidak membenarkan pengambilan balik berhubung dengan petroleum. Seksyen 1995 memperuntukkan bahawa bagi maksud petroleum peruntukan khas dalam Bahagian 14 dan 17 berhubung dengan Labuan dan Langkawi dalam Akta 1964 tidak mempunyai kuatkuasa dan petroleum di Labuan dan Langkawi akan tertakluk kepada peruntukan lain akta itu.

Fasal 9, memperkatakan peruntukan peralihan bagi petroleum yang tertakluk kepada duti eksais di bawah Akta Eksais 1976 apabila akta yang dicadangkan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2000.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Dato' Charern Intachat.

**4.22 ptg.**

**Dato' Charern Intachat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberi kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1999 yang akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2000.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong rang undang-undang ini saya ingin memberi sedikit pandangan saya tentang pindaan-pindaan ini. Apa yang saya dapat lihat di sini ialah Fasal 1 hingga Fasal 9 rang undang-undang ini ialah bertujuan untuk membolehkan kerajaan memungut cukai jualan ke atas minyak petrol. Ini jelas kita lihat pindaan kepada Seksyen 2 tentang takrif 'pengilangan' dalam konteks petroleum dan juga Seksyen 16 yang membolehkan cukai jualan dipungut atas kuantiti barang-barang yang dijual. Sekarang ini cukai jualan dipungut di atas nilai jualan.

Dengan pindaan ini cukai jualan boleh dipungut di atas kuantiti, contohnya minyak petrol di atas kadar cukai yang ditetapkan ke atas tiap-tiap liter minyak yang dijual. Jika kerajaan akan mengenakan cukai jualan ke atas minyak petrol saya bimbang tentang implikasinya, akibatnya harga minyak petrol mungkin akan naik dan jika ini berlaku akan wujud *the cascading effect* atau dengan izin dalam bahasa Malaysia kesan melata. Tiap-tiap peniaga akan mengambil kesempatan dengan memberi alasan kos transport naik dan kesudahannya semua jenis barang akan naik harga. Kesannya yang akan dirasai oleh seluruh masyarakat termasuk semua ahli Dewan yang mulia ini.

Oleh yang demikian, saya berharap kerajaan berhati-hati dan mengkaji lebih mendalam sekiranya cukai jualan hendak dikenakan ke atas minyak petrol. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat pernah berlaku di sebuah negara jiran kita di mana harga petrol naik disebabkan kenaikan cukai oleh pihak kerajaan maka terdapat bantahan dari semua golongan rakyat sehingga kerajaan terpaksa menarik balik tindakan menaikkan cukai ke atas minyak petrol. Sekarang ini cukai yang dikenakan ke atas petrol ialah cukai eksais. Jadi saya kurang faham mengapakah sistem cukai ini ditukar kepada sistem cukai jualan. Saya harap pihak kementerian boleh memberi penjelasan lanjut tentang perkara ini. Saya sedar kerajaan perlu mendapat sumber

untuk mendapatkan hasil mentadbir negara. Mungkin kerajaan boleh mengikhtiar tentang sumber-sumber yang lain selain daripada cukai jualan ini ke atas bahan petrol.

Dalam hubungan ini, saya ingin tahu juga tentang kutipan hasil di bawah Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 yang Dewan ini meluluskan tahun sudah. Berapa banyakkah kerajaan dapat pungut hasil di bawah akta tersebut. Dalam melaksanakan rang undang-undang ini iaitu mengenakan cukai jualan ke atas minyak petrol mungkin pihak kerajaan ada cara atau jalan untuk mengawal kenaikan harga minyak petrol ini. Jika ada, harap pihak kementerian dapat memberi penerangan supaya dapat mengurangkan kebimbangan kita. Sekian sahaja dan saya menyokong Rang Undang-undang Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1999. Terima kasih.

#### **4.25 ptg.**

**Dato' Abd. Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta beberapa penjelasan kalau boleh. Saya pun tidak berapa faham. Saya hendak tahu apakah implikasinya dengan wujudnya AFTA adakah petroleum antara negara-negara ASEAN ini boleh secara berterusan dijual tanpa cukai mengikut negara-negara ASEAN dan kalau ianya tidak menghapuskan cukai antara negara-negara dalam ASEAN bilakah ianya dilakukan, adakah ianya mengikut dari segi 2003 ataupun ianya berkuat kuasa sekarang. Pada masa yang sama di dalam Dewan yang mulia ini juga kita diberitahu bahawasanya pihak kerajaan memberi subsidi dari segi gas dan petroleum ini. Jadi, saya hendak tahu berapa banyakkah subsidi diberi dan adakah ianya menjejaskan dari segi harga pasaran yang disebutkan oleh sahabat saya tadi kalau sekiranya cukai jualan ini dikuatkuasakan ataupun subsidi berterusan, cukai jualan pun berterusan, jadi '*bottom line*'nya kosong, tidak ada perbezaan antara yang dulu dengan yang sekarang. Penjelasan sahaja yang saya hendak minta, saya tidak berapa faham. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

#### **4.18 ptg.**

**Puan Chia Chui Ket:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-Undang Cukai Jualan (Pindaan) 1999.

Tuan Yang di-Pertua, pemindaan Akta Cukai Jualan 1972 ialah untuk memenuhi komitmen Malaysia mengenai Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN di bawah skim Common Effective Preferential Tariff (CEPT).

Tuan Yang di-Pertua, tujuan rang undang-undang ini adalah baik kerana dapat mempertahankan *status quo*, bermakna jika duti import dihapuskan dan kita tidak ada

mekanisma untuk mengadakan cukai jualan maka hasil yang diperolehi dari duti import tersebut akan hilang dan negara kita akan mengalami kehilangan yang besar dari segi pendapatan negara. Walaupun demikian, saya ingin membawa satu perkara yang tidak dapat disebut dalam rang undang-undang ini tetapi sebenarnya ada kaitan iaitu mengenai Perlembagaan Bahagian V dan Jadual Ke-10.

Apa yang disebut dalam rang undang-undang ini hanya melibatkan Kerajaan Persekutuan dan hasil Kerajaan Pusat. Tetapi kalau mengikut Perlembagaan, Bahagian V, Jadual Ke-10 ialah dengan izin: "*Part V of the 10<sup>th</sup> Schedule of the Constitution – Additional sources of revenue assigned to the State of Sabah dan Sarawak: Clause no. 1: Import duty and excise duty on petroleum products*" sepatutnya dirujuk dan adalah terlibat dalam pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini hasil daripada duti import dan duti eksais daripada produk atau barangan petroleum ini yang terdapat di negeri Sabah dan Sarawak merupakan hasil pendapatan kepada kedua-dua negeri ini.

Kedua, saya juga ingin meminta supaya pelaksanaan undang-undang ini untuk pemansuhan duti import dan duti eksais ditangguhkan bagi Sabah dan Sarawak sehingga kedua-dua kerajaan negeri tersebut boleh berbincang dengan teliti dan seterusnya bersetuju atas apa-apa yang dicadangkan di dalam rang undang-undang ini.

Dengan ini, saya ingin meminta supaya Kerajaan Persekutuan dapat menjamin bahawa hak dan kedudukan yang sedia ada dan juga kedudukan kewangan bagi kedua-dua negeri ini tidak akan terjejas. Ini bukan ada minta tambahan, cuma meminta *status quo* dari segi hasil pendapatan bagi kedua-dua negeri ini dapat dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya di sini menyokong rang undang-undang ini dan pada masa yang sama meminta supaya *status quo* dari segi kewangan negeri Sabah dan Sarawak tidak akan terjejas.

Sekian dan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, minta menjawab.

#### **4.33 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sempat hendak buat apa tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan tentang Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1999. Terdapat tiga Ahli Yang Berhormat membahaskan rang

undang-undang ini yang pertama ialah Dato' Charern Intachat, yang kedua ialah Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan yang ketiga Yang Berhormat Chia Chui Ket Melanie.

Saya menarik perhatian kepada kebimbangan Yang Berhormat Dato' Charern tadi tentang implikasi cukai jualan terhadap kos minyak petrol dan untuk itu saya rasa kerajaan sentiasa mengambil kira tentang kesulitan yang bakal dihadapi oleh masyarakat kita dan para pengguna supaya tidak terjejas dengan pindaan Akta Cukai Jualan ini kerana itu saya suka memberikan jaminan bahawa kerajaan akan mengambil kira perkara ini dan memastikan supaya semua pihak tidak dibebankan dengan implikasi yang negatif daripada pindaan Akta Cukai Jualan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pengenaan cukai jualan atas petroleum yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Charern tadi, cukai jualan adalah dikenakan sebagai ganti kepada duti import dan duti eksais atas barangan petroleum yang dimansuhkan. Dengan itu cukai jualan bukanlah sebenarnya satu cukai tambahan dan dengan itu harga petroleum tidak seharusnya dan tidak sepatutnya naik. Ia bukannya satu cukai tambahan dan saya rasa kita tidak perlu bimbang tentang perkara ini dan seperti yang saya katakan tadi, kerajaan sentiasa memberikan jaminan supaya semua pihak dapat menerima pindaan ini dengan hati yang terbuka.

Soalan kedua daripada Yang Berhormat Dato' Charern, mengapa cukai jualan dikenakan sebagai ganti kepada duti import dan duti eksais. Untuk menjawab soalan ini iaitu cukai jualan ialah cukai yang paling sesuai untuk dikenakan menggantikan cukai duti import dan duti eksais tadi. Ianya lebih sesuai daripada cukai duti import dan duti eksais. Tentang soalan berapakah pungutan levi keuntungan luar biasa yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Charern tadi, hasil pungutan levi keuntungan luar biasa setakat Oktober 1999 adalah RM75,962,533.50.

Kepada soalan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, apakah implikasi ke atas harga petrol dengan pengenaan cukai jualan. Sebenarnya tidak ada implikasi harga kerana cukai jualan dikenakan untuk menggantikan duti import dan duti eksais yang dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Chia Chui Ket Melanie yang membangkitkan bahawa duti eksais dan duti import petroleum ialah hasil negeri Sabah dan Sarawak dan meminta Kerajaan Persekutuan memberikan jaminan bahawa hasil Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak tidak terjejas oleh sebab pemansuhan duti ini. Untuk menjawab kepada

perkara ini iaitu kehilangan hasil Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, akan diganti oleh Kerajaan Persekutuan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang telah dibangkitkan dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan pada mana-mana isu yang telah dibangkitkan dan tidak dapat saya memberikan jawapan, perkara ini ada dalam pengetahuan Kementerian Kewangan dan dicatatkan oleh pegawai-pegawai kita di belakang sana.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

#### **Fasal 1 hingga 9 -**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya Fasal 7 dan 8 ini, cara hendak mengutip cukai jualan ini, peringkat mana, adakah peringkat *retail*, maknanya apabila kita beli petroleum dari *Petronas Station* misalnya, adakah di dalam itu termasuk juga harga dan juga *levi tax*, cukai termasuk di situ atau di peringkat mana kita perlu bayar. Adakah di peringkat *point of sale, retail*, ataupun pemborong atau di mana. Adakah ia ini merupakan macam cukai dari segi macam *Value Added Tax (VAT)* atau macam mana. Saya tidak faham pengutipan cukai, *the incidence of tax*, cukai jaluannya peringkat mana.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada soalan daripada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dan untuk menjawab soalan ini cukai jualan dipungut di peringkat pengilangan ataupun peringkat import. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ada apa-apa lagi hendak minta penjelasan.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Saya juga ingin mendapat penjelasan mengikut bahagian baru Fasal 8. Mungkin pihak kerajaan boleh memberi penjelasan mengenai Seksyen 92, apakah sebenarnya kuasa yang diberi kepada Menteri itu dan



apakah *circumstances* ataupun keadaan-keadaan yang mana kuasa itu diberi kepada Menteri untuk melaksanakan tanggungjawabnya ataupun kuasanya melalui perintah. Adakah kuasa ini merupakan kuasa yang boleh dipersoalkan di mana-mana peringkat. Adakah kuasa ini kuasa yang muktamad sebab tidak ada disebut di sini.

Saya ingin juga mendapat penjelasan dengan lebih lanjut daripada pihak kementerian mengenai seperti mana yang dikatakan tadi komitmen kita sebagai anggota ASEAN. Jadi sejauh manakah kita rasakan bahawa komitmen itu adalah sebenarnya merupakan satu komitmen yang memberi manfaat kepada kita dan sejauh mana memberi manfaat. Kita rasakan kalau kita lihat walaupun kita ada perjanjian dengan negara-negara ASEAN untuk sama-sama kita melaksanakan dan menjalankan perniagaan tetapi adakah pada pandangan kita sejauh mana kita mendapat manfaat daripada kita menunaikan komitmen tersebut.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Pengerusi, untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia tadi, tentang kuasa yang diberikan kepada Menteri, adakah bersifat mutlak ataupun sebaliknya, saya sebenarnya tidak pasti tetapi saya rasa tidak ada satu pun kuasa yang bersifat mutlak, tidak ada menteri yang mempunyai kuasa mutlak kerana mana-mana menteri pun harus tertakluk kepada, yang pertama, Perlembagaan kita, undang-undang kita dan bertanggungjawab kepada Parlimen dan kerana itu saya rasa Menteri Kewangan kita tidaklah bersifat mutlak kuasanya dan sentiasa terdedah kepada tanggungjawab kepada Parlimen, undang-undang dan Perlembagaan negara kita.

Yang kedua tadi, tentang sejauh manakah komitmen negara kita dalam AFTA ini memberikan manfaat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Sebenarnya perkara ini telah dikaji oleh kerajaan kita dan tindakan yang kita buat sudah tentunya akan memberikan manfaat kepada kita dan sudah tentu kita tidak mahu menanggung risiko atau kerugian dalam apa-apa perkara dan saya rasa perkara ini telah pun dikaji oleh pihak kementerian dan kerajaan. Pindaan ini dan komitmen kita dalam ASEAN dalam apa perkara pun telah kita kaji dari segi buruk baiknya dan insya-Allah ianya akan memberi manfaat dan faedah kepada negara kita. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada apa-apa lagi.

**Fasal 1 hingga 9** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula***

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Agenda kita sudah habis. Sebagai penutup sesi ini saya mengambil peluang untuk mengucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya yang beragama Islam, Selamat Berpuasa lagi dan Selamat Berhari Raya, dan juga kepada semua Ahli Yang Berhormat yang lain juga Selamat Berhari Raya sungguhpun mereka tidak berpuasa. Insyallah, kita akan berjumpa pada satu tarikh yang akan ditetapkan.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 4.49 petang.***

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M. (Dilantik)
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato’ Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Puan Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)

- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim bin Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Tuan Parasurama n a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- “ Puan Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)

- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk Tee Thiong Hock, D.S.S.A., S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Negara**

Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha**

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**PARLIMEN KESEPULUH**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Jilid I****Bil. 2****Selasa****28 Disember 1999**

---

**K A N D U N G A N****PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

- Kebenaran Bercuti kepada Ahli  
(Ruangan 1)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat  
(Ruangan 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan  
(1999) (No.2) 1999  
(Ruangan 2)

Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No.2) 1999  
(Ruangan 60)

Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 1999  
(Ruangan 90)